

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



LANGGAN AKHBAR AMANAH SEGERA!
PERCUMA T-SHIRT

untuk urusan Langganan
☎ 011 3233 4322

AMANAH sambut baik PKR sedia bincang calon PM



→ ms2

Khalid sedia bantu Pas dan Umno

"Saya akan bantu Umno dan Pas dalam PRU14 nanti"
Tan Sri Khalid Ibrahim



→ ms2

Berita khalwat di PAU, pimpinan Pas suruh Harakahdaily tarik balik



→ ms9

1MDB adalah kleptokrasi paling teruk, kata peguam negara AS

AMERIKA RAMPAS RM14.1B HARTA 1MDB

DENGAN menyifatkan 1MSDB adalah kleptokrasi yang paling parah, Peguam Negara Amerika mengumumkan rampasan harta dari 1MDB sebanyak RM14.1 bilion.

Ia diumumkan Jeff Sessions dalam satu ucapannya di ibu pejabat Bank Dunia di Washington DC 4 Disember lepas.

Namun pemimpin dan perwakilan Perhimpunan Agung Umno 2017 (PAU17) menyifatkan ia bukan isu dan sengaja diada-adakan.

→ **Laporan penuh muka 2**

JEFF SESSIONS...
Ini kleptokrasi paling teruk.



PROMOSI TERBARU!!

DAPATKAN SEGERA

01132334322 untuk urusan pembelian

HANYA RM 30

FAIZ FADZIL
KLEPTOKRASI BUKAN RAHMAT

HANYA RM 30

TEKAL BERJUANG
MEMOIR ANUAR TAHIR

HANYA RM 35

MUSAFIR KEROHANIAN KEMBARA KEMANUSIAAN

HANYA RM 39

SYURA & DEMOKRASI
dari perspektif 'Maqasid al-Shari'ah

Sheikh Dr. Ahmad Al-Raisuni
Penerjemah: Fadzil Mokhtar

HANYA RM 49

Charles Allers
ANWAR IBRAHIM
PENAMPILAN DEMOKRAT MUSLIM

Khalid sedia bantu Pas dan Umno

TAN Sri Khalid Ibrahim mengumumkan beliau akan membantu Umno dan Barisan Nasional (BN) merampas kembali Selangor demi memastikan negeri itu terus maju dan makmur selepas sebelum ini mengumumkan sedia bantu Pas.

Bekas menteri besar Selangor itu bagaimanapun berkata, beliau akan bergerak bebas tanpa terikat dengan mana-mana parti politik termasuk Umno dan Pas.

"Saya menyambut baik semua usaha yang dibuat untuk memperkasakan perpaduan umat Islam dan rakyat Malaysia sama ada dari pihak kerajaan dan pembangkang sebab saya mahu jadikan Selangor maju makmur dan bersatu. Saya yakin ia lebih efektif berbanding sokong satu pihak yang sokong retorik keadilan.

"Apa pun saya akan bekerja keras untuk menentukan prinsip amanah, telus dan bertanggungjawab dalam segala tindakan dan keputusan demi Selangor.

"Sebab itu saya bersedia untuk bekerja dengan BN Selangor dan sesiapa sahaja

demi kepentingan rakyat Selangor," katanya, ketika sidang media bersama Pengerusi Perhubungan Umno Selangor Tan Sri Noh Omar di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), lapor FMT.

Bekas ahli PKR itu menghadiri Konvensyen Umno Selangor di Dewan Merdeka 2 Disember lepas.

Pada satu ketika beliau dilihat berjalan beriringan dengan Timbalan Presiden Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan seorang lagi bekas menteri besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib ke Dewan Merdeka.

Difahamkan beliau menyertai konvensyen itu atas kapasiti tetamu jemputan.

Khalid sebelum ini turut menyertai Mukhtar Pas di Alor Setar, Kedah. Beliau juga menyertai Fastakim, anjutan Pas di Terengganu.

Beliau berjanji akan membantu Pas dengan alasan bagi membalas jasa baik parti itu ketika beliau berkrisis dengan partinya, PKR.

"Dengan adanya perjumpaan saya

dengan Noh Omar dan Tan Sri Muhammad Muhammad Taib mereka sedia menerima kerana inilah yang terbaik untuk rakyat Selangor.

"Saya akan guna pengalaman dan kemahiran saya dengan rakyat Selangor supaya mereka dapat memilih parti mana yang boleh menerajui Selangor dengan baik dan berguna kepada semua," katanya.

Khalid berkata, walaupun beliau akan membantu Umno memenangi Selangor dirinya akan bergerak secara bebas tanpa parti demi memastikan tujuan tidak disalahkan oleh rakyat.

"Saya masih bergerak sebagai bebas kerana saya rasa ada baiknya saya bebas kerana saya dapati dengan kebebasan itu orang Selangor tidak agak khuatir tentang tujuan saya.

"Tujuan saya untuk menjayakan rakyat Selangor. Kalau saya bebas tanpa kepartian itu lebih senang untuk Umno mengatakan mereka bersama semua perkara demi meningkatkan pembangunan negeri Selangor," katanya.



"Saya akan bantu Umno dan Pas dalam PRU14 nanti"
Tan Sri Khalid Ibrahim

Tindakan Khalid sedia bantu Pas dan Umno menyebabkan sesetengah pihak merasa Langkah Kajang adalah betul untuk menyelamatkan Selangor dari jatuh ke tangan Umno.

Sheila Majid kecewa, harga makanan mahal, ringgit lemah

ARTIS popular, Datuk Sheila Majid mengkritik suasana yang berlaku dalam negara ini melalui Twiternya 5 Disember lepas dengan berkata, makanan sekarang mahal manakala nilai ringgit pula lemah menyebabkan rakyat letih dan marah.

Walaupun Sheila tidak menyebut mana-mana parti politik, penyanyi tersohor itu menyuarakan kekecewaannya dengan beberapa isu.

Sheila menulis: "Makanan mahal, ringgit lemah, kos sara hidup tinggi dan kerja kurang. Rakyat Malaysia menjadi letih dan marah kerana diperas atas hutang yang kita tak buat.

"Hentikan buat alasan dan cari kesalahan. Fokus kepada kembalikan negara kita ke landasan sebenar! Mengecewakan," kata Sheila yang mempunyai 214,000 pengikut di Twitter.

Penyanyi itu merupakan artis popular kedua menyuarakan isu semasa dalam masa kurang dari

seminggu.

Tweet itu di'tweet' semula sebanyak 7,500 kali dan disukai 4,400 kali. Ia juga menerima ratusan komen termasuk oleh Tun Dr Mahathir Mohamad yang turut 'tweet' semula apa yang ditulis Sheila.

Dalam 'tweet' itu, bekas perdana menteri Mahathir itu mengucapkan terima kasih kepada ratu jazz itu kerana menyuarakan kebimbangan yang menimpa rakyat Malaysia di Twitter malam ini.

"Satu per satu ikon Malaysia bersuara demi masa depan negara. Dari Fathiah Latiff, Aznil Nawawi dan sekarang Sheila Majid.

"Anak muda khususnya kena berani ke hadapan. Masa depan terletak di tangan anda. Kalau bukan kita, siapa lagi? Terima kasih Sheila Majid."

Pada 1 Disember, pelakon popular Fathiah Latiff mempersoalkan cadangan mendakwa Dr Mahathir

terhadap kerugian forex Bank Negara Malaysia pada 1980-an selepas laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja dikeluarkan minggu lepas.

Dia juga mempersoalkan mengapa penyiasatan 1Malaysia Development Bhd tidak didedahkan kepada orang ramai.

"Gali cerita lama? Ok, mari kita bercakap tentang sejumlah wang yang masuk ke dalam akaun peribadi seseorang.

"Siasatan perlu dibuat dengan sewajarnya dan hasilnya harus didedahkan kepada orang ramai kerana ada soalan yang belum dijawab sepenuhnya. Setuju?" katanya di Twitter.

Sementara itu, ahli parlimen Sepang, Mohamed Hanipa Maidin menyifatkan Sheila jauh lebih mulis.

"Sheila Majid and the gang-kamu jauh lebih mulia!" kata Hanipa dalam Facebooknya.

Katanya, para artis dan

penghibur seni yang bersuara meluahkan realiti keperitan rakyat sewajarnya dihormati bukan dihina.

"Mereka sebenarnya memberitahu kebenaran. Bagaimanapun, kebenaran sudah menjadi musuh negara di negara ini.

"Bagi saya, mereka jauh lebih mulia daripada mereka yang rasa mereka suci dan kerap kali bagi "nyawa" kepada MO1 dan Umno/

AMANAH sambut baik PKR sedia bincang calon PM Pakatan Harapan

AMANAH menyambut baik kesediaan PKR untuk membincangkan cadangan menamakan calon perdana menteri Pakatan Harapan jika berjaya dalam pilihan raya umum akan datang.

Pengarah Komunikasi AMANAH, Khalid Samad berkata, pemukiman PH baru-baru ini tidak membincangkan agenda ini dengan meluas kerana keengganan PKR untuk membincangkan perkara ini.

"Sekarang PKR sudah sedia untuk berbincang, jadi kita bolehlah bincangkannya sampai selesai," kata Khalid kepada Malaysia Dateline.

Khalid mengulas kenyataan rasmi PKR yang dibuat melalui Pengarah Komunikasinya, Fahmi Fadzil.

Dalam kenyataannya semalam, Fahmi berkata, Biro Politik PKR mengambil maklum dan

BN dan kerap kali berkecuali ketika berkecuali tidak diperlukan," kata Hanipa.


Apa pun, katanya, tahniah kepada artis-artis wanita yang bersuara itu.

"Terima kasih kerana kamu semua memilih untuk tidak berkecuali!" kata Hanipa dipercayai merujuk kepada Pas yang berkecuali ketika mengundi di dalam parlimen.

membahaskan tentang cadangan penamaan calon perdana menteri yang telah dikemukakan sewaktu pemukiman pimpinan PH 1-2 Disember lalu.

"Memandangkan cadangan tersebut belum diangkat secara rasmi oleh Majlis Presiden Pakatan Harapan, dan mengambil kira sejarah serta prinsip-prinsip perjuangan reformasi, maka Biro Politik PKR mengambil keputusan meneruskan perbincangan berkenaan cadangan ini untuk memastikan ianya terbaik buat Malaysia," kata Fahmi.

Selepas berita kononnya Tun Mahathir Mohamad dicalonkan sebagai perdana menteri sementara PH dan Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail sebagai timbalannya disiarkan oleh sebuah portal berita, AMANAH dan Khalid sendiri menafikan perkara ini.



Pendapatan meningkat tapi penerima BR1M bertambah

Oleh **ARIF ATAN**

KUALA LUMPUR: Walaupun Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mendakwa pendapatan kasar bulanan isi rumah Bumiputera meningkat dengan banyak sejak beliau menjawat Perdana Menteri namun jumlah penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) juga bertambah dalam tempoh lima tahun pelaksanaannya.

Angka penerima bantuan wang tunai sekali beri itu meningkat kepada 7 juta orang dengan peruntukan sebanyak RM6.8 bilion berbanding 4.1 juta penerima ketika mula diperkenalkan pada 2012.

Bagi BR1M 2017 yang berjumlah RM5.41 bilion, sebanyak 6,320,769 orang menerimanya dengan paling ramai memperoleh bantuan RM1,200 iaitu

seramai 3,242,048 isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah.

Seramai 2,786,803 penerima individu berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah manakala bantuan RM900 kepada 291,918 penerima isi rumah berpendapatan bulanan antara RM3,001 hingga RM4,000.

Dari segi umur, kumpulan penerima tertinggi adalah daripada golongan 21 hingga 30 tahun serta yang berumur 61 tahun dan ke atas.

Sementara itu, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Johari Abdul Ghani pernah dilapor mendedahkan Selangor menjadi negeri tertinggi penerima BR1M dari 2014 sehingga 2016 diikuti Johor dan Sarawak.

Permohonan BR1M setakat suku tahun pertama tahun ini pula meningkat kepada hampir 8.3 juta orang berbanding

7.2 juta pada 2016 sekali gus menggambar situasi ekonomi rakyat negara ini.

Semakan Malaysia Dateline juga mendapati program itu gagal meningkatkan kualiti kehidupan rakyat miskin apabila 38 peratus daripada lebih 18 juta rakyat Malaysia berumur 21 tahun ke atas masih dibelenggu kemiskinan.

Inisiatif pemberian wang tunai kepada kumpulan berpendapatan rendah yang membentuk suku populasi Malaysia itu juga dinaikkan dan diluaskan kategori penerimaannya selama lima tahun berturut-turut.

Hanya pada pembentangan Bajet 2018, langkah itu tidak dilakukan dengan isi rumah berpendapatan RM3,000 ke bawah kekal menerima kadar maksimum RM1,200 mulai tahun hadapan seperti pada 2017.

Bagi isi rumah RM3,001 hingga

RM4,000 pula mendapat RM900 manakala individu berpendapatan RM2,000 ke bawah masih memperoleh RM450.

Sumber daripada Kementerian Kewangan melalui risalah yang dihantar kepada penerima BR1M bagi tujuan kemaskini permohonan mulai 27 November memberitahu kategori e-Kasih diserapkan ke kategori isi rumah mulai tahun ini.

Baru-baru ini, Najib yang juga Menteri Kewangan dalam blognya memberitahu hasil usaha berterusan di bawah kepimpinan beliau, pendapatan kasar bulanan isi rumah Bumiputera meningkat daripada RM3,624 pada 2009 kepada RM6,267 tahun lalu.

Peningkatan mencecah 73 peratus itu bagi Najib serentak dengan kejayaannya menurunkan kemiskinan Bumiputera daripada 5.3 peratus pada 2009 kepada 0.5 peratus tahun lalu.

Walau bagaimanapun dalam perkembangan berkaitan, Naib Presiden Umno Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pula mengakui faktor nilai ringgit serta pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) mempengaruhi kos sara hidup rakyat yang tinggi.

Sampul surat misteri skandal SPRM

KAJANG: Naib Presiden Keadilan Dr Shahrudin Badaruddin 6 Dis lalu menerima sampul surat misteri berisi sekeping nota dan satu 'pen drive' yang dimasukkan dalam peti surat di rumahnya.

Beliau yang menetap di Sungai Merab, dekat sini memberitahu menerima sampul surat itu pada jam 9 pagi di rumahnya.

Curiga dengan kandungan sampul surat itu, beliau bersama beberapa ahli parti

membuat laporan polis di Ibu Pejabat Daerah Polis (IPD) Shah Alam petang hari yang sama.

Dr Shahrudin berkata, tujuan laporan polis itu dibuat adalah untuk menyerahkan nota dan 'pen drive' yang diterima bagi tujuan siasatan.

"Selepas menerima sampul ini, saya membuat keputusan untuk tidak melihat isi kandungan 'pen drive' ini kerana tidak mahu masuk campur

dan di luar bidang kuasa saya," ujarnya ketika ditanya media di hadapan pintu masuk IPD Shah Alam.

Dimaklumkan juga nota yang diterima itu tertulis "Skandal SPRM, Bali dan Hong Kong" yang mengaitkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan skandal rasuah.

Kata Dr Shahrudin, nota ringkas itu berkemungkinan merujuk kepada isi kandungan 'pen drive' tersebut.



Dr Shahrudin menunjukkan nota dan 'pen drive' yang dimasukkan ke dalam peti surat rumahnya.

Pengundi kem tentera Segamat untuk selamatkan Presiden MIC

KUALA LUMPUR: Mewujudkan kem tentera di Segamat dengan jumlah pengundi seramai 1,051 bertujuan menyelamatkan Presiden MIC yang juga Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam yang cuma menang tipis dengan majoriti 1,217 undi pada pilihan raya umum (PRU) lalu, tulis Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang dalam blognya.

Dengan terdapatnya seramai 1,051 'pengundi hantu' yang berdaftar di kem tentera Segamat yang masih belum diduduki, Kit Siang yakin ia adalah 'manipulasi strategik' menerusi daftar senarai pengundi bagi membantu Umno-BN menang dalam PRU akan datang.

Justeru katanya, tidak hairanlah mengapa integriti Malaysia dalam hal pilihan raya dipersoalkan, mungkin lebih baik sedikit daripada Zimbabwe.

Ketika melawat kem baharu di Batu Anam, Jalan Pulapol, Segamat bulan lalu bersama beberapa pemimpin DAP, beliau berkata kerja-kerja pembinaan sedang berjalan tetapi kem tersebut tidak mungkin dapat disiapkan menjelang April tahun hadapan.

Setakat ini tambah beliau, tidak ada sesiapa tinggal di situ.

AMANAH kunjungi tokoh agama Perak



Dr Mujahid, Asmuni dan Zuhairah bergambar kenangan bersama Sheikh Mohd Noor di kediamannya.

IPOH: Pemimpin AMANAH baru-baru ini berkunjung ke kediaman tokoh agama dan juga bekas Imam Besar Masjid Sultan Idris Shah Ipoh, Datuk Sheikh Mohd Noor Mansur Al-Hafiz dekat sini.

Mengetuai kunjungan itu, Naib Presiden AMANAH Datuk Dr. Mujahid Yusuf Rawa bersama para pemimpin AMANAH Perak yang diketuai pengerusinya Asmuni Awi bersama Ketua Awan Perak Zuhairah Ghazali dan Ketua AMANAH Tambun, Ahmad Yahaya.

Datuk Sheikh Mohd Noor ialah seorang tokoh agama dan ulama

yang amat dihormati di negeri ini dan pernah bertanding mewakili Pas di parlimen Parit pada 1986.

Kunjungan itu antara lain bagi bertukar-tukar fikiran serta mendapatkan pandangan dan nasihat daripada beliau tentang beberapa isu berkaitan agama yang sedang melanda masyarakat dan negara ketika ini.

Beliau juga turut memberikan beberapa pandangan terhadap AMANAH.

Pada pertemuan itu juga, beliau turut diberikan buku perlembagaan AMANAH sebagai tanda perkenalan dan kenang-kenangan.

Minda Pengarang

Retreat rapatkan hubungan dalam PH

Pakatan Harapan telah mengatur langkah ber-sungguh-sungguh untuk menghadapi Pilihan raya Umum ke-14 nanti yang disifatkan sebagai 'Ibu segala pilihan raya'.

Ini kerana pilihan raya itu akan menentukan segala-galanya akan nasib masa depan rakyat dan negara, sama ada akan bertambah kelam atau kembali cerah. Ini kerana negara kini tersungkur dalam pelbagai krisis, terutama ekonomi.

Sebab itu, Pakatan Harapan - walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran - tetapi ia telah mengatur langkah untuk menghadapi PRU14 itu.

Langkah besar yang diatur oleh Pakatan Harapan ke arah tersebut ialah mengadakan retreat atau perkampungan para pemimpin komponennya minggu lalu yang menyerlahkan rapatnya hubungan dan keutuhan dalam Pakatan Harapan.

Banyak perkara penting yang telah dibincangkan yang menjurus kepada persiapan Pakatan Harapan untuk menghadapi PRU14 nanti.

Tetapi yang paling penting di sini ialah retreat itu menghantar isyarat yang sangat jelas akan keutuhan perpaduan dalam pakatan pembangkang itu sendiri.

Memang bukan mudah untuk mengalahkan Umno/BN yang telah memerintah negara lebih dari 60 tahun. Sebab itu Pakatan Harapan memerlukan perpaduan dan keutuhan komponennya untuk membina kekuatan.

Umno/BN sendiripun kini sudahpun telah membuat persiapan untuk menghadapi PRU14 itu secara tradisional mahupun non-tradisional.

Sementara itu, kajian dan dapatan pelbagai pihak menunjukkan bahawa hanya Pakatan Harapan yang akan benar-benar mampu menghadapi Umno/BN dalam PRU14 itu nanti.

Maka retreat PH minggu lalu itu memang sangat penting dan berjaya

memperlihatkan hubungan erat di antara komponennya.

Tentulah pelbagai isu dibincang dan dihadamkan, maka keputusannya tentu sudah diambil setelah membuat perkiraan teliti.

Di lapangan pula, rakyat umumnya sedang menanti-nanti akan tibanya PRU14 itu justeru majoriti rakyat mahu perubahan segera untuk bebas dari kemelut yang ada sekarang.

Maka, seperti yang selalu disebut, isu ekonomilah yang mendominasi, malah mengatasi isu lain. Beban hidup rakyat yang semakin berat, seperti tidak bertanggung lagi akibat harga barangan keperluan yang terus menerus meroket, harga minyak yang juga terus naik dan segalanya sangat melemaskan.

Kita yakin pimpinan PH yang mengadakan retreat itu sangat faham akan derita rakyat ini, inilah kita yakin ia menjadi fokus penting pertemuan itu.

Inilah kerja besar komponen Pakatan Harapan dan ia mesti diteruskan walau dalam apa keadaanpun.

Sementara itu, diberitakan rundingan pembahagian kerusi parlimen dan Dun sudah berjalan lancar dan hampir dimuktamadkan. Begitu juga penyusunan manifesto PH yang sedang diperhalusi.

Bagi penggerak atau aktivis ketiga-tiga parti komponen dalam PH itu perlulah berusaha mencergaskan lagi gerak kerja jentera pilihan raya mereka, yang memang memerlukan tenaga kerja yang ramai, dana yang banyak, strategi yang canggih dan sebagainya.

Berdasarkan pengalaman masing-masing dalam parti mereka sebelum ini, kita yakin penggerak jentera pilihan raya PH akan mampu melaksanakan tugas mereka dengan berkesan.

Kita yakin, majoriti rakyat di bandar dan luar bandar akan memberikan sokongan kepada calon Pakatan Harapan. Justeru inilah mega pakatan pembangkang yang dilihat mampu berdepan dengan Umno/BN.

Islam adalah rahmat untuk semesta alam

Adakah Islam adalah rahmat untuk semesta alam (*Rahmatun Li al-'Alamin*)? Sudah tentu ya, tetapi mengapa ditanya? Sudah tentu kerana ada pihak beranggapan, kenyataan Islam adalah rahmat untuk semesta alam tidak wujud dalam al-Quran. Kenyataan yang wujud ialah, Rasulullah adalah rahmat untuk semesta alam.

Atas alasan itu, penggunaan ungkapan Islam adalah rahmat untuk semesta alam adalah tidak betul, kerana ia tidak wujud secara harfiah di dalam al-Quran. Ungkapan ini sengaja direka-reka oleh golongan tertentu yang kononnya punya agenda Islam untuk menyorokkan agenda penyebaran faham liberal dalam kalangan masyarakat Islam.

Jawapan sepintas kepada dakwaan itu ialah, tidak semestinya sesuatu kenyataan yang tidak wujud secara harfiah dalam al-Quran dikira salah dan tak boleh dipakai. Misalnya, ungkapan Islam agama rasmi persekutuan Malaysia, tidak wujud dalam al-Quran. Namun begitu, ungkapan itu betul mengikut perlembagaan. Tiada sesiapa pun mendakwa ungkapan itu salah dan tidak boleh digunapakai. Dua nama Allah yang utama selepas lafaz al-Jalalah yakni Allah ialah nama ar-Rahman dan ar-Rahim. Kedua-dua nama itu berakarkan kata ar-rahmah. Al-Quran menyebutkan, rahmat Allah meliputi segenap sesuatu, tanpa kecuali.

Sementara kenyataan Rasulullah adalah rahmat untuk semesta alam, juga berdasarkan penegasan al-Quran. Pengutusan baginda menjadikan alam ini, sama ada alam makhluk berakal atau sebaliknya senantiasa di bawah naungan kasih-sayang, keselamatan dan pembelaan.

Islam adalah agama daripada Allah yang bernama ar-Rahman dan ar-Rahim dan disampaikan oleh Rasulullah yang menjadi rahmat untuk semesta alam. Maka, sudah tentulah Islam adalah rahmat walau pun tiada penegasan langsung secara harfiah mengenainya oleh al-Quran.

Mana mungkin Islam bukan rahmat padahal ia datang daripada Tuhan yang bernama ar-Rahman dan ar-Rahim, seterusnya disampaikan pula oleh



Pencerahan Mingguan
**TANWEER
USBU'II**

USTAZ ZOLKHARNAIN ABDIN
Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAH

Rasul yang menjadi rahmat untuk semesta alam. Tentu mustahil Allah menurunkan sesuatu yang bukan rahmat, dan Rasul-Nya pula membawa sesuatu yang bukan rahmat untuk alam ini.

Justeru, kenyataan Islam adalah rahmat untuk semesta alam menepati al-Quran, sunnah dan menepati realiti. Penggunaannya berupaya menyerlahkan keindahan Islam sebagai agama yang mempromosi keharmonian, keselamatan, kasih-sayang dan pembelaan ke atas semua makhluk.

Anggapan bahawa penggunaan kenyataan itu beragenda liberal, boleh dikira sebagai sesuatu yang lahir daripada golongan yang bimbang akan kehilangan tempat bergantung sumber kehidupan jika kuasa politik parti yang sedang berkuasa kini hilang. Dalam ungkapan mudah, jika Umno / BN tewas, pihak-pihak yang bergantung hidup dengannya akan turut menelan kepahitan akibat kekalahan itu.

Oleh hal yang demikian, apa saja perkara yang boleh menggugat kedudukan Umno / BN, walau pun perkara itu benar, ia perlu diputar, kemudian ditular sebagai salah dan bahaya. Pendokongnya pula akan dilabel penggugat dan pengancam kedudukan Islam yang dirangkum dalam istilah liberalis.

Melalui labelan sebegini, bara sentimen keagamaan melulu sebagai senjata politik Umno ditiup utk menarik perhatian pencinta agama supaya terus mengundi Umno / BN. Hal ini kerana, pihak-pihak berkenaan arif, bara itu bakal terpadam dengan kefahaman dan penghayatan Islam sebagai rahmat untuk semesta alam.

Pendokong konsep itu akan lebih mudah diterima oleh masyarakat kerana ia dirasa lebih mesra dan harmoni. Apabila Islam dipamerkan sebagai cara hidup yg merai serta mengiktiraf kewujudan dan hak semua pihak, maka tentulah pihak-pihak yang selama

ini bergayut dengan isu-isu sentimen keagamaan melulu itu akan ditolak oleh masyarakat.

Maka, mereka yang memilih kenyataan *Islam Rahmatun Li al-'Alamin* sebagai paksi perjuangan perlu

dilabel liberalis, supaya mereka ditolak kerana kononnya membawa agenda yang menggugat kedudukan Islam dalam negara ini. Kononnya, mereka memanipulasi ungkapan itu untuk meleakangkan masyarakat daripada terikat dengan agama secara sedikit demi sedikit.

Hakikatnya, melalui konsep itu, dalam konteks negara ini, kita mempromosikan pengembalian hak kepada warganegara tanpa sempadan agama. Sesiapa saja, walau apa pun agama anutannya, haknya sebagai warganegara utk hidup aman, merdeka, suaranya didengar dan mendapat keadilan dalam semua sektor kehidupan diperjuangkan.

Dakwaan pihak-pihak berkenaan bahawa konsep ini punya agenda tersirat untuk meleakangkan masyarakat adalah sembrono. Menjalin hubungan baik dengan semua pihak dalam usaha mengembalikan hak rakyat yang dirampok oleh penguasa bobrok termasuk dalam kerangka konsep Islam sebagai rahmat untuk semesta alam.

Jika itu dikira agenda liberal, adakah menentang usaha sebegini dikira agenda Islam? Merestui dan membiarkan penguasa bobrok terus merompak hak rakyat adalah agenda Islam? Islam versi siapakah begitu?

Konsep Islam adalah rahmat untuk semesta alam mesti terus dipromosi, didokong dan diperkasakan kefahamannya dalam masyarakat. Perbezaan agama dan kepercayaan antara muslim dan non muslim bukanlah jurang pemisah untuk tidak bekerjasama dan hidup dalam harmoni.

Orang Islam mesti sentiasa menampilkan Islam dalam wajahnya yang penuh rahmat sebagai langkah dakwah supaya Islam diterima tanpa sebarang prasangka.



Membunuh semangat lawan pelajar

Satu fenomena yang masih saya terca-cari jawapannya sehingga hari ini, sungguhpun sudah hampir satu dekad. Landskap politik Malaysia berubah setelah dilanda "tsunami politik" dalam PRU12 pada 8 Mac 2008. Perubahan ini mencungkil keghairahan generasi anak muda. Anak muda diyakinkan bahawa dunia ini adalah milik mereka pada masa depan. Idea-idea perjuangan Pakatan Rakyat ketika itu, menggarap imaginasi mereka.

Ironinya, gerakan siswa-siswi dalam menara gading tidak pula rancak sebagaimana pergolakan politik yang berlaku di luar kampus. Jikalau dahulu, ISA (Akta Keselamatan Negeri 1960) digunakan untuk mematahkan kebangkitan siswa-siswi, tetapi kemudiannya, penggunaan AUKU (Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971) dan pilihan raya kampus sudah memadai untuk "menyingkir" siswa-siswi yang tidak sewaktu dengan Bahagian Hal-Ehwal Pelajar (HEP) dalam universiti.

Maknanya, gerakan siswa-siswi untuk tempoh 10 tahun kebelakangan, semakin lesu, atau tumpul taringnya jikalau dibandingkan dengan sebelumnya. Tidak dinafikan bahawa terdapat usaha-usaha untuk memberi nafas baru kepada gerakan siswa-siswi, misalnya himpunan #Tangkap MO1,



Siang-Malam
Lim Hong Siang

tetapi momentum yang dijana belum ampuh untuk menyemarakkan suasana dalam kampus secara keseluruhannya.

Pernah saya mengajukan soalan ini kepada pemimpin siswa-siswi yang saya temui. Antara jawapan yang diterima, HEP mengambil strategi lembut dengan tidak menekan siswa-siswinya, lantas mereka tidak terangsang untuk melawan. Lama-kelamaan, mereka gagal mewarisi pengalaman melawan dari senior mereka, dan terus menjadi lembik. Secara jujur jawapan ini tidak memuaskan, kerana pernah juga saya dengar alasan yang berbunyi, "Tekanan dari HEP semakin bertambah, lantas siswa-siswi semakin takut, kerana risikonya besar." Ringkasnya, hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.

Persoalan mengapa gerakan siswa-siswi semakin lesu kekal tidak terjawab. Namun pencabu-

lan kebebasan akademik tetap berlaku, dan hak siswa-siswi terus ditindas dari masa ke masa. Terbaru, Universiti Malaya (UM) mengeluarkan arahan rasmi untuk melarang semua kakitangan dan pelajar daripada membuat kenyataan terbuka yang dilihat boleh "memburukkan nama" universiti dan kerajaan, pada 29 November. Kemudian, kita dikejutkan dengan pembekuan Persatuan Bahasa Cina UM, lantaran kesilapan teknikal seperti penganjuran aktiviti tanpa kebenaran, dan notis bahasa Cina tanpa terjemahan bahasa Melayu atau Inggeris.

Pemahaman kerajaan dan masyarakat terhadap "universiti" sebagai institusi pendidikan tinggi adalah penting. Kita mungkin cekap membina bangunan universiti, tetapi tidak semestinya kita cekap membina minda universiti. Bezanya Malaysia dengan dunia Barat adalah, masyarakat Barat menganggap autoriti harus dicabar sepanjang proses mencari kebenaran, tetapi kita pula memuja autoriti sehingga pantang dicabar.

Masalah autoriti kita adalah, egonya tinggi, tetapi keyakinan dirinya serendah-rendah kebolehannya. Maka penguasa perlu mengawal keadaan supaya dirinya tidak dicabar. "Autoriti tahu segala-galanya", dan rakyat perlu

mendapat kebenarannya sebelum melakukan sesuatu. Konsep ini turut disemai di universiti. Siswa-siswi menjangkau usia sebagai orang dewasa, tetapi dijinakkan sebagai kanak-kanak yang wajib memohon kebenaran HEP untuk setiap tingkahlakunya.

Apapun alasan yang diberikan untuk membekukan Persatuan Bahasa Cina UM, tidak terpisah dari latar belakang ini. Sememangnya kesilapan teknikal dicungkil untuk mengabui pandangan, tetapi hakikatnya inilah cubaan HEP untuk menunjuk kuasanya, kalau bukan untuk menundukkan siswa-siswi. Autoriti mengisytiharkan bahawa segala-gala di bawah kawalannya, jangan sesekali sesiapa cuba melawan.

Saya sendiri pernah melalui pengalaman sebegini ketika Persatuan Bahasa Tionghua (PBT) Universiti Sains Malaysia dibekukan. Pelbagai alasan diberikan untuk menghalalkan penindasan tersebut, misalnya anggota PBT menyertai pertandingan debat di Singapura tanpa kebenaran, Pengerusi dan Setiausaha PBT membuat kenyataan media secara terbuka yang memburukkan nama univeristi dan sebagainya - skrip yang dikitar semula berzaman-zaman. Hakikatnya kami semua sedar, bahawa ini adalah taktik HEP untuk menghalang siswa-siswi daripada terlibat

dalam gerakan Reformasi, sungguhpun semakin surut suasananya pada tahun 2001.

Saya tidak pasti sejauh manakah perbezaan antara kes PBT dengan Persatuan Bahasa Cina UM pada hari ini. Namun, persamaan yang dikongsi kedua-dua kes ini adalah, ia merupakan taktik autoriti membunuh semangat lawan dalam jiwa siswa-siswi, dan melahirkan generasi yang tidak mengambil peduli ke atas apa-apa yang berlaku di sekelilingnya. Motifnya agar generasi muda terus tunduk untuk memuja autoriti yang sedia ada, dan menyerah nasib dirinya kepada autoriti.

Universiti bukan kilang. Universiti bukan kandang ternakan. Universiti bukan tadika. Membekukan satu pertubuhan dengan alasan kesilapan teknikal semata-mata umpama membubarkan sesebuah parti politik kerana kesilapan dalam keputusan pemilihan partinya, ataupun kerana rekaan logonya. Keputusan ini tidak masuk akal. Seandainya kita terus membisukan diri, maka kita sebenarnya mengiyakan pempupakan satu generasi muda yang dikanak-kanakkan dengan kosnya dibiayai pembayar cukai.

Isu kesusahan rakyat mendominasi PRU14


Walaupun pergolakan politik yang timbul sekarang ini menjelang Pilihan Raya Umum akan datang, isu yang mendominasi rakyat dan dijangka akan menentukan keputusannya nanti ialah isu ekonomi, harga barangan yang terus naik.

Ini kerana ia sangat mencengkam ekonomi rakyat terutamanya yang berpendapatan sederhana, lebih-lebih lagi yang rendah.

Isu kesusahan rakyat inilah yang akan menentukan aliran pengundian, bukan isu 1MDB, bukan isu kaum, bukan juga isu RCI forex yang walaupun hangat diperkatakan atas kepentingan politik.

Semuanya jauh dari pemikiran rakyat, justeru masalah yang ada di depan mereka ialah merosotnya daya beli rakyat biasa kerana harga barangan mahal.

Malah sudah ada dapatan menunjukkan bahawa kira-kira 14 peratus rakyat Malaysia yang tidak mengambil sarapan, walaupun di warung dan kantin kerana tidak cukup wang. Mereka 'menjamak-makan' makan iaitu makan tengah



hari jam 10 pagi untuk makan tengah hari.

Ini menggambarkan keadaan semakin kritikal.

Kaum ibu, atau bapa yang pergi ke pasar atau mini market, sangat terasa peritnya kehidupan dengan mahalnya harga barangan keperluan asas, lebih-lebih lagi ikan. Bayaangkan jika harga ikan kembung sudah naik \$18 sekilo malah diberitakan ada yang sampai \$20 sekilo dibeberapa tempat. Ikan kembung adalah 'ikan rakyat' betapa ikan dan udang yang jauh lebih mahal harganya.

Di musin banjir, terutama mereka yang terjejas dengan banjir, bayangkan betapa sukarnya meneruskan kehidupan. Mata pencarian terjejas, harta benda pula musnah. Berapa lama hendak bertahan di tempat penem-

patan yang serba sulit, sedangkan rumah dan perkakas rumah rosak.

Pelbagai bantuan memang datang, tetapi ia bersifat 'one-off', hanya sekali, sedangkan kehidupan berterusan.

Ada mangsa banjir yang hilang pendapatan sama sekali. Umpamanya peniaga kedai runcit yang kedainya ditenggelami air, ada perniagaan lain yang musnah oleh banjir dan pelbagai lagi.

Semuanya ini menambah beban rakyat yang sudah berada dalam kesusahan.

Di Kedah, sawah dan pokok getah semuanya ditenggelami air. Sangat sukar untuk pulih dan ini menambah lagi derita rakyat yang bukan kepalang.

Sekolah akan dibuka kira-kira sebulan lebih saja lagi. Bagaimana ibu bapa hendak membuat persiapan persekolahan anak-anak. Ada ibu bapa hanya mengeluarkan

kan air mata menghadapinya.

Anak-anak yang belajar di kolej atau universiti perlu dikrimkan wang, justeru banyak biasiswa sudah dihentikan.

Sebab itu ada pelajar universiti dan kolej yang mencatu makanan mereka. Amat sedih memikirkan.

Buruh yang bergaji rendah sangat sukar meneruskan kehidupan dalam keadaan harga barang serba mahal ini.

Inilah yang dihadapi oleh rakyat. Mereka inilah yang akan keluar mengundi dalam PRU akan datang.

Oleh itu, sudah tentu isu besar dunia politik yang dihadapi negara sekarang – beban skandal 1MDB, isu

RCI forex yang walaupun hangat diperkatakan atas kepentingan politik, itu hutang negara dan lain-lain yang melengkapinya dijangka tidak banyak akan mempengaruhi aliran pengundian.



Menteri enggan jawab kecelaruan sistem AES

KUALA LUMPUR: Kecelaruan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) yang dipertikai sejak awal perlaksanaannya pada 2012 sehingga pernah dibekukan, belum mendapat jalan penyelesaian.

Ketika isu itu dibangkitkan di Dewan Rakyat semasa perbahasan Bajet 2018 peringkat Kementerian Pengangkutan, 21 Nov lalu, kementerian gagal menjawab soalan dikemukakan anggota dewan.

Persoalan awal dibangkitkan Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar yang mahukan penjelasan berhubung pembekuan saman yang dikenakan di bawah AES dan tindakan lanjut oleh pihak kerajaan khususnya Jabatan Pengangu-

tan Jalan (JPJ).

Menurut Mahfuz, sehingga Julai tahun ini kerajaan melalui sistem AES dan kemudian diperbaharui melalui sistem AWAS, telah mengeluarkan sebanyak 142,135 notis saman dan 7,258 telah pun membayar kompaun dan dikenakan hukuman sistem mata demerit.

"Jadi saya hendak dapatkan penjelasan atas asas apa mereka ini dikenakan dan dipaksa untuk membayar saman dan juga hukuman sistem mata demerit sedangkan mereka belum dibuktikan kesalahan itu di mahkamah.

"Bagi saya bahawa tidak wajar untuk pihak kerajaan (dan) JPJ hendak paksa orang suruh bayar sedangkan mereka belum

dibuktikan bersalah.

"Saya ingin tahu apakah kedudukan akhir dan terkini dengan pelaksanaan sistem AES dan juga berkaitan soalan pelaksanaan AWAS ini," katanya sambil mempertikai keperluan sistem perangkap laju dilaksanakan oleh polis sedangkan AES di bawah JPJ sudah dilaksanakan.

Sementara itu, Ahli Parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin berkata, statistik kemalangan yang tidak banyak berubah selepas pelaksanaan AES menyebabkan ia wajar dikaji semula.

"Sebenarnya saya dari awal lagi tidak setuju dengan sistem AES ini. Bagi saya sistem AES ini bercanggah dengan Perlembagaan. Saya hendak tekankan di sini

kenapa kita walaupun ada satu sistem yang dikatakan bagus, kemalangan jalan raya masih juga tinggi dan juga kadar saman masih tinggi?

"Di sini saya ingin mencadangkanlah kalau boleh dalam menyelesaikan masalah jalan raya ini, kita kurangkan sedikit pandangan undang-undang. Saya ingin mencadangkan kita perkenalkan sistem Islam apa yang dikatakan 'Esar' atau budaya mengutamakan orang lain," katanya.

Bagaimanapun semua persoalan yang dibangkitkan anggota parlimen berkaitan AES itu tidak dijawab oleh pihak Kementerian Pengangkutan walaupun pihak menteri menjawab persoalan-persoalan lain berkaitan tanggung jawab kementerian itu.



AMANAH Sik bantu anak-anak asnaf hadapi persekolahan

Oleh MD ALI HASHIM

SIK: Menjelang sesi persekolah yang hampir tiba, AMANAH Kawasan Sik mengambil tindakan segera menyalurkan sumbangan baju sekolah kepada golongan kurang berkemampuan.

Menurut Ketua AMANAH Sik Sulaiman Ibrahim, sumbangan baju sekolah kali ini diberikan awal bagi memudahkan waris keluarga asnaf membuat perediaan bagi menghadapi sesi persekolahan yang akan bermula pada awal Januari ini.

"Kita memberi keutamaan kepada anak-anak penoreh getah. Selain itu mereka yang memperoleh pendapatan di bawah RM700 turut diberi peluang mendapatkan bantuan.

"Malah golongan asnaf yang berpendapatan bawah RM400 sebulan juga boleh membuat permohonan bagi mendapatkan bantuan baju sekolah," jelasnya.

Beliau yang lebih dikenali sebagai 'Leman Raja Lawan' menambah, bantuan turut mensasarkan ibu tunggal yang mempunyai paling kurang dua anak dengan pendapatan di bawah RM500 sebulan.

Ujarnya lagi, bantuan yang disediakan telah disumbangkan mulai 2 Disember dan akan diteruskan pada tanggal 9, 20 dan 25 Dis akan datang.



Sulaiman membantu anak-anak memilih baju sekolah di sebuah pusat menjual pakaian di pekan Sik.

Katanya, sumbangan menasaskan seramai 100 pelajar bagi 9 Dis dan 20 Dis manakala untuk tarikh 25 Dis, seramai 500 pelajar miskin dan golongan berpendapatan rendah akan dibantu.

AMANAH Kawasan Sik juga, kata Sulaiman turut melaksanakan tanggung jawab sosial seperti memberi sumbangan makanan dan keperluan harian kepada keluarga daif.

Disamping itu, tambah beliau bantuan memperbaiki rumah yang rosak dan daif turut dilaksanakan dengan kerjasama ARiF dan Awan Kawasan Sik.



Antara waris anak-anak yang hadir bagi mendapatkan bantuan pakaian sekolah anjuran AMANAH Sik.

"Amanah kawasan Sik akan meneruskan sokongan kepada golongan yang kurang berkemampuan yang begitu ramai dalam kawasan ini.

"Kami turut membantu menyelesaikan masalah jambatan rosak, uzur dan runtuh.

"Kegagalan kerajaan negeri untuk menyelesaikan pelbagai

masalah termasuk infrastruktur dan kemudahan asas dalam kawasan Sik membuktikan mereka adalah kerajaan yang gagal," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menyeru penduduk daerah ini agar melakukan perubahan politik bagi memastikan hidup mereka terbelah.

Pertemuan Mira dengan AMANAH

KUALA LUMPUR: Parti Tindakan Hak Minoriti (Mira) mengadakan pertemuan dengan Parti Amanah Negara (AMANAH) bagi membincangkan isu-isu sekitar pembelaan kepada hak kumpulan minoriti termasuk Orang Asli.

Pimpinan Mira atau sebelum ini dikenali sebagai Parti Generasi Baru (NewGen), diketuai presidennya Rajaretinam Armuggan hadir ke Wisma Amanah Negara, 23 Nov lalu.

AMANAH diwakili Setiausaha Agung Mohd Anuar Tahir, Timbalan Setiausaha Agung Abang Ahmad Kerdee Abang Masagus, Pengarah Strategi Dr Dzulkefly Ahmad, Ahli Jawatankuasa Nasional Hu Pang Chow dan Sabki Yusuf.

AMANAH dalam pada itu menyatakan komitmen untuk berkerjasama rapat dengan Mira dan badan bukan kerajaan (NGO) lain dalam usaha membela nasib golongan minoriti di negara ini termasuk penganjuran program bersama.

Turut dibangkitkan dalam pertemuan itu adalah isu kaum India yang menyentuh masalah sosial, ekonomi dan eksploitasi kaum.





ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD

(768307-X)(KPL/LN 5056)

20 PAX JEMAAH 1 FREE
*Tertakluk Terma & Syarat



UMRAH MUSIM BIASA

HARGA PROMOSI RM4,900 (11h/09m)

CUTI SEKOLAH

HARGA DARI RM5,690 (11h/09m)

www.alfajrtraveltours.com

4@5 orang sebilik

AKADEMI MUTAWWIF ALFAJR

SIRI KE-22
(17-18 MAC 2018)
INSTITUT LATIHAN PEGAWAI AWAM, IPOH, PERAK



SILA HUBUNGI :
EN.FAIZUL (+6012-568 1150)

Nesma Airlines
نسماء للطيران

PENERBANGAN UMRAH DARI KUALA LUMPUR TERUS KE MADINAH/MEKAH

HARGA TIKET NESMA DARI

LOW SEASON RM2,750 (KUL/JED/JED/KUL)
PEAK SEASON RM3,250 (KUL/JED/JED/KUL)



DISEMBER (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
04 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
07 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
09 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
13 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
14 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
18 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
19 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
23 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
25 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
28 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
29 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690

JANUARI (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
03 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
04 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
08 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
13 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090

15 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
18 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
24 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
25 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
29 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990

FEBRUARI (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
03 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,990
05 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,890
08 FEB	KUL/MED/JED/KUL	5,090
14 FEB	KUL/MED/JED/KUL	4,990
15 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,990
19 FEB	KUL/MED/JED/KUL	4,990
26 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,890

MAC (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 MAC	KUL/MED/JED/KUL	5,090
08 MAC	KUL/JED/MED/KUL	4,990
12 MAC	KUL/MED/JED/KUL	4,990
19 MAC	KUL/JED/MED/KUL	5,690

22 MAC	KUL/MED/JED/KUL	5,090
29 MAC	KUL/JED/MED/KUL	4,990

APRIL (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 APR	KUL/MED/JED/KUL	4,990
09 APR	KUL/JED/MED/KUL	4,890
12 APR	KUL/MED/JED/KUL	5,090
19 APR	KUL/JED/MED/KUL	4,990
23 APR	KUL/MED/JED/KUL	4,990
30 APR	KUL/JED/MED/KUL	4,890

MEI (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
03 MEI	KUL/MED/JED/KUL	5,090
10 MEI	KUL/JED/MED/KUL	4,990
14 MEI	KUL/MED/JED/KUL	5,990
21 MEI	KUL/JED/MED/KUL	6,390
24 MEI	KUL/JED/JED/KUL	5,290



WAKIL UMRAH DIKEHENDAKI!!!

TEL : 03-6127 7790 016-332 4452 / 53

FAX : 03-6127 7795 EMAIL : alfajr_travelsb@yahoo.com.my

ALAMAT : C-1-08, 162 RESIDENCY, KM12, JLN IPOH-RAWANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR

KEDAH

UST FITRI / HJ AZIZAN
04-4480709
011-4066 0800 / 013-741 0321



PEJABAT TERENGGANU : 09-631 9931 / 013-985 8257 (HJ IBRAHIM)



PEJABAT JOHOR : 07-234 4437 / 017-843 7561 (PN. KHATIJAH)

MELAKA
HJ RAZAK OMAR
012-310 8464

SELANGOR
HJ NORSHAM
011-3231 4248

PERAK
EN FAIZUL
012-568 1150

KELANTAN
CIKGU NASIR
013-906 5903

PAHANG
HJ YUSOF
016-987 5115

PPINANG
UST LATIF
019-510 0255

NEGERI SEMBILAN
HJ RAZAK AMIT
017-327 2205

JOHOR
HJ KAMAR
019-776 3300

SABAH
HJ AWANG ADI
013-559 8889

SERAWAK
HJ IBRAHIM
013-823 5841

SELANGOR

BATU CAVES HJ NOORDIN
AMPANG MOHD ROZARIZAL
AMPANG HJ HJ CONNIE
AMPANG HJ HJ ROSNANI
GOMBAK USTAZ ZULFEKAR
KLANG HAJAH FADILAH
GOMBAK HJ AZMAN AGUSTINE
BATANG KALI USTAZ ANAS
SHAH ALAM HJ FAUZAN KISUT
KLANG HJ MUSTAFAR
BANDAR SERI PUTRA PN SUZANA
BANGI HJ MOHD JAJOLI
SHAH ALAM HJ HASSAN
HULU KELANG HJ ROZALI
SUNGAI BULOH USTAZ SAIFUL
BANGI HJ NORIBAH
HULU SELANGOR NORAISHAH
SERENDAH RADZIAH MD ISA
PAHANG
BENTONG HJ HJ ROHANI
JENGA HJ RABIAH
KUANTAN HJ MARZIANI
PEKAN HJ YUSUF AWANG
TEMERLOH HJ JOHARI
KUANTAN HJ HJ NORMAH
BENTONG HJ ABD MANAN
RUB NAIM ASHAARI
FELDA BUKIT GOH HJ SHARIFAH
SARAWAK
SG LADA, SG MIRI ASLI

Wakil Daerah

012-640 3144
013-364 6452
017-681 2727
019-256 0478
013-607 7722
011-3550 0615
019-277 7070
019-225 0189
019-332 6002
012-350 5437
012-235 8640
019-359 8423
010-221 2962
019-250 1210
019-214 0248
019-234 1922
012-222 8958
019-567 2254
019-383 4586
013-704 5646
013-908 5969
019-958 4003
012-964 9730
016-987 5115
019-383 4586
012-243 7490
013-950 2565
013-885 1234

SABAH

SABAH HAJI RAMLI
BANDAR TAWAU HAJAH HASNAH
KALABAKAN USTAZ RAMAN LEE
WIP LABUAN EN ZULKIFLI
KINABATANGAN MOHD JEFRI
KUNAK ENCIK KASMAN
TAWAU MUHAMMAD TAUFIQURRAHMAN
SANDAKAN ENCIK SAHAR
KUNDAT ARRAHIM BIN LAJAKAYA
SEMPORNA HAJI AHMAD ABDULLAH
ZAN BELURAN AWANG DAMIT
TUARAN & KB MIASIN BIN MION
BALONG HJ ROSNAH
PERAK
BOTA HJ AZIZAH
TAIPING HJ ABDUL RAHIM
IPOH MOHD ANI
MANJUNG ABDUL RAHIM CHE AWANG
BAGAN SERAI MUNAWIR MAHMUD
BAGAN DATO HAJI HAMZAH
K. LUMPUR
SEMARAK KASHPUL ANUAR
SEGAMPUT HJ ROHANI
DAMANSARA HAJI ROSLEE
KEPONG MEGAT NAJIB
MELAKA
BANDAR MELAKA HJ HASTURA
ALOR GAJAH M. NAZEER
JASIN PN ROHANI HARUN

Wakil Daerah

019-589 3194
019-883 4852
013-556 9894
014-504 1963
011-5166 5330
014-865 5663
017-647 1594
019-803 0104
013-893 6806
019-823 1419
013-286 8839
010-510 7871
019-808 3885
016-774 8965
016-562 8140
012-589 8965
017-523 9308
014-254 5221
019-347 1575
016-656 5803
019-248 3420
012-327 6401
012-315 8613
017-347 7612
017-698 1474
012-651 6003

KELANTAN

KOTA BHARU USTAZ OSMAN
PENGKALAN CHEPA AHMAD TARMIZI
BACHOK CIKGU NURI
NILAM PURI USTAZ MUHAMMAD ZULKIFLI
TANAH MERAH AMINUDDIN AB HAMID
PASIR MAS HAJI ALIAS
N. SEMBILAN
BAHALU UST ZUBIR
NILAI YAHYA OTHMAN
GEMAS RIZAL KEMIS
TELOK KEMANG ABD RAHMAN
RASAH AZMAL
SEREMBAN UBAIDAH
JELEBU HJ MAZIN
PERLIS
KANGAR MOHD SOLEHIN
KEDAH
BUKIT KAYU HITAM ABD AZIZ
JOHOR
AIR HITAMUTHM HJ. BAHARUDDIN
PARIT RAJA HJ. YAHYA
BATU PAHAT HJ. SULAIMAN
SRI GADING HJ. ABD. JALIL
PARIT SULONG HJ. REDZUAN
YONG PENG HJ. A. RAZAK
PT. ABD. RAHMAN HJ. A. RAHIM
SRI MEDAN HJ. RAMLI

Wakil Daerah

019-980 8538
013-972 9304
019-989 9028
017-237 2387
012-951 8172
019-915 5656
012-380 6140
011-1096 6342
019-504 6315
017-365 4399
016-685 4141
013-361 2875
011-1064 1046
019-460 5016
019-474 3732
011-1053 0254
013-756 3090
017-729 2402
011-1875 7710
011-1519 2400
013-770 3346
017-716 6499
019-761 1117

SIMPANG LIMA/SEMERAH EN. MASUD
PONTIAN EN. KHAIRUL FAUZI
TMN. BROLEH PN. HAMIMAH
RENGIT HJ JUNAIDAH
TKG. PECAH HJ. ARFAH
JOHOR BAHRU HJ. ROSLAN
SRI GADING HJ. ZAHARAH
SKUDAI EN. ABD. JALIL
NUSAJAYA HJ. RUHAIZAT
SENAI EN. ZAINUDIN
INDAHPURA EN. AHMAD SAHRIL
PASIR GUDANG EN. AMBOK SULO
KULAI/PASIR RAJA PN. PAZIDAH
KOTA TINGGI HJ. SAHRONI
PT. SAUH/TKG. PECAH EN. KASRIM
PARIT RAJA EN. MAIROP
KULAI/TIRAM PN. ROPINAH
SIMPANG RENGKAM AZREEN
KLUANG HJ. SHAMSUDIN
BANDAR TENGGARA MOHD ARIEFF
MUAR HJ. WAGIMAN
KOTA MASAI HJ. ABD. HALIM
SIMPANG RENGKAM ABD WAHAB MAH
ULU TIRAM HJ. MARJONI
MAJIDEH HJ. SUKARTINI
PLENTONG MUHAMMAD ALI
BANDAR BARU UDA PN. SITI MUTIHA
SETIA INDAH HANIZAN
PASIR RAJA EN. SULAIMAN
TAMAN RINTING USTAZ TUHIDIN
TAMAN BUKIT DAHLIA EN DAUD
PARIT RAJA MOHD ZAINOL
PASIR GUDANG EN. MD. PAUZI
TAMAN PUTERI USTAZ NORAMAHAINI
KOTA MASAI UST MOHAMAD ANAS

012-739 8477
012-722 8004
013-956 2524
017-752 2803
019-268 9029
019-700 0440
013-777 7044
019-779 9767
019-661 3068
012-798 4778
018-577 8898
019-776 3345
013-749 4432
019-797 2464
013-750 1889
017-712 3556
013-770 2810
019-777 0075
019-715 1764
019-792 6047
013-700 0454
019-720 0536
016-717 9098
013-754 6044
013-716 4114
019-709 1148
019-313 2274
016-707 2307
011-1273 7991
016-751 6565
013-722 4568
019-778 4487
019-728 2233
019-728 3783
019-374 4393

**HOTEL MEKAH : 1. AL SARAYA EMAN HOTEL @ SETARAF (+ 200-300m) 2. QASR AJYAD HOTEL @ SETARAF (+ 400-450m) 3. AWTAD @ SETARAF (+ 600-800m)

HOTEL MADINAH : WARDAH MUBARAK @ MUBARAK GOLDEN @ SETARAF (+ 150-200m), VISA UMRAH RM250 & VISA RAMADAN RM300 (MIN 20 PAX) UPAH HAJI : RM1700 AKIKAH : RM850++ (KAMBING).
Tambahkan Setiap Satu Malam RM100-200. Harga & Pakej Tertakluk Kepada Kelulusan Visa, Sercharge Bahan Api Dari Syarikat Penerbangan, Cukai Lapangan Terbang, Harga Hotel Semasa dan Pertukaran Matawang Asing
Tanpa Notis, Cuti Sekolah & Ramadhan Hotel (+ 800-900m). Pakej 4-5 Orang Sebilik.

Amerika rampas **RM14.1 bilion** harta 1MDB

Peguam negara Amerika Syarikat (AS) mengumumkan badan kehakiman negara itu telah merampas dan menahan harta berjumlah hampir USD3.5 bilion (RM14.1 bilion) berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), dana pelaburan yang dicituskan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Peguam Negara AS Jeff Sessions menyebut, harta yang dirampas itu didakwa hasil daripada kegiatan rasuah yang terlibat dengan kesalahan pengubahan wang haram daripada dana pelaburan 1MDB.

"Seperti yang didakwa, pegawai kerajaan yang korup serta rakan kongsi mereka dilaporkan menggunakan dana itu untuk berjoli sakan," kata Sessions dalam satu ucapannya di ibu pejabat Bank Dunia di Washington DC 4 Disember lepas.

"Sebagai contohnya, hampir separuh dari USD3.5 bilion wang rasuah itu kita rampas hanya dalam satu tindakan penguatkuasa.

"Tindakan itu berkait dengan satu dana pelaburan kerajaan Malaysia dikenali dengan 1MDB," kata Sessions dalam ucapan itu.

Sessions seterusnya menyenaraikan harta rampasan berkenaan – USD200 juta untuk hartanah di California Selatan dan New York, USD130 juta untuk karya seni, USD100 juta untuk syarikat rakaman muzik di Amerika, termasuk juga sebuah kapal layar mewah USD265 juta.

"Secara keseluruhan, pegawai 1MDB didakwa mengubah secara haram lebih USD4.5 bilion dalam bentuk dana melalui jaringan transaksi tidak telus yang kompleks dan syarikat kosong yang menipu dengan akaun bank di pelbagai negara dari Switzerland dan Singapura ke Luxembourg dan Amerika Syarikat.

"Ini adalah kleptokrasi pada tahap paling parah," kata Sessions dalam forum berkenaan.

Forum itu merupakan salah satu daripada usaha kerajaan AS untuk memerangi rasuah dan



Peguam Negara AS Jeff Sessions mendedahkan rampasan terhadap harta 1MDB.

mendapatkan semula aset daripada hasil rasuah melalui Global Forum on Asset Recovery, yang turut disokong oleh United Kingdom.

Sessions menjelaskan, forum tersebut merupakan inisiatif AS untuk bekerjasama dengan rakan penguatkuasa di seluruh dunia bagi kepentingan bersama.

Kerajaan Malaysia sebelum ini bagaimanapun berulang kali menegaskan bahawa skandal 1MDB tidak melibatkan sebarang kerugiaan kepada negara.

Kerajaan Malaysia juga berulang kali menolak kerjasama negara luar berhubung siasatan ke atas kes berkenaan, termasuk permohonan Switzerland untuk mendapatkan bantuan perundangan bersama.

Pemerhati melihat, keengganan kerajaan Malaysia untuk bekerjasama dengan penyiasat antarabangsa dalam kes ini akan mendatangkan lebih banyak masalah.



Menurut portal berita *The Malaysian Insight*, Pengarah Eksekutif Centre to Combat Corruption and Cronyism (C4), Cynthia Gabriel berkata Malaysia akan menghadapi masalah untuk memperolehi semula dana berkenaan kerana tidak bekerjasama dalam siasatan.

"Apa yang mengecewakan, 1MDB tidak

dimasukkan dalam kajian kes kerana kerajaan Malaysia enggan mengiktiraf inisiatif bank dunia ini, yang bermaksud peguam dan anggota masyarakat sivil kita tidak boleh mengambil bahagian.

"Maka, jika wang itu mahu dipulangkan kepada Malaysia sekalipun, ia tidak boleh dilakukan," kata Cynthia yang juga berpendapat, Peguam Negara Mohamad Apandi Ali bertanggungjawab untuk membuka siasatan semula.

Ahli Parlimen DAP, Ong Kian Ming pula berkata, pengumuman oleh Sessions itu secara tidak langsung menggagalkan usaha Najib untuk menyembunyikan kes berkenaan.

Beliau juga percaya ini adalah kenyataan pertama dari Jeff Sessions yang berkaitan dengan Kleptocracy Asset Recovery Initiative bawah Jabatan Kehakiman AS (DoJ).

"Ini bermakna, apa sahaja harapan pentadbiran Najib kes ini akan disembunyikan kerana Najib berkawan baik dengan Presiden Trump, semuanya hancur berkecai."

Kata Ong lagi, kenyataan Sessions itu juga menunjukkan hasrat DoJ AS untuk bekerjasama dengan kerajaan lain di seluruh dunia yang akan "mempercepatkan proses siasatan di AS".

Jelasnya, peguam negara AS itu sudahpun menyatakan dengan jelas mengenai kerjasama berhubung permohonan

ekstradisi.

"Saya boleh bayangkan DoJ bekerjasama dengan kerajaan UK, sebagai contoh, untuk mengekstradisi Jho Low ke AS jika beliau melawat UK kelak," katanya.

Saya pilih 'berkecuali', kata Hanipa

Peguam Mohamed Hanipa Maidin mengambil sikap "berkecuali" apabila beliau terpaksa memilih antara kenyataan Peguam Negara Amerika yang mendakwa kleptokrasi 1MDB paling teruk

dengan kenyataan Naib Presiden Persatuan Ulama Dunia, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang berkata "Ini campur tangan asing."

"Kini, saya benar benar dalam dilema..nak sokong Peguam Negara USA itu atau nak sokong "ulama".

"Setelah fikir panjang, tak pe lah saya pilih berkecuali lah!" kata Hanipa dipercayai menyindir sikap Pas yang berkecuali dalam banyak hal di Parlimen.

Hanipa mengulas kenyataan Peguam Negara Amerika Syarikat, Jeff Sessions dilaporkan berkata dalam "Global Forum on Asset Recovery" yang skandal kleptokrasi yang melibatkan 1MDB adalah kleptokrasi yang paling teruk.

"Saya "presume" (anggap) Peguam Negara USA ini mestilah arif sungguh tentang undang-undang berkaitan "money laundering" (pengubahan wang haram) dan kleptokrasi ini.

"Itulah anggapan saya sehingga lah saya tersedar dari lamunan dan teringat komen orang yang mungkin lebih bijak dan cerdik undang-undang drp Peguam Negara USA itu yang dengan penuh yakin dan dengan lafaz yang "soreh" (nyata) kata ia campurtangan asing," tulis Hanipa dalam Facebooknya.

Sebelum ini, Hadi dalam kenyataannya menganggap tindakan Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika menyiasat kes 1MDB sebagai satu campur tangan asing.

Kelmarin, Jeff Sessions berkata, DoJ telah mengumumkan rampasan berjumlah RM14.1 bilion dari harta 1MDB dan menyifatkannya sebagai kleptokrasi (rompakan oleh kerajaan) paling parah.



Antara kenyataan Peguam Negara Amerika dan Naib Ketua Ulama Dunia, Hanipa berkecuali.

Berita khalwat di PAU, Pimpinan Pas suruh Harakahdaily tarik balik

Lidah rasmi Pas, *Harakahdaily* menarik balik berita bekas pemimpin Puteri Umno yang menuntut diadakan operasi pencegahan maksiat sempena Perhimpunan Agung Umno (PAU).

Menurut sumber *Harakahdaily*, arahan menarik balik berita itu dibuat oleh pihak atasan.

"Pimpinan suruh tarik," kata satu sumber *Harakahdaily* merujuk kepada pimpinan Pas.

Harakahdaily melaporkan gesaan bekas Ahli Jawatankuasa Kerja Puteri Umno Bahagian Klang, Wan Asshima Kamaruddin yang menuntut pelaksanaan operasi pencegahan maksiat secara besar-besaran bersempena PAU



Wan Asshima, bekas AJK Puteri Umno yang meminta khalwat di PAU disiasat. Grafik Malaysiakini.

yang bermula pada 5 Disember 2017 ini di PWTC, Kuala Lumpur.

Katanya, setiap kali Perhimpunan Agung Umno banyak berlaku pasangan yang berkhalwat berdasarkan pengetahuan beliau selama 17 tahun pernah bersama parti itu.

"Beliau membuat pendedahan itu kerana tidak mahu lagi bersekongkol dan bersubhat dengan perbuatan maksiat setiap kali berlangsung PAU," lapor *Harakahdaily*.

Dalam laporan itu, Wan Asshima mencabar pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) membuat operasi besar-besaran bagi menangkap pasangan khalwat.

"Berapa ramai pasangan yang

berkhalwat, berapa ramai pasangan bukan Islam bersama dengan orang Islam.

"Dekat situ kita tengok, berapa ramai pasangan isteri orang, suami orang bersama dalam satu bilik," Asshima dipetik berkata oleh *Harakahdaily*.

"Tetapi saya nampak kemungkarannya (itu) semasa saya 17 tahun lagi.

"Sebab itu, saya minta JAWI semasa Perhimpunan Agung Umno (PAU) ini buat operasi besar-besaran di hotel-hotel Kuala Lumpur," tegasnya lapor *Harakahdaily*.

Akhbar *Sinar Harian* pada 3 November 2017 pernah melaporkan berkenaan Wan Asshima menyertai Pas.

PRU14: Adakah undi saya rahsia?

Oleh KANUN

Apabila musim pilihan raya menjelang tiba, suatu soalan yang sering timbul adalah mengenai kerahsian undi. Ramai bakal pengundi berasa risau dan bimbang bahawa pihak berkuasa boleh mengesan calon parti mana yang mereka undi.

Sudah tentulah kebimbangan ini jauh lebih ketara di kalangan penjawat awam, polis, tentera dan sebagainya. Mereka amat khuatir bahawa mereka boleh disenaraihitamkan sekiranya mengundi pihak yang 'salah'. Ini sudah tentu akan menjejaskan kerjaya dan

pantang larang proses yang dijalankan dan sesiapa yang melanggar mana-mana peruntukan tersebut boleh dipenjara tidak lebih setahun atau didenda tidak lebih tiga ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.

Para skeptik mungkin akan mengatakan bahawa undang-undang boleh sahaja dilanggar oleh pihak-pihak tertentu tanpa sebarang tindakan atau pendakwaan.

Bagaimanapun, kita tidak perlu pun menilai sejauh mana andaian para skeptik tersebut adalah betul. Apa yang jelas ialah dari kaedah pengundian yang diamalkan, adalah mustahil untuk sesiapa mengetahui calon atau



nombor siri. Nombor siri ini penting untuk mengesan serta menghindarkan penyelewangan. Namun tiada siapa yang tahu nombor siri kertas undi yang diberikan kepada anda. Apabila seseorang pengundi memasuki bilik tempat mengundi, kerani pertama akan memeriksa kad/dokumen pengenalan pengundi dan menyemaknya dengan daftar pemilih serta meneriakkannya nombor serta nama pengundi tersebut, kerani kedua mencalitkan dakwat kekal pada jari pengundi dan kerani ketiga mengeluarkan kertas undi.

Peraturan 19(5) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 memperuntukkan bahawa: "Sebelum kertas undi dikeluarkan kepada pengundi, suatu tanda, tanpa menunjukkan dengan apa-apa cara kertas undi tertentu yang hendak dikeluarkan kepadanya, hendaklah dibuat dalam daftar pemilih bersertangan dengan nombor dan nama pengundi itu untuk menunjukkan bahawa suatu kertas undi telah dikeluarkan kepadanya."

Justeru itu tujuan menandakan daftar pemilih hanya semata-mata untuk menunjukkan samada seseorang pengundi telah diberikan kertas undi atau belum, supaya tiada pengundi mengundi 2 kali atau lebih. Tanda dalam buku daftar ini dibuat oleh kerani pertama. Daripada buku daftar tersebut tiada siapa yang tahu nombor siri

kertas undi yang dikeluarkan kepada pengundi tersebut. Pengundi sendiri boleh memerhatikan penandaan yang dibuat dalam buku daftar itu.

Kerani ketiga yang bertanggungjawab mengeluarkan kertas undi dilarang memiliki pen atau alat tulis padanya dan tidak mungkin boleh mencatat nombor siri daftar pengundi pada kertas undi atau kaunterfoilya.

Kami seterusnya boleh menghuraikan prosedur pemetieran kertas undi dalam sampul yang tidak membolehkan sampul itu dibuka atau

diperiksa selepas selesai pengiraan undi sehingga dilupuskan kemudiannya, tetapi para skeptik mungkin kurang yakin dengan ketelusan serta ketulusan proses tersebut.

Oleh itu, melihat kepada kaedah pengundian yang diamalkan dan boleh diperhatikan oleh pengundi sendiri, serta dipantau oleh Ejen Tempat Mengundi yang terlatih yang mewakili calon-calon yang bertanding, anda boleh yakin 100% bahawa undi anda adalah rahsia.



masa depan mereka dalam perkhidmatan awam.

Kepada semua bakal pengundi d luar sana, kami boleh menjawab soalan tersebut dengan penuh keyakinan: Jangan risau. Undi anda adalah rahsia.

Kerahsian proses pilihan raya dipelihara menerusi kuasa undang-undang. Seksyen 5 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 menyenaraikan

parti mana yang kita undi. Kecuali kalau kita sendiri beritahu orang.

Suatu isu berkaitan yang membimbangkan pengundi ialah bahawa setiap kertas undi ada dicetak nombor siri. Mereka beranggapan bahawa pihak berkuasa boleh mengesan undi mereka melalui nombor siri yang tercatat itu.

Ya. Betul. Kertas undi ada dicetak



Rakyat Malaysia dipelawa untuk menjadi wartawan di sebuah laman berita. Syarat-syaratnya adalah:

- 1) Mempunyai diploma atau ijazah dalam bidang komunikasi atau kewartawanan @ berpengalaman sebagai pemberita.
- 2) Berminat dengan berita hal ehwal semasa dan berunsurkan politik.

Sila hantarkan resume anda kepada: luqman.malysiadateline@gmail.com Sebelum 30 Disember 2017

Muhyiddin jawab segala tuduhan

Isu lama 'dipintal' tutup skandal BN negeri

KUALA LUMPUR: Sepanjang men-jawat menteri besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengakui tidak pernah dikaitkan dengan sebarang bentuk penipuan, salah guna kuasa ataupun rasuah.

Menjawab pelbagai tuduhan yang dilemparkan terhadapnya, Presiden PPBM itu menegaskan tidak menghadapi sebarang masalah untuk menjawab segala tuduhan itu kerana yakin berada di pihak yang benar.

Sebaliknya beliau yakin pentadbiran kerajaan BN negeri kini telah kehabisan modal dan terpaksa 'memintal' isu-isu lama untuk mengaburi mata rakyat sekaligus mengalih perhatian terhadap skandal rasuah yang dihadapi kerajaan negeri pimpinan Datuk Seri Mohd Khaled Nordin.

"Saya percaya rakyat Johor ingin tahu apa sebenarnya yang berlaku di dalam pentadbiran kerajaan negeri Johor pada waktu ini susulan penangkapan individu-individu berprofil tinggi di negeri Johor yang dikatakan terlibat dalam skandal rasuah bernilai jutaan ringgit.

"Justeru, saya ingin menasihatkan kepimpinan kerajaan negeri Johor supaya berani tampil ke hadapan untuk menjelaskan kedudukan sebenar perkara ini secara terperinci," ujarnya.

Muhyiddin menyenaraikan beberapa tuduhan ke atasnya seperti skandal bekalan air ke Singapura, Amanah Saham Johor, Peneroka Felda Cahaya Baru, pertukaran cuti hujung minggu dan JB Waterfront City.

Mengenai isu bekalan air ke Singapura, beliau berkata ia mempunyai kaitan dengan perjanjian air antara Johor dan Singapura yang ditandatangani pada 1961 dan 1962 di mana Johor bersetuju membekalkan air yang diproses berjumlah 250 juta gellen sehari.

"Untuk sekian lama Johor tidak dapat

“...isu ini tidak ada kena mengena dengan saya. Jika saya menipu peneroka seperti didakwa, kenapa sehingga hari ini peneroka tidak menyaman saya dan mengheret saya ke mahkamah?”

melaksanakan kehendak perjanjian tersebut kerana loji air Johor tidak mempunyai kapasiti untuk merawat air yang mencukupi untuk dibekalkan ke Singapura," katanya.

Hasil perbincangan dengan negara jiran itu, Johor bersetuju membekalkan air yang diperlukan oleh Singapura sebagaimana yang termaktub di dalam perjanjian tersebut dengan membina sebuah empangan dan loji air baharu di Sungai Linggui dengan segala kosnya ditanggung oleh Singapura.

Singapura pula, jelas beliau bersetuju membayar ganti rugi kawasan hutan yang ditenggelami air berjumlah kira-kira RM320 juta kepada kerajaan negeri Johor.

"Wang ini kemudiannya saya simpan di dalam Tabung Amanah Warisan Johor untuk dijadikan tabung rezab negeri Johor," jelas beliau.

AMANAH SAHAM JOHOR

Amanah Saham Johor pula, ujar beliau ditubuhkan bagi memastikan khazanah Johor yang dikelolakan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor dikongsi bersama oleh rakyat Johor dan tidak oleh individu-individu tertentu.

"Sebab itu ia diuruskan oleh PKENJ. Keseluruhannya lebih kurang 300 juta unit saham telah dikeluarkan dan dibeli oleh pelabur-pelabur di Johor.

"Seingat saya sejak ASJ dilancarkan oleh Tun Dr Mahathir waktu itu, saham yang

berharga RM1 telah meningkat nilainya dalam beberapa tahun selepas itu sehingga mencecah lebih RM2 seunit.

"Seingat saya PKENJ pernah membayar dividen ke atas keuntungan yang dibuat oleh ASJ," katanya.

Menurutnya, hanya setelah Tan Sri Abdul Ghani Othman menjawat Menteri Besar, ASJ mula mengalami kerugian dan ia tidak lagi diberi perhatian oleh pentadbiran baru Johor.

PENEROKA FELDA CAHAYA BARU

Beliau menambah, isu peneroka Felda Cahaya Baru bermula apabila sebuah syarikat berhasrat memajukan tanah peneroka.

Kerajaan negeri, ujar beliau hanya memberikan kelulusan untuk memajukan tanah.

Bagaimanapun projek itu tidak dapat dilaksanakan kerana menghadapi beberapa masalah.

"Jadi isu ini tidak ada kena mengena dengan saya. Jika saya menipu peneroka seperti didakwa, kenapa sehingga hari ini peneroka tidak menyaman saya dan

mengheret saya ke mahkamah?" soal beliau.

Mengulas pertukaran cuti hujung minggu dari hari Jumaat kepada Ahad, beliau berkata ia dilaksanakan selepas kerajaan pusat mencadangkan agar cuti hujung minggu di seluruh negara diseragamkan.

Sebagai menteri besar, beliau telah mengambil inisiatif dengan menjalankan kajian tentang faedah dan kesannya termasuk pandangan dari sudut hukum Islam menerusi nasihat daripada Mufti dan pakar agama di Johor.

"Hasil kajian itu dibentang dan diluluskan oleh Exco Kerajaan Negeri. Kertas Exco itu juga dibawa ke pengetahuan Almarhum Sultan Johor," ujarnya.

Menjelaskan tentang projek JB Waterfront City, Muhyiddin berkata ia adalah projek penswastan yang kosnya ditanggung sepenuhnya oleh pemaju dan kerajaan negeri tidak menanggung sebarang liabiliti.

"Ia merupakan percubaan menggunakan teknologi cerucuk secara terapung yang tidak memberi kesan kepada alam sekitar dan pencemaran Selat Tebrau dan dimajukan oleh syarikat pembinaan tempatan Pilecon.

"Oleh kerana projek ini berjangka panjang, jika sekiranya ia tidak disiapkan, maka kerajaan negeri yang dipimpin oleh orang-orang selepas saya boleh mengambil apa-apa tindakan yang perlu terhadap pemaju berkenaan," ujarnya.

Muhyiddin Yassin



Kaji semula gaji CEO Yayasan Felda bukan hentikan pekerja

KUALA LUMPUR: Felda disaran mengkaji semula gaji Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Yayasan Felda yang berjumlah RM54,000 sebulan daripada bertindak memberhentikan pekerja yayasan tersebut dan memotong gaji kakitangannya.

Sambil menyifatkan langkah pemberhentian pekerja dan pemotongan gaji itu sebagai tidak wajar, Presiden Persatuan Anak Peneroka Kebangsaan (Anak) Mazlan Aliman sebaliknya mahu Yayasan Felda diperkasakan bagi manfaat peneroka.

Menurut beliau, cadangan mengecilkan operasi Yayasan Felda seperti diumumkan Pengerusi Felda Tan Sri Shahril Samad adalah tidak wajar dan bertentangan sama sekali dengan visi dan misi Yayasan Felda untuk menjaga kebajikan warga Felda.

"Anak kesal kos pembiayaan Yayasan Felda sekitar RM10 juta (melalui Felda) dan

keuntungan anak-anak syarikat yang tidak seberapa dijadikan isu.

"Walhal Felda sedang dipersoalkan oleh peneroka dan generasi baru Felda; betapa lesunya program yang berorientasikan kebajikan," ujarnya dalam satu kenyataan.

Mazlan mengulas pengumuman Shahril bahawa sebahagian daripada 68 pekerja Yayasan Felda akan dihentikan menjelang akhir tahun ini.

Perkara itu juga disahkan Pengerusi Yayasan Felda, Datuk Seri Abdul Manan Ismail.

"Anak berpandangan Peranan Yayasan Felda perlu dipertingkatkan sejajar dengan jumlah warga Felda yang kian membesar dan masalah kebajikan yang harus ditangani.

"Anak bimbang dengan kedudukan Yayasan Felda seperti kenyataan Pengerusi

Felda, Tan Sri Shahril Abd Samad.

"Felda perlu mengkaji semula peruntukan gaji yang dibayar kepada CEO Yayasan Felda berbanding mengambil langkah pemberhentian pekerja dan melaksanakan pemotongan gaji," katanya.

Beliau sebaliknya menggesa Shahril memberi tumpuan kepada kegagalan Felda Global Venture Sdn Bhd (FGV) memberi pulangan kewangan kepada Felda seperti dijanjikan semasa penubuhannya.

"Puluhan ribu anak cucu peneroka akan memasuki sesi persekolahan 2018. Insentif khas mesti diberi bagi memastikan kebajikan mereka seperti pakaian, peralatan sekolah dan yuran pendaftaran dapat disediakan.

"Pelaksanaan GST, kos sara hidup yang meningkat dan pendapatan peneroka yang rendah; realitinya telah memberi im-

pak dan meningkatnya kelompok miskin dalam masyarakat Felda," ujarnya.

Yayasan Felda ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952 pada 26 Sept 1998 dan mula beroperasi pada 1999.

Penubuhannya adalah selaras dengan keprihatinan Kumpulan Felda terhadap tanggung jawab sosial kepada masyarakat luar bandar khususnya warga Felda.

Antara fungsi Yayasan Felda adalah mewujudkan Skim Bantuan Pendidikan Tinggi, Pusat Hemodialisis Felda, program khidmat masyarakat dan sumbangan tahunan melalui Felda Travel kepada jemaah haji seperti beg, kain ihram dan pil vitamin.

Selama ini Yayasan Felda memperoleh sumber kewangan dari peruntukan Felda dan keuntungan anak-anak syarikatnya.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

EZKEMBARA
NO. KPK/LN : 6814

**PELBAGAI
DESTINASI
MENARIK!**

SEOUL

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	3,150	2,840
APRIL 13 - 22 APR 2018	3,150	2,840
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	2,990	2,680

TURKI

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	4,199	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	4,199	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	3,999	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	4,100	-
AUTUMN OCTOBER	4,100	-

PAKEJ JUMRAH

**PAKEJ
ZAAFARAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	7,950	7,650	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	7,550	7,250		
MAC 14 - 25 MAC 2018	7,750	7,250		

**PAKEJ
RUMMAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590		
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		

**PAKEJ
TAMAR**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	6,790	6,490	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

Komen artis tentang ekonomi lebih menggigit dari MIER

“Riu-rendah media dengan seaneka reaksi dan gelagat, tak kurang yang menghina, rata-ratanya mengingatkan warga seni atau selebriti supaya jangan masuk campur perihal politik dan kekal dalam bidang hiburan mereka. Perlu bersyukur sahaja dengan peruntukan 'lumayan' di bidang seni.”

CAKAP-CAKAP tentang negara akan mencapai status sebuah 'negara berpendapatan tinggi' langsung tidak dipedulikan rakyat. Bahkan unjuran mencapai target itu akan berlaku dalam suku pertama pada tahun 2018!

Secara jujur, siapa yang ambil kisah tentang hal itu? Hampir tidak ada di kalangan rakyat awam yang peduli. Bahkan di kalangan pengamat ekonomi pun, sama ada dalam atau luar negara, laporan itu tidak 'menguja' atau mencetuskan satu riak, seterusnya tercetus satu wacana atau 'discourse' atau cakap-cakap rakyat atau satu 'national conversation'.

Lebih mengaibkan lagi kerana sumber asal perihal tersebut adalah sebuah pusat kajian ekonomi yang terulung di negara ini yakni 'Malaysian Institute of Economic Research' atau MIER, bukan sekadar badan kajian pasaran atau dapatan kajian seorang ahli akademik tempatan sahaja. Lebih malang lagi, jurubucaranya ialah Penolong Pengarahnya sendiri!

Apakah rakyat tidak lagi teruja dengan pendedahan sensasi perihal angka dan prestasi ekonomi negara? Tambahan istilah 'negara berpendapatan tinggi' adalah pacuan target sejak Najib ambil alih negara, satu 'buzzword' atau kata ajaib sejak polisi ekonomi PM Najib (Najibnomics) berkuat-kuasa!

Mengikut takrif Bank Dunia ekonomi berpendapatan tinggi bermula dengan rakyatnya memiliki PNK (Pendapatan Negara Kasar) per kapita pada paras US\$12,476 setahun. Kini, MIER isytiharkan negara punya PNK per kapita US\$10,722. Ya, MIER mengunjurkan dalam suku pertama tahun 2018, negara akan berjaya mencapai status 'negara berpendapatan tinggi' dan bakal dinobatkan ke dalam liga itu... Horeh!

Tapi ke mana tepuk-sorak, tabik spring untuk Najib serta hiruk-pikuk kenduri rakyat tajaan Putrajaya, menyambut kesemua kejayaan itu? Di mana lenyapnya? Tak siapa pun ambil pusing, betul? Betul juga ya. Mungkin MIER sudah hilang wibawa dan unjuran dan dapatanya tidak dipercayai lagi? Tidak menasabah. MIER tidak pula diketahui sebegini kerana selalunya bertindak

profesional dan tidak diketahui 'membodek' Putrajaya. Tak tahulah kalau sudah berubah kerana musim-musim tertentu.

Sebaliknya, bandingkan dengan kicauan tweet dari Sheila Majid, Diva Jazz dan selebriti tempatan perihal ekonomi tempatan... MeleTOP! Beliau hanya sekadar merakamkan perihal kesusahan rakyat dalam tweetnya lalu tular atau seluruh rantau ini. Beliau mendapat 14,000 Retweets (RT).

Kicauannya berbunyi, "Makanan mahal, ringgit lemah, kos sara hidup tinggi & pekerjaan sukar didapati. Rakyat Malaysia semakin letih & marah kerana dihimpit hutang yang bukan kita cipta. Cukuplah beralasan & cari kesalahan. Tumpu pada tugas meletakkan negara kembali ke landasan! Mengecewakan!"

Aduuuh! Seperti 'bom atom' digugurkan di Hiroshima dan Nagasaki terasa dek Najib dan hulubalang kanannya. Tidak perlu saya ulas respons mereka. Buang masa.

Pun begitu 'sentapan' yang dibuat dek pengacara terkenal Datuk Aznil Nawawi atau Pak Nil bertanya soalan berkenaan kos sara hidup kepada PM Najib Razak dalam #Bicara4Mata. Selamba sahaja Aznil mengesyorkan kepada Najib, "Tak payahlah GST tu Datuk Seri".

Sememangnya ini adalah julung-julung kali warga seni dan selebriti membuat intervensi tegas dan ketara seperti ini. Mungkin sahaja fenomena ini adalah permulaannya. Ramai lain yang bakal tampil dan dari pelbagai sektor lain.

Tentunya kerja buat Persatuan Patriot Kebangsaan (PPK) yang amat peka dengan hal-ehwal pesara tentera dan polis perlu juga mendapat pengiktirafan. Keperluan penampilan Presidennya Brigadier Jeneral (B) Datuk Mohd Arshad Raji atas pelbagai isu melibatkan kepentingan warga pesara dan veteran tentera dan polis, termasuk perihal keselamatan dan urusan negara perlu diberi sanjungan.

Saya ingatkan kawan-kawan pembangkang, kesemua ini bukan kerana mereka sokong perjuangan pembangkang! Tidak salah sesiapa pun yang mengiktiraf keberanian mereka termasuk dari Pakatan Harapan atau pembangkang yang lain.

Yang jelas mereka sanggup lakukan ini dengan risiko yang besar. Ya, kalau terlalu memikirkan periuk-nasi mereka, saya yakin mereka tidak sanggup lakukan 'terjahan' seperti ini.

Buat saya, bukan sahaja kerana contoh-contoh ini sudah tidak boleh digugat atau kedudukan ekonomi mereka teguh, tetapi inilah cetusan hati-budi dan rintihan sanubari mereka memandang keperitan hidup rakyat teramai dan juga rakan-taulan mereka.

Ini membuktikan warga seni menjwai kehidupan rakyat yang sedang susah dan terbeban hari ini. Mereka peka dan cakna. Jangan fikir mereka hanya dalam dunia seni dan hiburan mereka semata-mata.

Mereka terpaksa melibatkan diri dengan hal urusan ekonomi negara ketika orang mereka sebagai gagal mengurus ekonomi dan kewangan negara dengan baik.

Tidak mustahil mereka lebih peka dari pimpinan politik yang hidup mewah dan tidak tahu keperitan hidup rakyat ketika subsidi atas barang-barang asas keperluan rakyat ditarik balik dan GST terus mencekik rakyat teramai khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana!

Terkini, dapatan kajian pihak Merdeka Centre mendapati 15% warga Malaysia mula mengurangkan makanan harian bagi menjimatkan perbelanjaan dan memastikan gaji mereka cukup untuk menampung perbelanjaan bulanan.

Kajian tersebut yang dijalankan pada bulan November melibatkan 1,203 pengundi berdaftar rata-ratanya mendapati kesukaran kehidupan menjadi cabaran untuk mereka lantas impak buruk terhadap kesejahteraan isi-rumah dan rumah-tangga.

Antara dapatan kajian itu adalah;

* 11% terpaksa menggadai barangan kemas untuk mengatasi keperluan bulanan dan jumlah ini menunjukkan peningkatan 1% berbanding bulan Januari.

* 29% tidak mempunyai simpanan minima RM500 untuk keperluan kecemasan berbanding 33% pada bulan Januari.

* 64% mengakui mengalami tekanan



ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

memikirkan masa depan mereka berbanding 68% yang alami tekanan pada bulan Januari.

* 40% jumlah yang terpaksa menanggungkan bayaran bil telefon dan elektrik dan angka ini sama pada bulan Januari.

* 20% membuat pinjaman peribadi dan berbelanja menggunakan kad kredit dan ini adalah peningkatan 2% berbanding bulan Januari.

* 15% mengakui mengalami konflik keluarga pada kajian ini, peningkatan 2% berbanding bulan Januari.

Di ambang pilihan raya yang semakin hampir, Najib dan Putrajaya pastinya akan memunggang seluruh bala tenteranya untuk meyakinkan rakyat bahawa beliau layak diberi lanjutan mandat dan tugasnya sebagai PM.

Sementara itu, Najib akan menggunakan beraneka cara dan pendekatan untuk menakutkan rakyat serta memburuk-buruk pembangkang khususnya Pakatan Harapan serta pimpinan tertingginya.

Ya, kesemua makar jahat Najib mesti ditangani dengan serang balas yang lebih hebat. Kerja buat Najib dan kerajaan BN yang sedia sarat dengan kebobrokanannya semakin terserlah dan terus terdedah.

Terkini dari Jeff Sessions, Peguam Negara Amerika Syarikat atas skandal 1MDB yang dinobatkan beliau sebagai, "Kleptokrasi (rompakan) terdahsyat di dunia". Sangat memalukan negara!

Namun rakyat berpeluang mendapatkan kembali berbilion dolar yang dirompak seperti pernah DoJ telah mengembalikan berjuta dolar kepada rakyat Kazakhstan, Peru, Nicaragua, South Korea dan Taiwan dalam kleptokrasi ke atas harta negara mereka.

Namun isu paling penting adalah bebanan hidup rakyat yang kian meruncing yang menjadi daya tolak utama untuk menamatkan kerjaya dan kerajaan Najib. Sayugia diingatkan PH supaya kekal membuat pencerahan kepada rakyat serta terus utuh bersatu-padu buat memberikan jaminan kepada rakyat bahawa mereka punya pilihan yang lebih berwibawa dan kompeten, yang tidak korup, boros dan bolot.

Keyakinan dan harapan ini adalah kritikal untuk menyuntik keyakinan bahawa rakyat masih punya masa depan buat memacu kebangunan semula Malaysia baru yang adil dan sejahtera untuk semua!

■ Penulis ialah Pengarah Strategi AMANAH Nasional.

RCI kerugian forex tidak namakan pesalah

KUALA LUMPUR: Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai kerugian urus niaga mata wang asing (forex) Bank Negara Malaysia mengesyorkan agar polis membuka siasatan rasmi terhadap kemungkinan berlaku kesalahan pecah amanah dalam urusan tersebut.

Laporan setebal 400 muka surat yang diedarkan kepada ahli Parlimen 30 Nov lalu menyarankan siasatan dilakukan terhadap semua pihak yang terlibat termasuk bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, bekas menteri kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kakitangan Bank Negara Malaysia

(BNM).

RCI itu turut mengesyorkan agar siasatan dijalankan terhadap ahli lembaga pengarah BNM, Jabatan Audit Negara dan Kementerian Kewangan, lapor *FMT*.

"Suruhanjaya berpendapat daripada fakta yang diberikan kepada inkuiri terdapat asas untuk mencadangkan polis menjalankan siasatan rasmi terhadap kemungkinan berlakunya jenayah pecah amanah dan atau penipuan yang mungkin dilakukan oleh kakitangan BNM, ahli lembaga pengarah BNM, Jabatan Audit Negara, menteri kewangan dan perdana

menteri dalam menjalankan urusan niaga spekulasi forex dan menyembunyikan kerugian forex daripada pengetahuan Kabinet dan Parlimen," laporan itu dipetik.

Skandal forex tersebut dianggap menyebabkan kerugian sehingga RM30 bilion.

RCI ditubuhkan untuk menentukan kebenaran dakwaan mengenai kerugian tukaran mata wang asing yang ditanggung oleh BNM dan kesannya terhadap ekonomi negara.

Laporan itu sudah dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V oleh Pesuruhjaya RCI

terdiri daripada Tan Sri Mohd Sidek Hassan Md Said, Datuk Seri Tajuddin Atan, Tan Sri Saw Choo Soon dan P. Kanagarayar pada 13 Oktober lalu.

Seramai 25 saksi termasuk Dr Mahathir dan Anwar, di samping bekas menteri kewangan Tun Daim Zainuddin dan pegawai tertinggi bank termasuk gabenor, dipanggil memberi keterangan di hadapan panel suruhanjaya yang bersidang selama 8 hari.

Selain itu, sebanyak 42 dokumen juga dikemukakan semasa prosiding.

Anwar dikunjungi pemimpin PH

CHERAS: Ketua Umum Pakatan Harapan Datuk Seri Anwar Ibrahim terus menerima kunjungan para pemimpin negara ketika menerima rawatan bahu kanannya di hospital.

Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng dibenarkan menziarahi bekas timbalan perdana menteri itu di Hospital Rehabilitasi Cheras, 29 Nov lalu.

Timbalan Pengarah Dasar Kepenjaran, Jabatan Penjara Malaysia Supri Hashim dalam satu kenyataan berkata, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Azmin Ali turut menziarahi Anwar pada 27 November lalu di Hospital Kuala Lumpur.

"Kesihatan Datuk Seri Anwar Ibrahim seperti mana laporan oleh pakar-pakar adalah semakin baik," jelas Supri.

Ketika menerima rawatan di Hospital Kuala Lumpur, Anwar turut menerima lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan beberapa menteri kabinet.



Guan Eng menziarahi Anwar ketika bekas ketua pembangkang itu menerima rawatan di Hospital Rehabilitasi Cheras.

Azmin sedia disiasat SPRM setelah anak saudara direman

SHAH ALAM: Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sedia disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ekoran siasatan ke atas anak saudara beliau.

"Saya menyerahkan kepada SPRM untuk membuat siasatan dengan syarat ia dijalankan dengan telus dan profesional," kata Azmin kepada media.

Beliau bagaimanapun menyifatkan tindakan SPRM itu seolah-olah satu 'showcase' menjelang Perhimpunan Agung Umno awal Dis ini.

"Saya rasa ia cubaan untuk sabotaj kerajaan Selangor dan satu 'showcase' sebelum Perhimpunan Agung Umno," katanya.

Pada 29 Nov lalu, SPRM menahan anak saudara Azmin dan tiga individu lagi atas dakwaan terlibat dalam perlombongan pasir dan batu secara haram.

Mereka direman selama tujuh hari sehingga 6 Disember untuk membatu siasatan.

Siasatan awal SPRM menunjukkan syarikat perlombongan pasir itu 'merasuah' pegawai kerajaan tempatan di Kajang – tempat syarikat itu beroperasi sejak 2014

"Difahamkan pegawai itu didakwa dirasuah agar tidak mengambil tindakan terhadap kegiatan itu," kata *NST Online*.

Azmin mempertahankan aktiviti Kumpulan Semester Sdn Bhd, anak syarikat kerajaan negeri.

Katanya, Selangor berjaya membuat penjimatan sehingga RM400 juta tahun lalu kerana tender secara terbuka.

"Saya mengalu-alukan siasatan dengan syarat ia terbuka dan berintergriti," kata Azmin.

Bagi beliau, tangkapan ini mempunyai unsur politik kerana blogger Umno telah menyiarkan maklumat itu sebelum SPRM melakukan operasi tangkapan.

Sajak 'Pemakan Bangkai' Pyanhabib kecam perasuah

KUALA LUMPUR: Penyair dan sasterawan tanah air, Pyanhabib menggunakan daya kreatifnya semasa mendeklamasikan sajak pada acara puisi anjuran bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di Balai Budaya Tun Syed Nasir, DBP baru-baru ini.

Penggiat teater yang terkenal dengan gelagat humornya itu mendeklamasikan sajak nukilannya sendiri yang mengkritik keras penularan budaya rasuah di negara ini yang disifatkan sebagai 'penjarah pintar harta negara'.

"Sudah berpuluh tahun gua (saya) tidak berdiri di pentas Balai Budaya Tun Syed Nasir di DBP, kesempatan berdiri pada acara puisi SPRM-DBP, gua pun berdiri sambil guna jari telunjuk, gua tunjuk sana tunjuk sini pasal rasuah. Keh keh keh!" mesej beliau yang tular di media sosial dipetik.

Berikut adalah sajak yang dideklamasikan Pyanhabib:

Pemakan Bangkai

*Negara ini tanah kebun luas, penuh tanaman subur menghijau.
Negara ini lembah permai, bergunungan berpantai landai.
Negara ini pusat peradaban, segala membangun; politik, ekonomi dan hukum.*

Negara ini panggung sandiwara, pelaku berebutan kuasa, mulai mencuri kecil-kecilan kini penjarah pintar harta negara.

Penguasa berlagak pahlawan membongkar korupsi bertindak bagai wira namun mereka masih memilih kasih.

Ahh, betapa buruk kantung mereka jika dibuka di hadapan rakyat jelata.

Baginda nabi mengingatkan; "Akan datang satu zaman ke atas umatku di mana para penguasa seperti singa, menteri-menteri seperti serigala, penegak hukum seperti anjing dan

rakyat seperti kambing. Lalu, bagaimana kambing boleh hidup di tengah-tengah kerumunan para singa, serigala dan anjing?"

Alangkah lucu tanah airku andai singa, serigala dan anjing mengaum menyalak di hadapan para kambing.

Seorang sahabat berkata, seorang berkuasa tidak berusaha melindungi kezaliman atau seorang agama tidak bersuara menegak hukum, mereka umpama melindungi orang-orang fasik, mereka umpama keliaran para pemakan bangkai.

Ya Tuhan, ampuni kami, ampuni anak-anak kami. Ampuni anak-anak kami yang akan remaja, anak-anak kami yang akan dewasa. Ampuni mereka ya Tuhan, andai kesalahan dan rasa berdosa mereka miliki adalah kerana pemimpin-pemimpin kami.

**Pyanhabib Rahman
21 November 2017**

Tokoh politik muslim Thailand meninggal dunia

KUALA LUMPUR: Bekas Setiausaha Sekretariat Asean Dr Surin Pitsuwan meninggal dunia 30 Nov lalu kerana serangan jantung.

Bangkok Post melaporkan Dr Surin, 68, menghembuskan nafas terakhirnya di sebuah hospital di Thailand setelah pengsan ketika dalam persiapan untuk menghadiri Perhimpunan Halal Thailand 2017, Bitec di Bang Na.

Allahyarham telah dibawa ke Hospital Ramkhamhaeng dan kemudian disahkan meninggal dunia.

Dr Surin atau nama sebenarnya Abdul Halim Ismail ialah

bekas Menteri Luar Thailand.

Beliau ialah graduan dari Universiti Harvard dan pernah dilantik sebagai pensyarah di Universiti Oxford dan menjadi Felo Tun Abdul Razak.

Beliau mendapat pendidikan awal di pondok Bantan, wilayah Nakhon Sithammarat yang diasaskan datuknya Tuan Guru Yaakob Abdul Rauf, seorang ulama yang mendapat pendidikan di Patani dan Makkah.

Jenazah negarawan itu dikebumikan di tanah perkuburan Islam bersebelahan Masjid Thal, di Nonthaburi, Bangkok tidak jauh dari kediamannya dengan



Allayarham Dr Surin Pitsuwan @ Abdul Halim Ismail

dihadiri ratusan masyarakat Islam tempatan.

Raja Maha Vajiralongkorn, Puteri Chakri Sirindhorn dan Puteri Soamsawali menghantar wakil mereka ke upacara pengebumian dan menyediakan tanah diraja untuk upacara pengebumian.

Antara kenamaan yang melawat jenazah Allahyarham ialah bekas Perdana Menteri Chuan Leekpai selain ahli politik dan anggota komuniti diplomatik.

Surin ialah timbalan menteri luar Thailand dari 1992 hingga 1995 sebelum dilantik sebagai menteri luar Thailand dari 1997 hingga 2001 semasa di bawah kepimpinan Leekpai.

Pada 1 Jan 2008, beliau dina-

makan sebagai setiausaha agung Asean dan memegang jawatan itu selama lima tahun.

Surin yang berasal dari Nakhon Si Thammarat meninggalkan seorang isteri, Alisa dan tiga orang anak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Suwaphan Tanyuwattana yang mewakili Perdana Menteri Jen Prayut Chan-o-cha, juga mengunjungi kediaman Surin untuk menyampaikan ucapan takziah daripada kerajaan Thailand.

Rumawip untungkan pemaju kroni, risikokan rakyat

KUALA LUMPUR: AMANAH Wilayah Persekutuan mempertikaikan sama ada syarikat pemaju yang dipilih bagi membina projek Rumah Wilayah Persekutuan (Rumawip) berkecimpung dan sudah lama berkecimpung dalam industri.

Pengerusi AMANAH Wilayah Persekutuan Dr Hatta Ramli mempertikaikan kegagalan Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil tindakan terhadap syarikat pemaju Faber Vista Sdn Bhd (FVSB) yang gagal menjelaskan bayaran tertunggak tanah yang dibeli pada tempoh yang ditetapkan.

"Kegagalan pihak Kementerian untuk memantau penukaran syarat nyata tanah oleh pihak pemaju amat membimbangkan. Kegagalan memberikan justifikasi pemilihan bagi Residensi Kepong Emas yang sebelum ini telah diwartakan sebagai kawasan rizab tanah hijau kepada Rumah Mampu Milik dan kediaman pangsapuri bakal memberi

“Kegagalan memberikan justifikasi pemilihan bagi Residensi Kepong Emas yang sebelum ini telah diwartakan sebagai kawasan rizab tanah hijau kepada Rumah Mampu Milik dan kediaman pangsapuri bakal memberi kesan kepada pemilik rumah pada masa akan datang,” ujarnya.

kesan kepada pemilik rumah pada masa akan datang," ujarnya.

Dr Hatta merujuk Laporan Ketua Audit Negara 2016 yang mendedahkan kelemahan pengurusan projek Rumawip di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Berdasarkan laporan itu, kementerian terbabit ditegur kerana menjual tanah bagi tiga projek kepada pihak yang tidak berwibawa bagi pelaksanaan projek Rumawip.

Tanah-tanah tersebut telah dilupuskan

secara jualan langsung (outright sale) kepada syarikat pemaju yang baru ditubuhkan.

Antara syarikat terbabit adalah Virtue Court Sdn Bhd (VCSB) yang hanya mempunyai modal berbayar sebanyak RM100 pada 21 Januari 2010; Era Ecoland Sdn Bhd (EESB) yang ditubuhkan sehari selepas cadangan Rumawip dikemukakan; dan Garuda Search Sdn Bhd (GSSB) yang baru sahaja ditubuhkan.

Dr Hatta Ramli

Justeru Dr Hatta berkata, tindakan kementerian terbabit yang dilihat 'acuh tak acuh' telah menguntungkan syarikat pemaju namun merisikokan hak rakyat khususnya penduduk sekitar Wilayah Persekutuan.

"Pakatan Harapan (PH) mengambil serius isu pemilihan rumah ini khususnya keutamaan kepada warga kota yang telah dibeban dengan kos sara hidup yang tinggi dek kerana kebobrokan sang pentadbir," ujarnya.

Isu pemilihan rumah, katanya adalah isu dominan yang membelenggu rakyat khususnya di kawasan bandar.

Harga rumah yang melambung tinggi dan lambakan rumah yang melebihi kemampuan, jelas beliau telah memberi kekangan kepada rakyat untuk memiliki kediaman sendiri.

"Tidak hairanlah 'Rumah Mampu Milik' kini telah bertukar menjadi 'Rumah Mampu Lihat,'" ujarnya.

Menteri WP perlu jelaskan kegagalan projek Rumawip

KUALA LUMPUR: Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Mansor digesa mengambil tanggung jawab ekoran kegagalan kerajaan persekutuan menyediakan perumahan mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah.

Ahli Parlimen Lembah Pantai Nurul Izzah Anwar berkata, rakyat kini dihantui masalah serius berkaitan pemilikan rumah dengan kos harga rumah 'mampu milik' yang tinggi berbanding gaji khususnya bagi kelompok B40.

Keadaan ini, katanya menjadikan projek perumahan mampu milik hanya 'mampu dilihat' kumpulan terbabit.

"Kegagalan yang dibuktikan menerusi laporan audit, termasuk siri pendakwaan ra-

suah dan pengenalan dasar yang menekan rakyat wajib dipertanggungjawabkan kepada menteri.

"Kegagalan sebegini sewajibnya juga memberi kesan kepada penggajian Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Menteri Wilayah kerana KPI mereka sendiri gagal dipenuhi.

"Permasalahan yang timbul kian mengahkis kepercayaan para pemaju dan masyarakat Kuala Lumpur secara amnya, terhadap Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL," tegas beliau.

Menurut beliau, kerajaan kelihatan menekan rakyat dengan urusan denda dan saman, sedangkan kepincangan sendiri masih tidak berkesudahan.

Nurul Izzah yang juga Naib Presiden Keadilan berkata, dengan kos sara hidup yang meningkat dan pendapatan isi rumah bulanan penengah golongan B40 berjumlah RM3000, kemampuan untuk memiliki kediaman berharga RM300,000 ke atas terutama di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur adalah mustahil.

"Yang lebih memburukkan keadaan, projek rumah 'mampu milik' tidak diurus dengan berkesan. Buktiinya, Laporan Ketua Audit Negara 2016 telah menemukan pelbagai bentuk kepincangan besar dalam projek Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (Rumawip)," katanya.

Ini jelas beliau termasuk pemilihan pemaju yang tidak berkecayaan, ketiadaan

SOP penjualan tanah yang nyata dan pembayaran nilai hartanah yang lebih rendah daripada nilai sebenar.

Pendedahan Ketua Audit Negara ini, tambah Nurul Izzah memerlukan jawapan Tengku Adnan dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Mohd Amin Nordin Abdul Aziz.

Beliau turut mempersoalkan pelantikan Virtue Court Sdn. Bhd. (VCSB) sebagai pemaju projek Rumawip tanpa sebarang profil atau latar belakang pengalaman kerja.

Begitu juga dengan Gagasan Matrik Sdn. Bhd. (GMSB), anak syarikat VCSB yang hanya mempunyai modal berbayar RM100 tetapi dilantik pemaju projek di Pantai Dalam.



Henti tetap harga minyak **saban minggu**

Oleh **ARIF ATAN**

Foto **WAN ZAHARI SALLEH**

PUTRAJAYA: Gerakan Turunkan Harga Minyak (Gertak) mendesak kerajaan menghentikan penetapan harga petrol dan diesel secara mingguan serta mengembalikan subsidi bahan bakar itu daripada terus membebankan rakyat.

Dua tuntutan itu antara yang terkandung dalam Petisyen Rakyat yang diserahkan kepada Perdana Menteri dekat sini, 29 Nov lalu.

Tiga lagi menuntut kerajaan menurunkan harga runcit minyak dengan penetapan harga sil-

ing RON95 pada RM1.90 seliter; menstabilkan harga minyak secara telus serta mendedahkan nilai Alpha sebenar.

Penyelaras Gertak Faiz Fadzil berkata, kerajaan mampu melaksanakan kesemua tuntutan itu memandangkan Malaysia sebagai pengeluar minyak dengan RM35 bilion pendapatan negara diperoleh daripada hasil minyak.

Bahkan, jelas Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional itu, hasil kutipan cukai barang dan perkhidmatan (GST) sekitar RM42 bilion setahun datang dari poket rakyat.

Menurutnya, penetapan harga

minyak secara mingguan tidak mengikut struktur yang telus dan berkesan dengan kekerapan kenaikan 80 peratus melebihi penurunan.

"Gertak menyedari harga runcit RON95 harus ditetapkan pada harga sekitar RM1.90 seliter jika subsidi minyak yang hanya sekitar RM3 hingga RM4 bilion setahun tidak dipotong kerajaan.

"Nilai Alpha yang telus digunakan mengambil kira harga minyak mentah dunia yang hanya sekitar AS\$50 hingga AS\$60 setong," kata Faiz lagi pada sidang media di perkarangan Jabatan Perdana Menteri.



Faiz bercakap kepada pemberita selepas menyerahkan petisyen kepada JPM di Putrajaya, 29 Nov lalu.

PH gesa siasat kaitan MB Johor dengan skandal hartanah

Oleh **HUSIN MAHAT**

BATU PAHAT: Pakatan Harapan (PH) Johor menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat pembabitian Menteri Besar Johor dalam skandal hartanah Bumiputera di negeri itu ekoran kenyataan Timbalan Ketua Pesuruhjayanya, Datuk Seri Azam Baki berhubung kesahihan dokumen siasatan skandal tersebut yang dibocorkan pihak tertentu.

Dalam satu kenyataan bersama, Pengerusi PH Johor Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Pengerusi PPBM Johor Datuk Dr Shahrudin Md Salleh, Pengerusi AMANAH Johor Aminolhuda Hassan, Pengerusi Keadilan Johor Hassan Karim dan Pengerusi DAP Johor Liew Chin Tong mengucapkan terima kasih kepada SPRM khususnya Azam Baki dengan pengakuan yang dibuat.

"Kenyataan tersebut secara tidak langsung

telah mengesahkan kesahihan dokumen kenyataan rakaman percakapan berkaitan skandal hartanah melibatkan Exco Negeri Johor.

"Justeru Pakatan Harapan ingin tahu apakah jaminan komitmen pihak SPRM selepas menerima maklumat tersebut? Apakah tindakan yang akan diambil?" kenyataan itu dipetik.

Menurut mereka, persoalan ini amat penting untuk dijawab oleh SPRM memandangkan skandal hartanah yang berlaku melibatkan kepentingan keseluruhan rakyat Johor.

Sehubungan itu, PH Johor sekali lagi mendesak Menteri Besar Datuk Seri Mohd Khaled Nordin segera tampil mengemukakan penjelasan memandangkan nama beliau turut sama dikaitkan akhir-akhir ini.

Dalam perkembangan berkaitan, seorang peguam panel SPRM menggesa polis menyiasat pihak yang membocorkan dokumen rakaman siasatan skandal melibatkan bekas exco

perumahan Johor itu.

Panel penasihat operasi SPRM Datuk Selva Mookiah berkata, siasatan perlu tertumpu kepada kenyataan Azam Baki bahawa dokumen dicap 'Rahsia' dengan lebih 100 muka surat itu hanya diberikan kepada peguambela.

"Sekiranya terdapat peguam yang terlibat, bukan sahaja peguam tertuduh, tetapi mana-mana peguam yang terlibat harus diambil tindakan bagi memastikan sistem keadilan dipelihara," katanya kepada FMT.

Azam sebelum ini dipetik sebagai berkata, SPRM memandang serius kebocoran dokumen itu yang dilihat mendedahkan tuduhan salah laku melibatkan pemimpin kanan politik Johor.

Kenyataan rakaman percakapan itu diserahkan kepada peguam bela berdasarkan undang-undang sedia ada bagi tujuan pembelaan selepas suspek dituduh.

Menurut Azam pihaknya sudah membuat

laporan polis bagi menyiasat kebocoran berkenaan.

Sebuah laman web memuat naik kandungan penuh dokumen berkenaan siasatan terhadap bekas exco perumahan dan kerajaan tempatan, Datuk Abdul Latif Bandi.

Latif disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001, dalam skandal melibatkan penukaran status rumah Bumiputera kepada bukan Bumiputera melibatkan beberapa pemaju di Johor.

April lalu, Latif didakwa atas 33 pertuduhan bersuhabat bersama seorang juru runding hartanah melibatkan wang suapan RM30.3 juta.

SPRM sebelum ini menyita 45 akaun bank berjumlah RM15.5 juta, di samping merampas 26 kenderaan dan motosikal mewah serta dokumen.

Kementerian akui pembalakan hutan Merapoh langgar syarat

KUALA LUMPUR: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengakui kesemua aktiviti pembalakan dan pembangunan yang dijalankan di Hutan Merapoh, Lipis melanggar syarat dan mengarahkan ia dihentikan segera.

Menterinya Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata pihaknya akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang ingkar arahan tersebut.

"Kita telah kaji secara ringkas, banyak pihak yang terlibat dalam hal ini. Pembinaan dan pembalakan yang dijalankan tidak mematuhi undang-undang alam sekeliling 1974.

"Saya dah arahkan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) supaya keluar perintah berhenti kerja untuk semua aktiviti di hutan tersebut," katanya pada sidang media di bangunan Parlimen, 30 Nov lalu.

Wan Junaidi berkata kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) untuk kerja-kerja pembalakan dan pembangunan di hutan tersebut juga tidak dilaksana sebelum penorekaan dibuat.

"Saya nak satu kajian semula berhubung dengan hutan ini dijalankan dan saya akan berbincang dengan kerajaan negeri berhubung perkara ini.

"Walaupun kawasan yang nak dibangunkan ini merupakan tanah hak milik persendirian, tapi pemberian tanah itu diberikan dalam kawasan hutan simpan pada awal tahun 2000 dahulu iaitu sebelum kajian EIA dijalankan. Pembangunan dijalankan pada zaman ini, jadi semua pihak kena patuh arahan ini," kata Wan Junaidi.

Beliau berkata walaupun tanah, hutan dan air milik kerajaan negeri, semua pihak perlu akur dengan kajian JAS bagi mengelakkan sebarang bencana berlaku, lapor Bernama.

Slow leaner: Pemuda PH ragui permohonan maaf Ku Nan

PETALING JAYA: Pemuda Pakatan Harapan (PH) meragui permohonan maaf Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor kerana menganggapnya sekadar 'melepaskan diri' dan menyalahkan pihak lain.

Exco Pendidikan Pemuda PH Mohd Ashraf Mustaqim Badrul Munir berkata, Tengku Adnan menuding jari kepada pihak lain antaranya media dan parti pembangkang yang kononnya memutarbelitkan kenyataan beliau bahawa para pelajar ITM dan UiTM sebagai 'slow leaner'.

"Kenapa sampai tiga hari baru nak minta maaf... malah menyalahkan pula pihak lain. Mana keikhlasan beliau?" soalnya pada sidang media Pemuda PH di ibu pejabat PPBM, dekat sini, baru-baru ini.

Beliau turut mengingatkan bahawa Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan 'pendidikan percuma' atau biasiswa khususnya kepada anak Melayu dan Bumiputera.

"Jadi universiti seperti UiTM yang dipelopori orang Melayu dan Bumiputera seharusnya memberikan pendidikan percuma kepada pelajarannya tanpa mengenakan bayaran, sekaligus memastikan UiTM sentiasa di hadapan dari segi merit kemasukan," ujarnya mengulas ucapan Tengku Adnan yang menggesa pelajar UiTM berterima kasih kepada Umno dan BN.

Malah Pemuda PH, katanya mahu Tengku Adnan dan Umno bersyukur kerana pemimpin terdahulu lebih banyak membawa kesejahteraan kepada rakyat berbanding pentadbiran Najib.

Kubu Umno mulai pecah

Oleh AMNI JAGAT

TEBRAU: Setelah diterima baik masyarakat Fel-da, Pakatan Harapan (PH) terus mara menembusi kubu-kubu Umno di negeri ini; kali ini di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR).

Menurut Pengerusi Pusat Peduli Rakyat N41 Puteri Wangsa Suhaizan Kaiat, program Jelajah Keadilan Peduli Rakyat yang diadakan di PPR Desa Mutiara, Tebrau baru-baru ini mendapat sambutan ramai.

Suhaizan yang juga Naib Pengerusi AMANAH Johor berka-

ta, walaupun cuba dihalang sese-tengah pihak, orang ramai khususnya penduduk PPR Desa Mutiara berpusu-pusu hadir pada program yang menampilkan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamad Azmin Ali itu.

"Kehadiran cukup memberangsangkan walaupun selama ini kita ketahui PPR adalah kawasan kubu Umno," ujar beliau.

Khuatir dengan sambutan hangat penduduk, Umno cawangan dilapor menghalang Timbalan Presiden Keadilan itu daripada masuk ke kawasan PPR Desa Mutiara.

Ini menyebabkan lokasi program terpaksa diubah satu kilometer daripada PPR Desa Mutiara.

Malah bendera parti-parti Pakatan Harapan terutama Keadilan turut diturunkan dan dirampas pihak berkuasa tempatan.

Perubahan lokasi program pada saat akhir tidak menghalang penduduk untuk hadir apabila sebahagian besar mereka sanggup berjalan kaki ke tapak program daripada kawasan kediaman mereka.

Program Jelajah Keadilan itu bagaimanapun berjalan lancar dan turut dihadiri Presiden Persatuan Anak Penerka Kebangsaan (Anak) Mazlan Aliman dan para pemimpin Pakatan Harapan negeri.



Azmin berbual dengan Suhaizan dan Mazlan seusai program.



Walaupun dihalang, penduduk PPR Desa Mutiara hadir beramai-ramai dalam program Jelajah Keadilan.

Projek sekolah sukan terbengkalai bazirkan wang negara



Kuarters kediaman guru yang gagal disiapkan.



Pemimpin PH Perlis menunjukkan bangunan sekolah sukan yang terbengkalai.



Baridah Che Nayan

h di Tebrau



Para pemimpin PH bergambar ramai bersama penduduk.



Papan tanda projek yang ditumbuhi belukar.



Tiang bangunan yang ditinggal terbengkalai.



Syed Araniri



Poziyah Hamzah

Oleh MOHD ALI HASHIM

PADANG BESAR:

Ketika kerajaan BN terkial-kial menyediakan peruntukan untuk membina rumah mampu milik rakyat, projek-projek kerajaan yang terbengkalai dan membazirkan ratusan juta wang negara menimbulkan persoalan tentang kemampuan sebenar BN menguruskan perbendaharaan negara.

Di Perlis, salah satu projek terbengkalai yang menelan belanja ratusan juta ringgit adalah kompleks sekolah sukan di Bukit Chabang, dekat sini.

Bagi meninjau projek tersebut, Pakatan Harapan (PH) Perlis turun ke lokasi diketuai Ketua Sekretariat PH Perlis, Syed Araniri Al Idrus.

Hadir sama Pengarah Mobilisasi

PH negeri Leftenan Kol (B) Azhar Omar, Ketua Wanita AMANAH Perlis Che Mazlina Che Yob, Ketua Wanita Keadilan Perlis Poziyah Hamzah dan Ketua Srikandi PPBM negeri Baridah Che Nayan.

Projek yang menelan kos RM140 juta itu ternyata menjadi satu lagi projek 'gajah putih' tinggalan BN yang merugikan negara.

Dalam tinjauan yang dibuat didapati masih ada pengawal keselamatan mengawal di pondok kawalan kayu yang usang manakala beberapa blok bangunan sekolah ditinggalkan separuh siap dan terbengkalai.

"Sepatutnya kerajaan negeri Perlis mendesak Kementerian Pelajaran supaya segera menyiapkan projek yang terbengkalai ini.

"Sekiranya sekolah sukan ini dapat disiapkan, ia memberi peluang

kepada pelajar tempatan untuk meningkatkan mutu sukan negara," kata Syed Araniri.

Che Mazlina ketika ditemui kesal kerana projek terbengkalai ini memberi imej buruk kepada negeri Perlis.

"Beberapa blok rumah kediaman guru terbengkalai begitu juga bangunan empat tingkat yang separuh siap tanpa bumbung.

"Besi cerucuk dan binaan separuh siap amat menyakitkan mata memandang serta perlu segera diberi perhatian pihak kerajaan," ujarnya.

Poziyah pula mendesak kerajaan agar segera menyiapkan projek ini sebelum membuat janji baru khususnya apabila menjelang pilihan raya umum (PRU).

"Pembinaan sekolah sukan ini penting kerana selain dapat mela-

hentikan atlet yang berbakat, ia dapat meningkatkan mutu sukan khususnya di kalangan pelajar di sebelah utara Semenanjung.

"Kegagalan projek ini pasti menjejaskan imej kerajaan BN pusat, Kementerian Pelajaran dan kerajaan negeri Perlis," jelasnya.

Baridah menggesa kerajaan negeri mengotakan janji untuk menyiapkan sekolah sukan tersebut dengan segera.

"Jika kerajaan tidak mampu untuk menyiapkan sekolah sukan ini, rakyat negeri Perlis harus menilai dengan bijak keupayaan sebenar kerajaan Umno-BN mentadbir.

"Jelas terpampang di hadapan mata, betapa BN gagal untuk menunaikan janji-janji pilihan raya mereka kerana projek ini diumumkan sebelum PRU lalu," tambahnya.



Che Mazlina Che Yob

Jho Low mewah atas keringat rakyat

Jurucakap Anak Muda Cari Jho Low (AMCJL), Faiz Fadzil berpendapat Low Taek Jho atau Jho Low yang mempunyai kaitan dengan salah laku jenayah skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) mengaut kekayaan atas keringat rakyat.

Menurutnya, Jho Low yang mengawal syarikat-syarikat palsu dengan menyeleweng wang 1MDB hampir AS\$4.5 bilion dikenal pasti sebagai arkitek dalam rompakian terbesar abad ini.

"Jho Low dibiarkan bebas dan menikmati kehidupan mewah atas keringat rakyat. Nama Jho Low juga disebut dalam Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) tahun 2016.

"Ini menunjukkan bahawa Jho Low adalah penjenayah yang paling dikehendaki bagi menyingskap tabir rahsia skandal 1MDB yang diterajui Perdana Menteri Datuk Sri Najib Razak," tegasnya.

Bagaimanapun, jelasnya, institusi penguatkuasaan undang-undang seperti pihak polis, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Peguam Negara gagal bertindak bagi menegakkan keluhuran undang-undang.



Faiz berkata, perbuatan jenayah mencuri wang rakyat melalui 1MDB itu semakin menjerut rakyat dengan kenaikan harga barang dan kos sara hidup akibat kemerosotan nilai ringgit.

"Bagi menyelesaikan bebanan hutang 1MDB, kerajaan terpaksa pula berhutang dengan kerajaan China yang akhirnya hutang ini ditanggung rakyat yang tidak berdosa.

"Rungutan rakyat hari ini melangkaui usia, kaum dan karier termasuk para artis yang begitu terkesan dengan salah tadbir urus kerajaan," ujar Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional itu.

Beliau berkata, skandal 1MDB yang bukan lagi rahsia dapat disembunyikan penguasa di Putrajaya itu mencalar imej baik negara ini ekoran kenyataan Peguam Negara Amerika Syarikat (AS), Jeff Sessions di ibu pejabat Bank Dunia, Washington pada 5 Disember lalu bahawa 1MDB

adalah kleptokrasi terburuk di dunia.

Tahun lalu, analisis penulis Johannan Sim berdasarkan beberapa sumber seperti laporan dalam The Wall Street Journal dan Forbes mendapati Jho Low menghabiskan sekurang-kurangnya AS\$1,011,734,281 iaitu bersamaan RM4,106,578,860.

Menurutnya, sebahagian besar angka yang

menyumbang kepada jumlah keseluruhan itu berpandukan dokumen tuntutan mahkamah oleh Jabatan Kehakiman Negara (DOJ) AS.

Dalam kiraannya itu, Sim membahagikan perbelanjaan Jho Low kepada tujuh kategori iaitu pelaburan sebanyak (A\$ 334,751,856), servis dan barangan mewah (A\$ 321,368,000) serta hartanah (A\$ 169,610,000).

Perbelanjaan selanjutnya berkaitan eksploitasi derma (philanthropical exploits) sebanyak AS\$ 101,000,000; kenderaan mewah (A\$ 43,354,335) diikuti perjudian (A\$ 26,550,090) dan hadiah sehingga AS\$15,100,000.

Menurut Sim, perbelanjaan Jho Low lebih RM4.1 bilion itu bersamaan dengan nilai dua pertiga peruntukan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) iaitu berjumlah RM5.9 bilion pada 2016.

Mengakui bukannya mudah untuk mengira jumlah besar wang yang dibelanjakan Jho Low, beliau dalam artikel bertajuk, "How much money has Jho Low spent since 2009? We try to calculate" berkata, sumber dari DOJ yang diumumkan dianggap paling diyakini.

Jangan kaum dibodoh-bodohkan

Oleh **ARIF ATAN**

Bodoh punya Melayu!". Itu antara ungkapan yang jelas kedengaran dalam satu rakaman video sekumpulan lelaki India membelasah peragut Melayu yang sudah diikat.

Video berdurasi hampir dua minit yang dimuatkan dalam laman Facebook kumpulan *We Are Malaysian Indians* pada 4 Disember tahun lalu muncul kembali selepas genap setahun.

Tular dengan deretan komentar majoritinya kaum India dan Melayu, perbalahan melibatkan kaum pula muncul. Puncanya ungkapan yang membodohkan Melayu itu.

Jika ayat "Bodoh punya orang! mungkin tidak menimbulkan isu. Namun, ungkapan membodohkan Melayu beserta caci maki kaum terhadap peragut yang berwajah Melayu itu ketara lahir daripada minda rasis tanpa sedar.

Tidak membela penjahat tetapi jahatlah mulut dan jiwa jika nama kaum pula dibodoh-hinakan. Cuba jika yang meragut itu adalah lelaki India dan kumpulan Melayu yang menangkap dan membelasahnya menyebut, "Bodoh punya India"? Sudah tentu rata-rata kaum India berang dan mengangap itu sebagai rasis.

Peragut datang dari semua kaum bahkan di negara maju juga ada peragut dan penjahat. Kalau di Amerika contohnya, adakah wajar kumpulan orang kulit putih memaki, "Bodoh punya orang kulit hitam" terhadap si peragut?

Kejahatan merampas hak orang lain hadir dalam banyak bentuk daripada meragut sehingga modus operandi kompleks seperti rompakian sindiket secara atas talian serta menyamun saku rakyat melalui polisi cukai tidak adil.

Jadi, apabila berdepan kes ragut di jalanan, janganlah kaum pula dibodoh-bodohkan. Dalam situasi hubungan kaum di negara ini masih rapuh dan hanya ketara 'bersatu' apabila tiba bab makan sahaja, pentadbir mana-mana kumpulan media sosial harus lebih bertanggungjawab.

Laman kumpulan Facebook yang berorientasi-

kan kaum wajar menyuburkan kasih sayang dan keadilan sosial dengan mengajak kaum itu sendiri saling bermuafakat ke arah kebaikan termasuk memajukan sosio-ekonomi serta pada masa sama menjalin hubungan harmoni dengan kaum lain.

Dalam konteks lebih jauh, insiden jenayah ikan bilis seperti ragut tetapi besar impaknya kepada mangsa sehingga boleh meragut nyawa, menuntut kita semua untuk menyusuri punca bagi mengelak daripada terus berulang.

Keciciran dalam pendidikan, pengangguran dan ketagihan dadah perlu ditangani bersama. Segala faktor sosio-ekonomi ini saling berkait dalam menyumbang kepada kadar jenayah jalanan.

Serentak itu juga, radar jenayah kolar putih yang melibatkan sindiket dan rangkaian teknologi maklumat juga perlu diawasi. Semua kaum ada terlibat "meragut" dalam apa yang dipanggil skim penipuan pelaburan atau pengubahan wang haram.

Tidak berjeans lusuh dan berkemeja-T dibeli secara bundle seperti peragut jalanan, modus operandi ragut hasil kerjasama antara elit kuasawan dan niagawan tamak inilah yang perlu membuka mata seluruh rakyat berbilang kaum.

Kes terbesar yang diasiat membabitkan sitaan aset alih mencecah RM157 juta daripada 92 akaun beserta tiga kenderaan mewah dan pembekuan aset alih dalam institusi kewangan bernilai RM195.7 juta daripada 98 akaun tentulah dilakukan individu yang bukan calang-calang.

Segala angka hasil menumpaskan aktiviti dan jenayah pengubahan wang haram oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bagi tahun 2017 itu pasti dilakukan oleh orang yang berkot dan bertali leher berpendidikan tinggi termasuk tidak terkecuali pegawai kanan kerajaan.

Hal inilah yang perlu disepak terajang oleh rakyat di peti undi nanti agar tidak hanya diperbodohkan dengan tularnya video seperti membelasah peragut sambil memaki Melayu itu.

Cari sumbangan pakat bantu



Hazmi meninjau sebuah keluarga daif yang tidak memperoleh bekalan air bersih dan elektrik walaupun tinggal di tengah-tengah Kota Bharu.

KETUA Pemuda AMANAH Kelantan, Hazmi Kelantan menyeru supaya semua pihak bersikap lebih peduli dengan mencari ikhtiar dalam membantu meringankan kesusahan keluarga miskin di negeri itu.

Menurutnya, reaksi emosional serta pertimbangan bantuan yang cenderung kepada penyokong Pas sahaja tidak harus berlaku.

Beliau berkata demikian ketika mengulas situasi sebuah keluarga daif dikenali sebagai Kalsum di Kampung Sungai Keladi, Kota Bharu yang selama 36 tahun tidak menikmati bekalan air bersih dan elektrik.

"Saya tidak mahu nak salahkan sesiapa dan saya puji semua yang membantu. Cuma saya pelik ada yang marah bila berita kesusahan keluarga ini tercetus.

"Ada yang marah saja tanpa bawa langsung barang-barang bantuan. Tak usah marahlah. Kamu cari saja sumbangan dan pakat-pakat bantu sikit seorang. InsyaAllah kalau pakat bantu, ringan sikit nasib keluarga ini," ujarnya.

Terdahulu, Hazmi mengucapkan penghargaan kepada ahli kumpulan Facebook IRDK terutama Sufian Muhammad dan Rosman Awang Halim yang mula-mula mendedahkan keadaan keluarga berkenaan.

Mengulas lanjut, beliau turut hairan apabila ada wakil Pas yang datang ke kediaman kelu-

arga itu untuk mengambil maklumat tetapi kemudiannya tiada perkembangan susulan.

"Paling pelik, ada wakil Pas mari nak ambil maklumat. Tengok bendera BN buat tutup lubang rumah, dia tanya selalukah undi dia (BN)? Lepas balik, sampai ke hari ini tiada khabar," katanya.

Walhal, jelasnya, undi keluarga itu adalah rahsia serta menerima sebarang bantuan daripada mana-mana pihak yang membantu.

"Bukan bendera BN saja ada, kain sepanduk Pas pun ada buat hadang dinding rumah," katanya dipetik daripada status Facebook beliau baru-baru ini.

Sehubungan itu, beliau berharap kerajaan Islam Kelantan dapat membantu keluarga terbabit yang masih mempunyai tiga anak kecil dengan salah seorang daripada mereka bakal melangkah ke Darjah 1 dan dua lagi berumur bawah 4 tahun.

Dalam perkembangan berkaitan, Hazmi memaklumkan Pemuda AMANAH Kelantan telah menyampaikan bantuan bekalan makanan dan wang tunai hasil sumbangan orang ramai yang prihatin.

"Mereka masih memerlukan simpati anda untuk membina tandas yang baru dan keperluan sekolah adik Nur Irdini Shakila yang bakal tiba tidak lama lagi," tambahnya lagi.

SEKITAR FORUM UM4 & UMS2 ANJURAN DEMOKRAT UM

Mahasiswa sampai bila rela dibuli?

Memperkatakan tentang tindakan mahkamah universiti sebelum ini mengheret mahasiswanya atas alasan antaranya menjatuhkan nama baik universiti, Anis Syafiqah Md Yusof mempersoal sejauh mana golongan penuntut sendiri bangkit daripada terus dibuli.

Penuntut Universiti Malaya (UM) yang pernah dikenakan tindakan tatatertib selepas penglibatannya sebagai jurucakap dalam demonstrasi #TangkapMO1 itu berkata, mahasiswa dibuli pihak pentadbiran kerana diketahui lemah.

"Pihak universiti membuli pelajar sebab mereka ada kuasa seolah-olah melihat pelajar ini lemah tidak boleh berbuat apa-apa," ujarnya dalam Forum UM4 & UMS2 di ibu negara baru-baru ini.

Protes aman #TangkapMO1 yang diadakan 27 Ogos 2016 itu adalah usaha memberi tekanan kepada pihak berkuasa untuk menyiasat 'Malaysian Official 1' yang disebut dalam saman sivil Jabatan



Anis Syafiqah serta aktivis universiti dalam himpunan #TangkapMO1 di Kuala Lumpur, Ogos tahun lalu.

Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat ekoran skandal mega 1Malaysia Development

Berhad (1MDB).

Bagaimanapun, Anis menyifatkan mahasiswa tidak menyedari hak dan kebebasan mereka dibuli lantaran terperangkap dalam situasi yang bersifat menyerah.

Sehubungan itu, ujarnya, tiada orang lain melainkan mahasiswa sendiri bangkit menentang pembulian yang dikenakan ke atas mereka.

"Di mana rakan mahasiswa lain di saat kawan-kawannya dikenakan tindakan tatatertib? Kita tidak sedar kita dibuli.

"Kita masih selesa rasa hal itu (dibuli) biasa dilakukan pihak universiti. Kita seolah-olah rela selama-lamanya dibuli. Sampai bila kita terus rela dibuli oleh penindas?"

"Kalau bukan kita siapa lagi yang akan



meneruskan?" soalnya lagi dalam forum anjuran Demokrat UM itu.

Mencipta

Dalam program sama, seorang lagi aktivis mahasiswa UM,

Suhail Wan Azahar (**gambar**) berpendapat golongan mahasiswa sebenarnya berdepan dengan sistem menindas oleh rejim yang bersestematik.

"Kita berlawan dengan sistem yang besar. Kita tiada sistem. Mereka akan cop (mahasiswa) salah, salah dan salah.

"Kalau kita betul-betul mahu melawan, mahasiswa kena buat sistem," katanya di Hub TFTN berdekatan LRT Kerinchi itu.

Beliau memberitahu, persepsi negatif mengenai mahasiswa yang melawan sudah ditanam kepada pelajar baharu sejak minggu orientasi di kampusnya yang dikenali sebagai Minggu Haluan Siswa.

Sehubungan itu, Suhail menyeru supaya sejarah gerakan mahasiswa terus sentiasa diuar-uarkan serta pada masa sama mencipta gerakan baharu menerusi pelbagai platform.

"Kita sudah ada sejarah gerakan mahasiswa lalu tetapi kita tidak tonjolkan semula. Hatta sekecil mana pun aksi kita, teater yang ada elemen perlawanan, teknologi, sastera kita gagal mengisi dan mencipta sejarah. Banyak benda lagi kita tidak mencipta," katanya lagi.



Mahasiswa seluruh negara memuat naik foto di media sosial tanda solidariti menuntut keadilan buat UMS2.



"Saya tidak pernah mengalah"

TERUS memacu aksi walaupun kerap dikenakan tindakan oleh pihak pentadbiran, bekas aktivis mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS), Mukmin Nantang berkata, gerakan penuntut di kampusnya semakin berkembang.

"Saya banyak kali ditekan di UMS tetapi tidak pernah mengalah. Semakin ditekan pentadbiran universiti, semakin banyak kita buktikan.

"Walaupun saya keluar (bergraduan), gerakan pelajar semakin berkembang. Solidariti kawan-kawan saling berhubung.

"Kami serius ada kumpulan fakta, saraf dan propaganda serta media. Semua kami susun. Ramai orang di belakang gerakan mahasiswa UMS berbanding sebelum ini," ujarnya dalam Forum UM4 & UMS2 di Kuala Lumpur pada 4 Disember lalu.

Singkatan UM4 merujuk pada tindakan tatatertib oleh Universiti Malaya (UM) terhadap empat aktivis mahasiswanya yang terlibat dalam protes #TangkapMO1 tahun lalu manakala UMS2 berkaitan tindakan disiplin Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) ke atas dua penuntutnya kerana menyertai himpunan Bersih 5 di Kota Kinabalu.

Mukmin sendiri yang juga graduan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan itu adalah salah seorang daripada UMS2 selain Aqilah Zainuzi.

Sementara itu, Koordinator Demokrat UM, Daniel Mizan Qayyum dalam forum sama

masih berkeyakinan undang-undang masih berperanan melindungi mahasiswa walaupun



Mukmin dan Aqilah mencipta fenomena baharu dalam gerakan kampus di UMS.

undang-undang juga mengheret mereka ke prosiding tatatertib universiti.

"Dalam perspektif undang-undang, kita ada AUKU (Akta Universiti dan Kolej Universiti) yang amat menekan mahasiswa

tetapi bila kena caranya (undang-undang) kita akan dapat hasilnya.

"Kes UKM4 contohnya, undang-undang untuk menekan mahasiswa adalah alat yang sama untuk membebaskan mahasiswa. Walaupun kita mempunyai sistem undang-undang yang amat menekan tetapi akhirnya undang-undang juga membebaskan mahasiswa," ujarnya.

Untuk rekod, kes UKM4 merujuk kepada empat bekas pemimpin mahasiswa Kelab Sains Politik UKM yang dikenakan tindakan tatatertib universiti kerana berada di Parlimen Hulu Selangor ketika berlangsungnya pilihan raya kecil pada 2010.

Walaupun bagaimanapun, keputusan hakim kemudiannya menetapkan Seksyen 15(5)(a) AUKU mencengkam kebebasan bersuara penuntut universiti dan tidak membantu untuk melahirkan golongan berfikir kritikal yang boleh membantu pamban-

gunaan negara.

Mengulas lanjut, Daniel yang juga penuntut jurusan undang-undang di UM itu berkata, keputusan mahkamah ketika kes UM4 tersebut telah berpihak kepada hujah bahawa mahasiswa sepatutnya dibenarkan untuk menyertai parti politik walaupun AUKU ketika itu melarang penglibatan pelajar dalam sebarang aktiviti parti politik.

"Begitu juga dalam Kaedah Tatatertib UM ada undang-undang yang tidak masuk akal. Sebagai contoh, mahasiswa tidak boleh berkerja, berdagang atau apa-apa cara sama ada sepenuh atau separuh masa tanpa mendapat kebenaran Naib Canselor," dedahnya.

Sehubungan itu, tegas Daniel lagi, pindaan AUKU yang kemudiannya membolehkan mahasiswa menyertai parti politik adalah hasil perjuangan gerakan mahasiswa sebelum ini.



Daniel Mizan Qayyum

Nilai, hukum dalam hidup umat Islam

DALAM salah satu diskusi buku "Mencari Kewajaran Islam di Malaysia" yang dibuat dalam satu kumpulan kecil hanya enam orang sahaja di Kuala Lumpur baru-baru ini, kami seperti sepakat berpendapat bahawa umat Islam hari ini telah meninggalkan jauh akan nilai-nilai unggul yang dikehendaki Islam, dan sebaliknya mengambil nilai-nilai hidup yang bukan diwarisi dari Rasulullah s.a.w, menyebabkan kita berada dalam keadaan serba ketinggalan hari ini.

Ada banyak contoh yang diberikan dalam buku "Mencari Kewajaran Islam..." itu. Misal mudahnya amalan berpuasa di bulan Ramadhan. Seluruh suasana dan mood Ramadan itu kelihatan sangat ketara bahawa kita tidak menjalani ibadat puasa seperti yang diwarisi dari Rasulullah s.a.w.

Media-media sebaran berita hampir semuanya berlumba-lumba menonjolkan (seperti berkempen) untuk menghidupkan suasana dan mood yang tidak Islamik itu. Apa dia? Bazar yang menawarkan juadah berbuka tumbuh di merata tempat, menjadikan negara ini seperti berada dalam suasana dan mood suatu Pesta Makanan yang terbesar di dunia.

Memang kita boleh mengatakan bahawa itu tidak semestinya diikuti oleh semua orang Islam. Kalau kita tak suka kita tak perlulah pergi ke situ dan tak perlulah terlibat dengan gejala yang dikatakan tidak Islamik itu. Kita duduk saja-lah di rumah dan berbukalah dengan sedikit makanan seperti yang diwarisi dari Rasulullah s.a.w itu.

Tetapi bukan itu yang dimaksudkan. Yang dimaksudkan ialah suasana dan mood yang telah dibina selama sebulan dan di serata tempat di seluruh negara. Itu besar kesannya kepada amalan puasa

Ramadan. Kenapa kita membina suasana dan mood yang menyeleweng dari tuntutan Islam? Kesannya terhadap roh amalan dan nilai-nilai hidup Islam itu sangat besar.

Kita berpuasa untuk apa? Kenapa Islam mewajibkan kita berpuasa? Apakah untuk berpesta di waktu berbuka? Tidak. Kita dikehendaki berlapar. Kenapa kita dikehendaki berlapar? Untuk kita mengingat orang-orang yang hidup mereka tidak cukup makan. Dan antara orang yang hidup tidak cukup makan itu ialah Rasulullah s.a.w sendiri, bersama para sahabat di zamannya.

Dan hidup tidak cukup makan Rasulullah s.a.w bersama para sahabat di zamannya itu bukan kerana mereka miskin papa kedana tak mampu berusaha memperbaiki ekonomi diri mereka. Bukan. Sebaliknya mereka mampu sangat kalaulah itu nilai-nilai hidup yang hendak dibangunkan oleh Islam.

Islam menuntut prioriti yang lain. Bukan hidup untuk bermakan-minum sesedapnya semewahnya seperti yang menjadi prioriti hidup kita hari ini, dan yang diasuh dan diajarkan kepada anak-anak kita hari ini.

Nah, cuba lihat! Dari asas amalan berpuasa itu kita masuk kepada satu lagi perkara asas yang lain dalam nilai hidup Islam. Dengan mengabaikan dan meremehkan nilai dalam amalan berpuasa Ramadhan itu, ia mengakibatkan kita mengabaikan dan meremehkan beberapa lagi nilai-nilai unggul kehidupan yang dituntut oleh Islam.

Dalam konteks ini kita bercakap mengenai nilai, bukan mengenai hukum. Kita terlalu menekan dan memfokus kepada masalah hukum sehingga kita melupakan kepentingan nilai, mengakibatkan kita tertinggal jauh di belakang dalam kehidupan umat manusia seluruhnya

hari ini. Maka apabila kita bercakap mengenai hukum Hudud misalnya, nilai hidup yang berkaitan dengan hukum Hudud itu kelihatannya sangat mundur dan ketinggalan.

Di sinilah pentingnya kita memberi perhatian kepada nilai. Balik kepada amalan berpuasa tadi. Nilainya ialah mengingat dan menghayati kehidupan orang-orang yang hidup mereka tidak cukup makan. Apabila mengingati itu, secara sungguh-sungguh, secara menghayati, kita akan bertemu pula dengan soal pembaziran, misalnya.

Betapa hari ini pembaziran sudah menjadi amalan kebanyakan orang Islam yang kaya/berada di seluruh dunia, utamanya di negara-negara Arab. Sedangkan Islam dengan jelas mengatakan bahawa membazir itu adalah amalan syaitan. Islam melarang pembaziran, hindarkan dalam mengambil wudhuk pun kita diingatkan supaya jangan membazir air, dalam menggunakannya mengambil wudhuk itu.

Bazar Ramadhan secara tidak langsung mengajar kita membazir dalam berbuka. Demikian juga amalan berbuka di hotel-hotel. Ini semua kebanyakan kita memandang remeh dan tidak penting. Sebenarnya ia membawa bersamanya nilai hidup yang penting dalam ajaran/fahaman Islam.

Demikian juga dengan amalan berkorban yang disentuh dalam buku "Mencari Kewajaran Islam..." itu. Apa sebenarnya nilai di sebalik kita mengorbankan ribuan ekor lembu pada setiap Hari Raya Haji (Eidul-adha)? Kita abaikan semua itu, sebaliknya kita berusaha mendapatkan bilangan lembu yang banyak bagi setiap masjid, untuk kita bangga-banggakan.

Ia juga menjadi bahan politik dalam kalangan pimpinan politik, hingga menggunakan wang rakyat untuk membeli



lembu korban dan hadiahkannya kepada masjid-masjid dan surau-surau.

Semua itu sudah lari daripada nilai-nilai unggul yang sepatutnya dihayati dalam ibadah tersebut. Apa nilai unggul dalam ibadah korban? Fikirkanlah! Tulisan ini sekadar menyebutnya sebagai contoh sahaja (yang dibincangkan dalam buku berkenaan).

Satu contoh lagi yang dibincangkan dalam diskusi kumpulan enam orang itu ialah mengenai riba dan bagaimana bank-bank mencengkam hidup manusia hari ini. Satu lagi nilai penting yang telah ketinggalan jauh, akibat kita mengabaikan disebabkan dominasi nilai tamadun Barat dalam kehidupan hari ini.

Islam membawa nilai ekonomi yang jauh berbeza dengan apa yang kita amalkan hari ini. Memikirkan riba hendaklah di dalam konteks nilai-nilai yang berkaitan dengan fahaman ekonomi Islam. Hari ini kita tak dapat fikirkan bagaimana boleh berlakunya kegiatan perniagaan kalau tidak ada bank dan tidak ada riba. Kenapa kita mengabaikan larangan keras Allah terhadap riba?

Demikianlah beberapa contoh yang dibincangkan dalam sesi diskusi buku kumpulan kecil anjuran TFTN di Kuala Lumpur. Saya harap diskusi dengan kelompok penulis di Balai Kartun Rossem di Kota Bharu 9 Disember ini akan menimbulkan perkara-perkara yang tidak kurang menariknya. Begitu juga dengan diskusi yang akan berlangsung di Universiti Sultan Azlan Shah di Kuala Kangsar pada 11 Disember. Insya Allah.

Tanggungjawab penyokong dalam pilihan raya

Oleh **ABU FIRDAUS**

HUBUNGAN seseorang pada parti politik ada dalam pelbagai bentuk. Daripada pemimpin, ahli, aktivis, penyokong dan simpatisan. Pemimpin itu bermaksud sesiapa yang memegang jawatan parti, tidak kira peringkat apa, sama ada di atas, mahupun di peringkat bawah, jawatan kuasa atau biro. Semua yang memegang jawatan adalah pemimpin di peringkat masing-masing.

Ahli pula bermaksud sesiapa yang menjadi ahli berdaftar parti. Semua pemimpin parti tentunya merupakan ahli. Tetapi tidak semua ahli merupakan pemimpin. Maka dalam kalangan ahli ada yang cergas melibatkan dalam program parti. Mereka dipanggil sebagai aktivis. Tetapi tidak semua aktivis adalah ahli. Atas sebab tertentu, mungkin

sebab kekangan kerjaya, keahlian kepada sesebuah parti, terutama parti pembangkang adalah terhad. Tetapi mereka yang komited, khususnya para idealis, mungkin mereka berminat untuk aktif. Antara mereka adalah sukarelawan. Ada yang memperoleh bayaran sagu hati. Segolongan kecil memperoleh gaji. Tetapi semua orang golongan ini adalah aktivis.

Bagaimanapun, bilangan golongan pemimpin, ahli dan aktivis ini adalah kecil. Iaitu apabila dibandingkan dengan penyokong dan simpatisan.

Penyokong parti adalah mereka yang bukan pemimpin, ahli atau aktivis parti. Tetapi mereka jelas menyokong parti, sama ada menyokong pemimpin, perlembagaan, fahaman atau manifesto, tetapi mereka adalah menyokong parti, baik dari segi mengundi parti serta sekutu-sekutu-

nya, atau dalam tindakannya dengan menyrtai program parti seperti menghadiri ceramah, ataupun dalam percakapannya, sama ada bercakap di kedai teh tarik atau berbual bual dengan kawan, pendiriannya adalah jelas merupakan penyokong. Begitu juga, minda mereka menurut cara fikir parti yang disokongnya itu.

Simpatisan pula bermaksud seseorang yang bersimpati terhadap sesebuah parti. Apa beza antara penyokong dan simpatisan? Perbezaan terletak dengan makna menyokong dan bersimpati. Perasaan simpati tidak sampai pada peringkat menyokong. Bersimpati adalah di peringkat hati, belum berubah menjadi tindakan, termasuk mengundi atau menghadiri ceramah parti berkenaan. Ia juga tidak sampai kepada bercakap atau berbuat sesuatu meperlihatkan sokon-

gannya.

Jadi dalam struktur parti, menurut bilangan, ia berbentuk piramid. Di atas sekali ialah pemimpin, kemudian diikuti dengan aktivis, kemudian ahli, disusuli penyokong dan didasari oleh simpatisan. Maka paling ramai ialah simpatisan, diikuti dengan penyokong, kemudian ahli, aktivis, akhir sekali iaitu golongan paling kecil ialah pemimpin.

Tetapi bilangan pengundi yang hendak menentukan kejayaan sesebuah parti itu adalah jauh lebih ramai.

Bilangan pengundi yang akan menentukan kemenangan sesebuah parti adalah lebih ramai daripada peimimpin, ahli, aktivis, penyokong dan simpatisan. Pemimpin parti serta ahli, aktivis dan penyokong tentunya mengundi parti berkenaan. Tetapi tidak semua simpatisan mengundi parti itu. Sementara yang

memberi undi datangnya dari pelbagai lapisan masyarakat. Malah mereka bukan terdiri daripada penyokong atau simpatisan. Terdapat pelbagai faktor dan motivasi yang mendorong seseorang memberi undi. Para pemimpin, ahli, aktivis dan penyokong memberi sumbangan untuk mempengaruhi para pengundi memberi undi kepada parti yang didokong. Inilah cabaran yang dipikulnya.

Begitu juga dengan Parti Amanah Negara. Kita juga mempunyai pemimpin, ahli, aktivis, penyokong, simpatisan dan pengundinya. Pemimpin, ahli, aktivis dan penyokong mempunyai tanggungjawab, walaupun simpatisan dan pengundi tidak mempunyai tanggungjawab pada parti.

Peringkat komitmen seseorang terhadap partinya tidak serupa. Ia berbeza-beza dengan melibatkan psikologi seseorang.

Kiri, kanan bertembung semula

ADA gelombang baru yang sedang bergerak dalam lapangan politik dunia hari ini; baik di barat mahupun timur. Untuk beberapa dekad, dunia selesa dengan politik yang samar-samar; kiri tidak kanan pun tidak. Setelah robohnya Tembok Berlin, setelah tamatnya Perang Dingin, setelah pecahnya Kesatuan Soviet, dunia seakan trauma dengan kecenderungan politik yang terlalu jelas. Untuk satu tempoh, paksi-paksi politik selesa menerima 'kiri tengah' atau pun 'kanan tengah' sebagai pilihan.

Pilihan sebegini selamat, tidak mengancam ketetapan lama dan mengekalkan garis sosio-ekonomi dunia salaam ini iaitu yang terlahir dari kapitalisma. Beberapa langkah liberalisasi masyarakat dapat disaksikan bergerak, memecahkan tembok-tembok sempit yang selama ini mengongkong masyarakat. Namun dari segi ekonomi - tidak banyak yang berubah. Masyarakat mungkin lebih terbuka dari segi budaya dan sosial, namun ekonominya kekal sempit dan pragmatik. Ruang yang sebegini memberi peluang kepada kapitalisma untuk terus berkembang.

Dalam tempoh ini, ekonomi dunia menjadi padang permainan yang hampir sama; semua akhirnya berkiblatkan semula ekonomi kapitalis. Tiada lagi kuasa besar yang menekankan bentuk politik dan ekonomi lain selain ekonomi pemodal. China dan Rusia; dua tonggak kepada politik komunisma dari dunia lama juga melibatkan diri dalam kapitalisma, bersaing untuk menjadi lebih besar daripada Amerika Syarikat. Untuk beberapa dekad, politik dunia hanyalah tentang siapa yang berjaya menjadi pemodal yang lebih besar.

Dalam ruang yang pragmatik ini, kita jangkakan bahawa politik alternatif; politik melawan, yang tidak berpaksikan kepentingan ekonomi pemodal ini tiada lagi harapan untuk muncul semula sebagaimana dekad 60-an dan 70-an dahulu.

Semua orang kini adalah agen kepada kaum pemodal, termasuk yang mengakudirinya sebagai kiri. Setiap analisa dan gerak atur politik adalah untuk mengembangkan ekonomi anutan dunia hari ini. Ternyata perkara ini tidak kekal lama. Hari ini, gerakan politik dengan garis kiri (dan kanan) yang lebih jelas mulai muncul dan mengasak kembali.

Kapitalisma tidak pernah ditakdirkan adil untuk semua orang. Kapitalisma juga tidak pernah ditakdirkan mampu untuk kekal lama. Ia seakan-akan buih yang terus membesar; akhirnya pasti akan meletus dan terburai. Penganut kapitalisma, iaitu kaum pemodal dan agen-agensya beriman dengan sifat haloba, tamak, greed. Ini adalah rukun utama kapitalisma. Matlamatnya hanya keuntungan semaksimal mungkin. Apabila ketamakan menjadi rukun kepada kapitalisma, tidak mungkin kekayaan diagihkan sama rata kepada setiap manusia. Akhirnya kapitalisma yang berorientasikan kekayaan ini sendiri yang melahirkan kemiskinan.

Apabila kemiskinan semakin menjarak dek perkembangan kapitalisma, maka mahu tidak mahu akan muncul ketidakpuasan hati. Ketidakpuasan hati inilah yang melahirkan perlawanan dan penentangan. Penentangan ini apabila disusun sebaik mungkin, melahirkan ancaman kepada ekonomi kapitalisma. Sebab yang demikianlah, dalam apa jua keadaan pun, kaum pemodal ini melalui kerajaan tajaan mereka akan sentiasa mencari jalan untuk melihat golongan di bawah terus berpecah belah dan tidak menyusun diri masing-masing. Dengan tujuan memecah



belahkan masyarakat ini, lahirnya rasisma, fasisma, dan konservatisme.

Apabila kemelut makin parah, pasti akan lahir penentangan. Penentangan dan perlawanan ini pula acap kali lahir dari golongan yang lebih muda, seperti pelajar dan pekerja bawahan yang paling teruk terjejas dek ekonomi kapitalis. Apabila kesedaran menghambat mereka, mereka memberontak. Pemberontakan ke atas kapitalisma yang lahir daripada kaum berhaluan kanan ini akan secara sendirinya melahirkan gerakan kiri. Hanya sebuah gerakan kiri dapat melawan golongan kanan.

Sejak krisis ekonomi besar pada 2008 melanda Amerika Syarikat, ibu pejabat bagi kapitalis dunia, gerakan kiri mula mendapat kekuatan baharu untuk bangkit semula. Siapa sangka tiga tahun setelah krisis tersebut meranapkan ekonomi terutama rakyat bawahan Amerika Syarikat, Wall Street dipenuhi dengan anak muda yang membawa sepanduk bertatahkan bait-bait dari karangan Karl Marx. Amerika Syarikat yang menjadi pusat buat operasi kapitalis seluruh dunia turut mulai menjadi pusat bagi gerakan anti kapitalisma lahir dengan lebih tersusun. Biarpun mungkin gerakan Occupy tersebut akhirnya juga surut dan tidak pun menamatkan penguasaan kapitalisma, ia membingkai-kan imaginasi baharu buat perlawanan-perlawanan yang muncul kemudiannya.

Di saat gerakan dan wacana golongan kiri ini mulai berkembang semula, golongan berhaluan kanan tidak ketinggalan untuk ikut serta. Kurang sedekad selepas Wall Street ditawan, golongan kanan yang menjadi agen kapitalisma mulai menunjukkan taring kejarnya semula. Ruang demokrasi Amerika Syarikat tidak menghalang fasisma untuk hidup semula. Sosok seperti Donald Trump mampu berkuasa kerana fasisma yang menular dalam kalangan masyarakat di sana.

Ironinya, fasisma ini juga terlahir dari kemelaratan dan kemiskinan yang melanda masyarakat massa. Seperti mana lahirnya Hitler, begitu jugalah lahirnya Donald Trump. Kegagalan analisa mengakibatkan masyarakat massa mengambil jalan mudah dengan menyalahkan 'yang lain' apabila kemiskinan menghimpit mereka; bukan menyalahkan kapitalisma.

Kemelut sebegini biarpun menyesak, tetap memberi nafas baru kepada gerakan kiri untuk muncul dengan lebih radikal dan relevan. Kemelut sebegini memberi ruang buat golongan muda mengaut pengalaman dan memposisikan diri mereka berhadapan krisis kiri kanan ini.

Alternatif politik, ekonomi kiri, penghapusan kelas, dan pelbagai jargon yang asing suatu masa dahulu mulai meniti semula di bibir golongan muda; menandakan munculnya harapan buat gelombang politik baru dunia.

Harapan-harapan baharu ini muncul tidak pun terasing dari realiti masyarakat. Inspirasi kepada golongan muda seluruh dunia yang menggerakkan gelombang baharu ini ironinya bukan semuanya dari golongan muda itu sendiri. Inspirasi ini lahir dalam sosok yang lebih tua. Di Amerika Syarikat ia muncul dalam bentuk orang tua bernama Bernie Sanders. Di United Kingdom ia muncul dalam bentuk Jeremy Corbyn. Sebelum mereka, dunia juga pernah terinspirasi oleh Jose Mujica, presiden Uruguay.

Gelombang ini bukan hanya di dunia barat sahaja. Gelombang ini sedang berlaku di seluruh dunia. Kita hari ini sedang menyambut zaman baru. Zaman yang membuka semula wacana politik alternatif dalam erti kata yang sebenar. Dunia yang sudah bosan dengan jalan tengah. Ini adalah zaman masyarakat mulai berani mengambil sikap. Ini adalah zaman masyarakat kembali kepada kiri dan kanan, hitam dan putih.

Johor berubah bukan angan-angan Mat Jenin

SUARA perubahan pemikiran rakyat di Johor sudah mulai berubah ke arah untuk membina diri mereka dari dibelenggu dengan kesusahan hidup di negara ini.

Apa yang pasti, kehadiran dari edisi ceramah yang diadakan oleh pihak pembangkang telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Ceramah adalah suatu indikator saya yang terakhir untuk melihat sejauh mana rakyat Johor ini benar-benar berubah.

Cuma apa yang saya ingin maklumkan adalah berkenaan dengan bagaimana perkara ini boleh berlaku dan apa yang membuatkan mereka berubah untuk mendekati golongan pembangkang. Selama ini Johor dilihat sebuah negeri yang pasif dari sudut perubahan apatah lagi menerima gelombang kebangkitan yang jitu dari peringkat nasional.

Perkara itu diakui oleh pemain-pemain politik terutamanya mereka yang bersama pembangkang sebelum ini.

Kembara Selatan
Amni Jagat



Justeru dari itu, Johor mengikut kiraan pemain politik pembangkang sebelum ini dilihat sebagai negeri terakhir untuk menjatuhkan BN.

Namun hari ini, harapan mula dinyalakan ke atas negeri yang dianggap pasif ini. Memang kita tidak nafikan sama ada kenyataan ini berbentuk realiti atau fantasi namun saya percaya ia mempunyai misteri yang perlu digali dan bagaimana perkara yang dikatakan fantasi ini boleh menjadi realiti.

Secara jujur saya sudah lama mengharap akan berlaku beberapa perubahan yang kuat di negeri yang saya diami ini sebagai suatu gerakan yang jitu untuk menegur kepimpinan yang seperti membiarkan rakyat di Johor ini tinggal

di dalam angan-angan negeri maju. Perubahan itu telah dinantikan sejak sekian lamanya dan ini mula menyala.

Ia bukan suatu angan-angan Mat Jenin atau sebaliknya malah ia adalah suatu usaha untuk mendapatkan sokongan serta membawa perubahan yang jitu ke arah pembentukan teori perubahan kerajaan akan mendatangkan hasil yang padu kepada rakyat.

Sememangnya kepercayaan kepada cakap-cakap politik ini pada diri saya adalah tipis untuk saya menilai sesuatu perubahan itu wujud atau pun tidak. Sememangnya lumrah perkara ini perlu dinilai dengan kita sendiri hadir ke lapangan sasaran untuk mendengar bisikan rakyat.

Dapatan awal saya sewaktu sebelum wujudnya Pakatan Harapan lagi. Siapa pun akan sedar dengan kelantangan Sultan Johor Sultan Ibrahim yang sebelum ini menunjukkan sikap terhadap kepimpinan nasional adalah suatu titik mula awal rakyat di Johor ini melakukan perubahan. Ini adalah sejarahnya dan

ia adalah sebuah hakikat yang tidak perlu disanggah.

Pada peringkat awalnya, apabila Sultan Johor telah banyak bertitah yang berlawanan dengan pihak pemerintah, telah diakui pemikiran rakyat Johor pada peringkat awalnya sudah mulai keliru. Pemerintah yang selama ini mereka sayangi mula dipertikaikan kredibilitinya oleh pihak istana.

Perkara ini telah membuahkan hasil yang positif kepada rakyat apabila Tengku Mahkota Johor Sultan Ismail telah membawa rakyat ke arah semangat penyatuan rakyat Johor dalam permainan bola sepak. Ini memperkuat lagi semangat rakyat Johor untuk mewujudkan sifat berdiri di atas kaki sendiri.

Sehingga pernah wujud suatu ketika dahulu berkenaan dengan cakap-cakap Johor mahu keluar dari Malaysia. Inilah semangat awal yang diterapkan oleh rakyat di negeri ini. Dan ianya sejarah awal pembentukan minda perubahan rakyat di negeri ini.

Fakta dan 'auta' anugerah Brandlaureate MB Perak

Oleh SALMAN SALEH

ANUGERAH Kepimpinan Ikon Jenama Negara BrandLaureate 2017 anjuran Yayasan Jenama Asia Pasifik, 28 Ogos lalu berlangsung di Hotel The Majestic Kuala Lumpur.

Dilaporkan anugerah BrandLaureate ini mengiktiraf pemimpin yang "dalam kelasnya tersendiri" dan mereka yang telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara serta masyarakat.

Dalam majlis itu, Menteri Besar Perak Datuk Seri Zambry Abd Kadir menerima anugerah.

Pada malam yang sama beliau memuat naik status di laman Facebook dan Twitter, mengucapkan terima kasih atas anugerah yang diberikan dan menghendahkan penerimaan anugerah tersebut kepada rakyat Perak.

Pada sidang media selepas Mesyuarat Mingguan Exco, 30 Ogos lalu, Dr Zambry menjelaskan tentang anugerah yang diterima dan menganggapnya pengiktirafan kepada pentadbiran dan pengurusan kerajaan negeri yang "baik dan mantap".

ANUGERAH BERBAYAR

Dr Zambry bagaimanapun tersentak apabila Pengerusi AMANAH Perak Haji Asmuni Awi pada sidang media 11 Okt lalu meminta penjelasan sama ada anugerah yang diterima MB Perak itu berbayar atau tidak?

Haji Asmuni memberi tempoh seminggu kepada Dr Zambry untuk memberikan penjelasan.

Selepas tempoh seminggu itu berakhir, akhbar Sinar Harian pada 18 Okt melaporkan telah menghubungi Haji Asmuni untuk mendapatkan komen. Dalam komen ringkasnya, Haji Asmuni bersedia mendedahkan bukti bagi mempertahankan pendedahannya sebelum ini.

Tanggal 24 Okt 2017, Haji Asmuni mengadakan sidang media dan menunjukkan satu salinan resit bayaran daripada Perbadanan Menteri Besar (MB Inc) Perak sebanyak RM381,113.86 kepada BrandLaureate.

Pada malam hari yang sama, BrandLaureate telah mengeluarkan kenyataan rasmi menolak dakwaan Haji Asmuni dan mendesak permohonan maaf.



ULAS ISU

Akhirnya pada program Pemukiman Menteri Besar di Daerah Manjung pada 25 Okt lalu sempena majlis prapelancongan 100 Tahun Beruas, Dr Zambry di sidang media di Padang Awam Pekan Beruas mengulas isu ini setelah hampir 15 hari mendiamkan diri.

Ketika ditanya media bahawa Haji Asmuni punyai bukti dalam bentuk resit pembayaran, Dr Zambry menjawab: "Program yang dianjurkan itu biasalah... Siapa nak beli meja tu, meja ni, merata..."

Beliau seterusnya berkata, "Biarlah BrandLaureate yang jawab, dia kata BrandLaureate dibayar..."

Tidak habis di situ sahaja, pada esoknya di Pulau Pangkor sekali lagi Dr Zambry mengulas isu yang sama.

LAPORAN SPRM

Pada sidang media Pakatan Harapan (PH) Perak, 28 Okt lalu diumumkan bahawa isu ini akan dilaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Haji Asmuni kemudian membuat laporan SPRM pada 1 Nov lalu dan menyerahkan bukti berkaitan. Beliau memberikan keterangan selama lebih kurang sejam 30 minit kepada pegawai penyiasat SPRM.

Dalam sidang media kemudiannya, beliau melontarkan dua perkara iaitu adakah wujud salah guna kuasa atau berlaku pelanggaran akta syarikat di dalam isu ini.

Tidak sampai sejam kemudian,

Dr Zambry dengan disertai Exco kerajaan negeri telah mengadakan sidang media selepas mesyuarat mingguan Exco dan berkata, "Tidak cukup dengan tuduhan fitnah... dia kata saya bayar..."

Semasa mengendalikan kes saman malu Datuk Seri Nizar terhadap Pesuruhjaya Pas Perak Razman Zakaria pada 10 Nov, Haji Asmuni telah menerima surat tuntutan daripada BrandLaureate dan bersedia menjawab surat itu secara rasmi.

Pengerusi DAP Perak Nga Kor Ming dalam ceramahnya pada 16 Nov memaklumkan akan membawa isu itu di dalam sidang Bajet 2018 negeri Perak. Klip video ceramahnya menjadi viral dan laporan polis dibuat oleh BN dan sekutunya kerana didakwa beliau mencarut. Apa yang menghairankan tiada sebarang laporan polis dibuat terhadap Haji Asmuni yang didakwa memfitnah Dr Zambry.

Sidang Dun Perak yang bersidang dari 21 hingga 27 Nov baru-baru ini turut hangat dengan isu anugerah itu. Sidang media PH Perak selepas pembentangan Bajet 2018 sekali lagi membangkitkan isu ini dan menunjukkan replika trofi serta salinan baucer bayaran MB Inc sebelum bermulanya perbincangan bajet oleh Datuk Seri Nizar pada 22 Nov.

Exco kerajaan negeri yang juga Adun Kamunting, Datuk Mohammad Zahir Abdul Khalid berperanan besar mengganggu ucapan Nizar sambil beberapa kali kedengaran 'suara-suara sumbang' daripada Dr Zambry.

Isu 'panas' ini dibawa di dalam perbincangan bajet kerana ianya berkaitan agensi anak syarikat

“ Tanggal 24 Okt 2017, Haji Asmuni mengadakan sidang media dan menunjukkan satu salinan resit bayaran daripada Perbadanan Menteri Besar (MB Inc) Perak sebanyak RM381,113.86 kepada BrandLaureate.”

berkaitan kerajaan negeri dan sudah tentu menyentuh dana awam dan wang rakyat yang memerlukan penjelasan yang jujur daripada kerajaan negeri.

Pada sebelah petang hari yang sama, Zahir telah mengadakan sidang media khas menjawab segala persoalan dibangkit Nizar berkaitan isu MB Inc termasuk isu anugerah Brandlaureate. Pihaknya juga mengancam membuat laporan polis jika resit itu didedahkan kerana menganggap ianya sebagai palsu.

Apa yang menghairankan, resit itu telah didedahkan kepada umum pada sidang media 24 Okt dan 21 Nov, namun tiada laporan polis dibuat.

Pada keesokan harinya setelah kenyataan media Zahir dilaporkan dalam media cetak dan media baru, Tan Sri Vincent Lee melalui komen di laman Facebook mengakui anugerah BrandLaureate tidak pernah didengar beliau sebelum ini.

Vincent Lee ialah seorang ahli perniagaan terkemuka dan telah menandatangani perjanjian hak penajaan Liga Malaysia di antara Football Malaysia LLP (FM LLP) dan Ampersand Sports bagi Bolasepak Liga Malaysia 2018.

ADUN BN

Setakat ini hanya seorang Adun BN yang mengulas isu ini iaitu Adun Manong, Datuk Mohamad Kamil Shafie yang membayangkan tidak mungkin Menteri Besar membayar untuk mendapatkan anugerah tersebut.

Adakah semua Adun BN telah dijelaskan berkenaan isu ini dan adakah Dr Zambry serta MB Inc jujur mendedahkan aliran kewangan MB Inc?

Pada 24 Nov, ketika menggulung perbincangan, Zahir mengulas panjang lebar tentang isu MB Inc namun tidak langsung menyentuh anugerah BrandLaureate.

Penggulungan bersambung pada 27 Nov dengan Datuk Saarani Mohamad, Exco Kerajaan Neg-

eri yang juga ADUN Kota Tampan akhirnya menyentuh isu ini dan hanya berkata di akhir ucapannya, "Biarlah SPRM siasat..."

Menjadi satu sejarah sidang DUN apabila terdapat dua Exco Kerajaan Negeri terpaksa menjawab satu entiti yang dipengerusikan Menteri Besar manakala Menteri Besar langsung tidak menjawab sebarang tuduhan atau fitnah yang dikatakannya sendiri tetapi mengambil sikap mendiamkan diri.

Isu ini mudah difahami kerana yang telah diberikan anugerah tersebut adalah Dr Zambry selaku Menteri Besar dan juga Pengerusi MB Inc. manakala MB Inc. pula adalah pihak yang dikatakan membuat bayaran kepada BrandLaureate.

MB Inc adalah anak syarikat kerajaan negeri Perak, sudah tentu aliran kewangannya berkaitan dana awam atau wang rakyat dan cara perbelanjaannya mestilah telus dan diteliti Dun Perak.

Semua ini tidak berlaku jika sejak dari awalnya Dr Zambry dan MB Inc menafikannya dan mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang membuat pendedahan dan menjawab tuduhan yang dilerpakan.

Tetapi mengapakah kewajipan menjawab diserahkan kepada BrandLaureate? Kenapakah Dr Zambry dan MB Inc tidak menjelaskan isu sebenar dan seperti ingin menyembunyikan sesuatu dari pengetahuan umum.

Oleh kerana BrandLaureate yang akan 'dikambinghitamkan', bersediakah juga Dr Zambry dan MB Inc. untuk menjadi saksi di mahkamah jika BrandLaureate bertindak mengambil tindakan undang-undang terhadap Haji Asmuni?

Adakah lebih banyak perkara yang akan terbongkar nanti? Sama-sama kita nantikan episod seterusnya.

Penulis ialah Setiausaha AMANAH Negeri Perak.

'Solusi menang-menang' perbanyak rumah mampu milik

BATU PAHAT: Kerajaan Negeri Johor disarankan segera melaksanakan usaha kerjasama bagi mencari 'solusi menang-menang' antara pemain pasaran hartanah dan pembeli bagi mengatasi kenaikan harga rumah dipasaran.

Timbalan Presiden AMANAH Salehuddin Ayub memandang serius gesaan Sultan Johor yang mahukan seluruh rakyat Johor tanpa mengira bangsa, agama dan kelas pendapatan memiliki rumah mampu milik.

"Pastinya peringatan ini adalah tamparan besar kepada Kerajaan Negeri Johor yang tiada dasar perumahan yang jelas untuk memandu agenda perumahan mampu milik negeri dalam jangka masa pendek dan panjang.

"Tambah pula, Bank Negara memberi amaran keras kepada negeri Johor atas lambakan perumahan tertinggi yang tidak terjual di Malaysia.

"Analisis yang dijalankan mendapati ia berpunca daripada ketidakpadanan harga rumah yang ditawarkan di pasaran dengan pendapatan rakyat Johor," ujarnya.

Salahuddin yakin masalah ini boleh di-



Salahuddin Ayub

selesaikan secara holistik sekiranya usaha kerjasama dapat diwujudkan antara pihak pemaju, bank, persatuan pembeli, kerajaan tempatan dan lain-lain pihak berkepentingan.

Beliau yang juga Pengarah Pilihan Raya Pakatan Harapan Johor berkata, penyelesaian yang dicadangkan ini bukan perkara baharu kerana banyak negara maju telah melaksanakannya.

"Komunikasi pelbagai cara adalah kunci untuk memastikan sesebuah polisi itu adil

kepada semua pihak atau 'solusi menang-menang' agar agenda perumahan mampu milik di negeri Johor dapat digalakkan dengan lebih giat," katanya.

Beliau menambah, Pakatan Harapan Johor meletakkan agenda perumahan di negeri itu sebagai kriteria asas dalam membangunkan negeri Johor.

Malah katanya, beberapa pelan strategik telah dirancang sebagai persiapan untuk mentadbir negeri Johor dengan lebih baik berbanding kerajaan BN yang ada hari ini.

SPR daftar pengundi di kem tentera belum siap

BERA: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Kementerian Pertahanan Malaysia (KPM) digesa menunjukkan bukti projek Kem Tentera Darat di Bera telah siap dan mampu menempatkan 1,234 anggota tentera dan pasangan mereka.

Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Keadilan Zakaria Abdul Hamid dalam satu kenyataan berkata, kegagalan SPR dan KPM membuktikan perkara ini akan memberikan kesan negatif kepada imej dua institusi itu khususnya dalam menjunjung prinsip demokrasi berparlimen.

"SPR akan dilihat tidak bersih dengan bertindak atas arahan kerajaan BN demi kepentingan survival politik mereka.

"Tinjauan kami ke lokasi kem mendapati tiada tanda-tanda kem telah beroperasi dan kami tidak dibenarkan masuk untuk meninjau kuarters tentera atas alasan kawasan larangan," ujarnya.

Sebelum itu Zakaria yang juga Ketua Cabang Keadilan Bera mengiringi sekumpulan pembantah untuk pendengaran Siasatan Awam Bantahan Daftar Pemilih Baharu, 5 Dis lalu bagi lokaliti Kem Bera.

Bantahan di hadapan Pendaftar SPR Pahang Datuk Zamree Hamli telah ditolak dengan kos dan Orang Kena Bantah (OKB) telah dimasukkan ke dalam daftar pemilih.

Terdahulu, bantahan itu dibuat berpandu ke keadaan fizikal kem tersebut yang masih

dalam pembinaan dan hanya dijangka siap pada Julai 2018.

Selepas menolak bantahan, Pendaftar SPR memaklumkan kepada hadirin bahawa alasan penolakan adalah kerana SPR dipercayai kesemua pemilih tentera bersama pasangan mereka menginap di kem tersebut dan kem itu telah beroperasi sepenuhnya.

Bagaimanapun maklumat pada papan keterangan projek Kementerian Pertahanan di tapak projek pembinaan tersebut menyatakan Kem Tentera Bera dijangka siap pada 3 Julai 2018 setelah projek pembinaan dimulakan pada Julai 2017.

Pilihan raya umum (PRU) akan diadakan sebelum Jun 2018.

PH Melaka akan lantik KM Melayu

MELAKA: Pakatan Harapan (PH) Melaka akan melantik Ketua Menteri daripada kalangan orang Melayu jika rakyat memberikan mandat kepada gabungan itu pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

"Pakatan Harapan Melaka akan memilih sama ada pimpinan Melayu daripada Keadilan, AMANAH atau PPBM untuk menjadi Ketua Menteri Melaka jika menang pada PRU ke-14 nanti.

"Jangan dengar tohmahan dan fitnah pihak tertentu yang cuba menakutkan rakyat khusus orang Melayu kononnya kuasa orang Melayu akan

hilang di Melaka jika PH menang," ujar Setiausaha DAP Melaka Khoo Poay Tiong.

Beliau berkata demikian pada program ceramah umum PH di Permatang Pasir, dekat sini, baru-baru ini.

Menurutnya, PH akan tetap memastikan kuasa politik orang Melayu dipertahankan sesuai dengan realiti mereka sebagai golongan majoriti di negeri ini.

"Tetapi Ketua Menteri baru yang kita lantik adalah seorang yang amanah, telus dan berintegriti tinggi yang akan mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat," tambah beliau yang juga Adun Ayer Keroh dan Setiausaha PH Melaka.



Khoo Poay Tiong

Khaled panik pertahan diri isu skandal hartanah Johor

BATU PAHAT: Jawapan mengelirukan Menteri Besar Johor terhadap dakwaan pembabitan beliau dalam skandal hartanah Bumiputera di negeri ini menggambarkan sikap panik Pengerusi BN negeri itu.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Khaled Nordin atas jawapan yang diberikan pada sesi penggulungan sidang Dewan Undangan Negeri Johor 4 Dis lalu, Pakatan Harapan (PH) negeri menyifatkan jawapan beliau sebagai 'aneh'.

"Khaled menyatakan bahawa YB Senai sewaktu mengajukan persoalan berkaitan skandal hartanah minggu lalu telah membuat tuduhan yang tidak berasas. Namun pada masa yang sama, Khaled mendakwa YB Senai telah 'menggunakan Dewan untuk membocorkan rahsia rasmi kerajaan'.

"Anehnya, sekiranya Khaled mendapati tuduhan tersebut tidak berasas, apa perlunya beliau mengeluarkan kenyataan kontradik yang mengaitkan persoalan YB Senai dengan 'rahsia rasmi kerajaan'?" kenyataan rasmi PH negeri itu dipetik.

Sehubungan itu Pengerusi PH Johor Tan Sri Muhyiddin Yassin, Pengerusi PPBM Johor Datuk Dr Shahrudin Md Salleh, Pengerusi AMANAH Johor Aminolhuda Hassan, Pengerusi Keadilan Johor Hassan Karim dan Pengerusi DAP Johor Liew Chin Tong menganggap Khaled sedang panik menghadapi skandal tersebut.

PH Johor juga menganggap kenyataan Khaled bahawa pentadbiran beliau 'tidak menerima apa-apa suapan, tidak akan menerima apa-apa suapan dan akan menentang segala usaha untuk memberi apa jua bentuk suapan' sama ada kepada diri atau pentadbiran beliau sebagai retorik semata-mata.

"Hakikatnya, Exco di bawah pentadbiran beliau sendiri pada awal tahun ini, Datuk Abd Latiff Bandi telah didakwa atas tuduhan rasuah berhubung isu hartanah Johor," ujar kenyataan bersama itu.

AMANAHA optimis tawan Dun Tokai

Oleh MOHD ALI HASHIM

PENDANG: Tidak ada yang mustahil sejak rakyat mulai hilang keyakinan terhadap kepimpinan kerajaan Umno-BN yang sedang menerajui Kedah.

Ia bukan saja diperlihatkan melalui pelbagai kelemahan yang tidak mampu diatasi kerajaan BN negeri, sebaliknya pula sokongan yang semakin bercambah diterima Pakatan Harapan (PH) khususnya AMANAHA Kawasan Pendang.

Timbalan Ketua Pemuda AMANAHA Kedah, Abdullah Suady Ramadhan Mohd Nasir berkata, walaupun Dun Tokai adalah kubu Pas, namun senario politik mutakhir memperlihatkan penduduk mahukan perubahan.

"Penduduk Dun Tokai kini sedang menilai kembali kewibawaan parti yang bakal bertanding serta kualiti calon yang dikemukakan.

"Mereka kini terbeban dengan kos sara hidup yang amat melampau dan menyusahkan.

"Isu utama di kawasan ini adalah kemiskinan dan peluang pekerjaan kepada golongan muda," ujarnya lagi.

Jelas beliau, AMANAHA Kawasan Pendang tetap meneruskan kerja-kerja kebajikan bagi membela nasib rakyat termasuk membantu golongan yang memerlukan.

"Kita bukan saja menghulurkan bantuan berupa barangan keperluan harian kepada mangsa banjir baru-baru ini, sebaliknya kita mendekati semua golongan masyarakat.

"AMANAHA Pendang turut menziarahi golongan kurang upaya, warga emas, ibu tunggal serta anak-anak yatim.

"Selain itu penduduk amat kecewa dengan kegagalan BN menunaikan janji pilihan raya seperti membina Hospital Pendang yang tidak kelihatan sehingga kini," jelasnya lagi.

Abdullah Suady yang juga Penyelaras PH bagi Dun Tokai berkata, dalam kajian dan culaan semasa mendapati lebih 35,000 pengundi dalam kawasan Parlimen Pendang inginkan pembaharuan.

Tegasnya, pengundi akan menolak parti



Abdullah Suady (berkopiah putih) bersama anggota ARiF membantu penduduk di bendang yang dilanda ribut.

yang tidak mampu membawa perubahan dan gagal membela nasib rakyat.

"Umno-BN akan menabur janji baru tidak lama lagi bagi mendapat sokongan sekali lagi.

"Namun begitu AMANAHA dan PH optimis pilihan raya umum akan datang akan membawa kejutan yang tidak pernah dijangka oleh BN dan parti sekutunya Pas di Pendang," tambahnya.

Sukan Muay Thai perlu disokong



Hasnul bertanyakan perkembangan Kelab Sukan Muay Thai King Scorpion Parit Buntar.

PARITBUNTAR: Usaha bersepadu perlu digerakkan oleh semua pihak supaya sukan Muay Thai di Perak berkembang maju.

Ketua Pemuda AMANAHA Perak Hasnul Zulkarnain Abdul Munaim berkata, pembabitan remaja dalam sukan Muay Thai

masih di peringkat usaha persendirian melibatkan perbelanjaan peribadi.

"Usaha mempromosikan sukan Muay Thai di negeri ini perlu dipertingkatkan dalam usaha menarik penyertaan remaja di peringkat akar umbi.

"Melalui sukan Muay Thai remaja bukan sahaja belajar seni bela diri malah mampu mengelakkan mereka terjebak dengan gejala sosial," katanya.

Hasnul ditemui selepas menyampaikan sumbangan alatan Muay Thai kepada Kelab Muay Thai King Scorpion Parit Buntar di Gelanggang Muay Thai King Scorpion, Parit Lebai Akir, dekat sini, baru-baru ini.

Hasnul Zulkarnain berkata, pembabitan sekolah-sekolah dalam sukan ini masih rendah dan hanya melibatkan beberapa sekolah sahaja.

"Kita harapkan lebih banyak sekolah dapat memberikan peluang kepada sukan Muay Thai melalui penubuhan Kelab Muay Thai dan mengadakan latihan.

"Sukan ini walaupun nampak asing akan popular suatu masa nanti dan diterima oleh pelajar-pelajar di sekolah jika diperkenalkan kepada mereka," katanya.

Menurut beliau, sukan Muay Thai berpotensi dikembangkan memandangkan negeri Perak sudah mempunyai jaguh Muay Thai yang memenangi pertandin-

gan peringkat dunia.

"Iskandar Zulkarnain Mohamad Ezry A'Zamin dari Changkat Jering dan Nuramisha Azrilrizal dari Gunung Rapat pernah melakar sejarah muncul juara di Kejohanan Muay Thai Remaja Dunia di Thailand.

"Justeru sukan ini, berpotensi menarik penyertaan pelajar jika diperkenalkan di sekolah-sekolah negeri ini," katanya.

Beliau memuji usaha Kelab Muay Thai King Scorpion Parit Buntar yang membuka gelanggang bagi memberi peluang remaja menceburi sukan ini.

"Walaupun Perak sudah mempunyai akademi sukan Muay Thai, usaha Kelab Muay Thai Scorpion Parit Buntar mengembangkan sukan ini di Parit Buntar harus disokong.

"Maka sebab itu, saya berharap kerajaan negeri dapat menyediakan kelengkapan latihan sempurna dan kemudahan infrastruktur Muay Thai seperti dewan dan gelanggang di setiap daerah dalam negeri Perak," katanya.

Hasnul Zulkarnain berharap sukan Muay Thai akan mendapat tempat khususnya di kalangan anak muda yang gemar aktiviti lasak dan mencabar.

Ziarah Peduli Rakyat bantu golongan asnaf

PARITBUNTAR: Kos sara hidup pada tahun hadapan dijangka terus meningkat kesan dasar-dasar ekonomi kerajaan BN antaranya pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) serta penghapusan subsidi barangan keperluan asasi.

Ketua Pemuda AMANAHA Perak, Hasnul Zulkarnain Abdul Munaim berkata, rakyat berpendapatan rendah akan merasai kesan besar peningkatan kos sara hidup ini.

"Kenaikan kos sara hidup merupakan kesan daripada kenaikan harga minyak, bahan makanan dan kos pengangkutan.

"Selain itu, nilai mata wang negara yang rendah juga akan memberi kesan kenaikan barang makanan kerana kita import banyak makanan," katanya ketika ditemui semasa program ziarah peduli rakyat di Jalan Terusan, dekat sini.

Hasnul berkata, Pemuda AMANAHA Perak telah menyampaikan sumbangan barangan keperluan dapur melalui program Ziarah Peduli Rakyat kepada penduduk terpilih di Jalan Terusan, Jalan Abdul Rauf dan Taman Seri Tenggara.

"Rakyat berpendapatan rendah termasuk di Parit Buntar makin tertekan dengan kenaikan harga barang.

"Justeru itu kami menganjurkan program ini bagi membantu meringankan beban penduduk berpendapatan rendah," katanya.

Beliau berkata, kenaikan kos sara hidup ini boleh diatasi sekiranya kerajaan menghapuskan GST serta mengembalikan semula subsidi minyak.

"GST merupakan faktor utama kenaikan harga barang secara mendadak. Kutipan GST setakat 30 September 2017 sebanyak RM29.81 bilion menunjukkan betapa tingginya perbelanjaan yang terpaksa dikeluarkan rakyat.

"Harga minyak dapat diturunkan jika

subsidi minyak dikembalikan dan sekaligus dapat membantu meringankan perbelanjaan poket rakyat," katanya.

Hasnul juga menyarankan rakyat menguruskan kewangan dengan baik bagi menghadapi kenaikan kos sara hidup.

"Berbelanja secara bersederhana dengan hanya membeli barangan keperluan tertentu sahaja dan selebihnya disimpan kerana kita tidak dapat meramal apa yang berlaku pada masa akan datang.

"Apa juga pendapatan yang kita ada, ia harus digunakan dengan baik sebagai langkah bersiap sedia," katanya.

Yayasan Darul Hijrah agih bantuan mangsa banjir

Oleh ARIF ATAN

TUMPAT: Sebanyak 100 pek makanan diagihkan kepada mangsa banjir di Kampung Jal Kecil, Tumpat, 3 Dis lalu.

Tumpat adalah antara enam jajahan di Kelantan yang terjejas teruk akibat banjir selepas Pasir Mas.

Agihan bantuan oleh Yayasan Darul Hijrah di perkampungan yang terkepung dan terputus hubungan itu adalah hasil sumbangan para dermawan.

Menurut Ketua Koordinator Kebajikan dan Kemanusiaan Yayasan Darul Hijrah, Hazmi Hassan, pihak Yayasan Darul Hijrah menerima bantuan dalam bentuk makanan asas.

"Kami akan ke sana menggunakan kereta pacuan empat roda untuk meredah kawasan laluan yang ditenggelami air.

"Bagi rakan-rakan yang berhajat untuk

menghulurkan bantuan, sumbangan boleh disalurkan ke akaun 5660 1060 9934 (Maybank) Yayasan Darul Hijrah.

"Mohon maklumkan setiap sumbangan melalui WhatsApp 019-987 7623 (Hazmi) bagi tujuan rujukan kami," jelasnya.

Hazmi yang juga Ketua Pemuda AMANAH negeri memberitahu, sesiapa yang berminat untuk menjadi sukarelawan Yayasan Darul Hijrah juga boleh menghubungi nombor telefon tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, gelombang kedua banjir di Kelantan 2 Dis lalu menyaksikan kawasan pekan Rantau Panjang dinaiki air deras.

Facebook Info Banjir Kelantan kira-kira jam 1 tengah hari memaklumkan jalan menghalu ke Kampung Dedap dan Kedai Lama dinaiki air dan dilihat berbahaya pada kenderaan ringan.

Semakan di portal Bencana di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) mendapati jumlah mangsa banjir di Kelantan setakat 4 petang, 2 Dis membabitkan 5,463



Husam memberikan sumbangan kepada mangsa banjir.

keluarga dengan 13,817 orang.

Selain Pasir Mas dan Tumpat, empat lagi jajahan iaitu Pasir Puteh, Kota Bharu, Gua

Musang dan Tanah Merah menyaksikan pemindahan mangsa banjir di lebih 60 pusat penempatan sementara.

Jambatan Pulau Setelu sukar dibaik pulih



Jambatan Setelu, Gua Musang perlu dibiki segera untuk kemudahan orang ramai.

GUA MUSANG: Jambatan Pulau Setelu yang menghubungkan Jeli dan Gua Musang dijangka tidak dapat dibaiki sehingga musim tengkujuh tamat.

hingga musim tengkujuh tamat.

Jambatan itu yang ditutup seminggu semasa banjir melanda sukar dibaiki, walaupun kini paras air sungai-sungai utama termasuk Sungai Nenggiri telah mulai surut.

Tinjauan mendapati masih ada pengguna

yang tidak menyedari penutupan jambatan itu sehingga terpaksa melakukan pusingan-U.

Seorang pemandu yang kerap menggunakan laluan itu, Muhamad Hanafi Muhd Hasan berkata dalam keadaan sekarang pembaikan tidak boleh dilakukan kerana jambatan sementara itu sangat rendah.

"Bila hujan lebat sekejap sahaja di bahagian hulu, jambatan itu akan ditenggelami air sungai," katanya.

Jambatan itu katanya rosak teruk ketika banjir melanda apabila beberapa tiangnya patah dilanggar sisa-sisa kayu balak.

"Ini satu lagi sebab pembaikan hampir mustahil kerana bila hujan lebat dan arus menjadi laju, sisa-sisa kayu balak atau dahan-dahan serta serpihan kayu-kayu akan turun dari hulu dan melanggar jambatan itu," katanya.

Sekarang katanya bulan Disember baru bermula dan musim tengkujuh berdasarkan tahun-tahun lepas boleh berlanjutan hingga hujung Januari.

"Ini tentulah akan membawa kesusahan



Muhamad Hanafi Muhd Hasan

besar kepada para pengguna jalan ini terutama yang terlibat dalam perniagaan macam saya.

"Dari Jeli kita terpaksa melencong jauh ke simpang tiga Sungai Sam untuk ke Gua Musang.

"Dengan kos bahan api yang tinggi sekarang orang ramai akan semakin tertekan," katanya.

Mohd Amar ucap terima kasih sumbangan Pulau Pinang

KOTA BHARU: Kerajaan Negeri Kelantan mengucapkan terima kasih kepada Pulau Pinang kerana mengemukakan peruntukan sebanyak RM100,000 bagi membantu rakyat negeri itu yang terjejas banjir, kata Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Abdullah.

"Saya bagi pihak kerajaan negeri mengucapkan terima kasih kerana membantu kita," ujarnya ketika di-

temui pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Integriti di Dewan Teratai Kota Darul Naim, dekat sini, baru-baru ini.

Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng mengumumkan peruntukan RM100,000 itu dengan RM50,000 disumbangkan kepada kerajaan negeri manakala RM50,000 lagi kepada badan bukan kerajaan (NGO) Kelantan yang menjalankan usaha bantuan banjir.

"Kita semua berdoa agar cuaca tidak akan

menjadi lebih buruk dan sebagai negeri yang pernah dilanda bencana baru-baru ini, saya berharap rakyat Kelantan dapat bersabar.

"Sebagai tanda simpati, kita akan menghulurkan bantuan sebanyak RM100,000 kepada kerajaan negeri dan NGO berwajib di Kelantan," kata Guan Eng.

Jumlah mangsa banjir di Kelantan meningkat kepada 14,237 orang pada 8 pagi, 1 Dis berbanding 13,873 orang pada 9 malam 30 Nov.

Menurut aplikasi infobanjir Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kesemua mangsa daripada 5,561 keluarga itu ditempatkan di 63 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di enam jajahan membabitkan Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Tanah Merah, Pasir Puteh dan Gua Musang.

Banjir Sungai Golok lambat surut, bantuan ditingkat



Dr Shahjihan menyampaikan bekalan makanan kepada mangsa banjir.



Mohd Ridzuan mengagihkan nasi air kepada penduduk terjejas banjir.



Pengerusi AMANAH Rantau Panjang Dr Shahjihan Din menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir.



Keadaan banjir di jalan masuk Kg Serungga, Rantau Panjang pada 5 Dis lalu.

Oleh ZIKRI ABDULLAH

KOTA BHARU: Pasukan-pasukan bantuan masih bertungkus lumus menyampaikan makanan dan barangan dapur kepada mangsa-mangsa banjir di Kelantan yang enggan berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS).

Mingguan Amanah menyertai Ketua kumpulan bantuan AMANAH Kelantan Dr Shahjihan Din memasuki beberapa kampung di Dun Bukit Tuku, 5 Dis lalu.

Kawasan yang dilanda banjir akibat limpahan Sungai Golok surut secara

amat perlahan.

"Saya bersama Pengerusi AMANAH Dun Bukit Tuku Haji Abdul Aziz mendapati penduduk amat perlukan bantuan.

"Kini telah masuk minggu kedua kampung-kampung ini ditenggelami air dan hampir semua mereka yang menjalankan kerja pertanian atau pertukangan tidak dapat keluar bekerja," katanya.

Paras air katanya memang telah surut kerana minggu lalu kawasan itu hanya boleh dimasuki menggunakan bot.

"Hari ini kami boleh menggunakan kenderaan pacuan empat roda walaupun secara amat berhati-hati kerana bim-

bang terjerumus memasuki kawasan air dalam," katanya.

Menurut portal info banjir Jabatan Kebajikan Masyarakat, mangsa yang berada di PPS sehingga petang 5 Dis berjumlah 585 orang yang ditempatkan di empat PPS di Rantau Panjang, Pasir Mas dan Tumpat.

Walaupun sejumlah besar mangsa telah kembali ke rumah masing-masing, banjir di kebanyakan kampung belum surut sepenuhnya.

Sementara itu Pusat Operasi Banjir (POB) Pakatan Harapan Rantau Panjang sehingga kini masih meneruskan gera-

kan membahagi-bahagikan nasi air yang dikenali sebagai 'nasi air viral'.

Menurut Pengarah POB itu, Mohd Ridzuan Muhamad agihan nasi air itu telah berjalan hampir dua minggu.

"Alhamdulillah, kita bermula pada hari kedua banjir dan nasi air viral ini begitu popular di kalangan mangsa banjir dan sentiasa ditunggu-tunggu setiap hari.

"Sehingga ini kami hanya mampu menyediakan sebanyak 2000 mangkuk sehari untuk dibahagi-bahagikan ke kampung-kampung secara bergilir," katanya.

Wanita PH cadang banci khas untuk kawasan terlibat banjir

KOTA BHARU: Wanita Pakatan Harapan (PH) Kelantan mencadangkan banci khas di kawasan dilanda banjir bagi memastikan tiada mangsa yang tercicir dari mendapat bantuan.

Ketuanya, Norashidah Jaafar berkata tinjauan pihaknya mendapati begitu banyak rumah yang didiami golongan daif di kawasan-kawasan berkenaan.

"Ada rumah yang didiami sepasang suami isteri di mana kedua-duanya terbaring sakit.

"Ada pula ketua keluarga yang tidak mampu mencari nafkah keluarga kerana sakit dan kemalangan yang

menimpa.

"Ada keluarga lain pula mempunyai ahli kurang upaya (OKU) dan orang-orang tua yang memerlukan penjagaan sepanjang masa," katanya.

Beliau yang bersama sekumpulan wanita PH menyantuni rumah-rumah terlibat banjir sekitar Dun Chetok, baru-baru ini.

"Walaupun air telah surut, kebanyakan mangsa masih terpinga-pinga dan tidak tahu apa yang patut dibuat.

"Bagi yang bekerja sebagai pekebun atau bertani tidak ada sebarang penghasilan sepanjang musim banjir ini.

Sementara itu Pusat Operasi Banjir AMANAH (POBA) Dun Chetok terus menyediakan bantuan segera kepada mangsa-mangsa banjir yang daif dan memerlukan.

Pengarah pusat itu, Ir Ali Omar bersyukur kerana banyak pihak menyalurkan derma untuk sama-sama membantu.

"Memang keperluan amat besar, namun saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang sudi menghulurkan bantuan.

"Untuk membantu semua mangsa banjir adalah tidak mungkin, jadi kita

meminta wakil-wakil di kawasan terlibat memilih keluarga-keluarga yang benar-benar terdesak dan memerlukan sahaja," katanya.

Beliau turut berterima kasih kepada AMANAH negeri Kedah yang membawa bantuan berbentuk beras, tepung gandum, gula, sardin, roti dan lain-lain.

"Hanya terima kasih dapat saya katakan, mudah-mudahan infaq tuan-tuan semua mendapat ganjaran setimpal dari Allah," katanya.

Persaudaraan insan

“**Rasulullah s.a.w. mengajar tentang tidak sahaja persaudaraan dalam kalangan para sahabat di sekelilingnya dan mereka yang beriman kepadanya, tetapi juga persaudaraan dengan seluruh manusia tanpa mengira kaum, keturunan dan kepercayaan. Al-Quran menyebut bahawa, "Telah dimulihkan keturunan Adam".**”



PENDAPAT
MOHD ANUAR TAHIR

BEBERAPA hari yang lalu kita menyambut hari kelahiran Rasulullah s.a.w., utusan Allah yang disebut oleh firman Allah sebagai "pembawa rahmat bagi seluruh alam".

Dalam konteks negara kita, seluruh kaum dan keturunan yang sama-sama berpijak di bumi ini dan menjunjung langit yang sama adalah mereka yang dipersaudarakan sebagai warganegara sebuah tanah air yang mencapai kemerdekaan lebih dari setengah abad lalu. Persaudaraan sesama manusia itu disebut sebagai ukhuwah insaniyah, persaudaraan sesama insan.

Persaudaraan ini diakui oleh Islam berlandaskan ajaran agama bahawa semua umat manusia adalah makhluk Allah belaka. Perbedaan keyakinan kepercayaan dan agama itu adalah kebebasan pilihan yang diberikan oleh Allah SWT. Allah boleh sahaja menjadikan semua insan di atas muka bumi ini beriman dengan-Nya kalau Allah mahu.

Parti Amanah Negara yang dilahirkan pada 2015, menganut faham ini sepenuhnya dengan meletakkan dasar dan tujuannya antara lain mendirikan sebuah negara dan masyarakat madani dengan Islam sebagai rahmat untuk semua (Rahmatan lil 'Aalamin) dan melaksanakan pemerintahan yang berteraskan tadbir urus yang baik (good governance) selari dengan tuntutan prinsip amanah, keadilan, kesaksamaan, kecekapan dan ketelusan.

Negara bangsa

Kekecewaan saya yang amat sangat memikirkan sampai ke hari ini kita masih belum membentuk sebuah negara bangsa yang nyata seperti Indonesia, Singapura, Thailand, Filipina dan negara tetangga yang lain. Sampai hari ini masih ada kebencian antara kaum dan agama malah sampai ada rasa permusuhan dan kejiwaan di kalangan yang berlainan dari kita.

Saya tidak faham mengapa agama kita yang menekankan kesatuan, persefahaman dan persaudaraan perlu dijadikan asas untuk menolak penyatuan rakyat berbilang kaum dan agama ini. Ada parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan non-pemerintah (NGO) sanggup menggunakan segala apparatus yang ada untuk menimbulkan keraguan dan ke-sangsian terhadap hubungan antara kaum dan agama.

Setiap isu sekecil manapun akan cuba ditafsir dari sudut perkauman. Tiada usaha-usaha positif untuk merapatkan jurang kefahaman di kalangan mereka.

Saya teringat pada puisi Usman Awang yang ditulis pada tahun 1962, "Anak Jiran Tionghoa". Semangat dari sajak ini tidak langsung direalisasikan justeru tujuh tahun selepas ia ditulis berlaku peristiwa berdarah 13 Mei 1969 di mana Melayu-Cina berbunuh-bunuhan dan darah mengalir di ibu kota.

Sajak Usman Awang yang berbunyi seperti berikut, entah siapa yang mencerap rasa:

Begitu kecil ia berdiri di tepi pagar kilat matanya memanggil Iskandar siapa lalu siapa berkaca melihat keduanya bergurau senda.

Anak Tionghoa kelahirannya di sini di bumi hijau ladang-ladang getah dan padi ia bisa bercerita untuk siapa saja di sini tanahnya dan ibunya bersemadi.

Lihat, mereka sedang berebutan pistol mainan he, jangan berkelahi ah, anak-anak dengan caranya murni berkelahi untuk nanti bermain kembali.

Lihat, mereka tertawa riang Ah Chew tak punya gigi sebatang Iskandar mengesat hingus ke baju sekarang mereka menunggu ais krim lalu.

Perhatikan betapa indahnya Usman Awang mengakhiri rangkap akhir sajak "Anak Jiran Tionghoa" itu seperti berikut:

Bumi tercinta resapkan wahyumu jantung mereka adalah langitmu darah mereka adalah sungaimu nafas mereka adalah udaramu.

Moral hidup

Seperti yang disebut sasterawan Rahman Shaari, kata-kata yang dipilih dan disusun adalah untuk dua tujuan iaitu untuk membawa moral hidup berbaik-baik antara kaum, dan untuk membawa penegasan sikapnya melalui ke sejajaran atau paralelisme, sikap Usman Awang yang tertera melalui sajak ini adalah cinta damai dan berbaik-baik

antara kaum. (Kekasih, Usman Awang, Kuala Lumpur, 2014)

Tiba-tiba pula saya teringat cerita dari seorang teman, Haslina. Beberapa tahun dulu, ketika menumpang sebuah teksi si pemandu merupakan lelaki berketurunan India separuh umur bercerita tentang masa kecil tinggal di sebuah kampung di Tampin.

Persahabatannya dengan anak Melayu erat sekali di waktu kecilnya. Sering singgah makan di rumah sahabat Melayu dan sering disuapi nasi oleh seorang mak cik. Sesudah menyuapkan ke mulut anaknya, tangan yang sama menyuapkan nasi itu ke mulut beliau, seorang anak India yang masih kecil itu.

Pemandu teksi meneruskan cerita tentang sesudah dia dewasa beliau membantu anak perempuan Melayu jirannya, gadis yatim kematian ayah. Gadis itu kemudiannya meneruskan pengajian ke kolej kejururawatan yang sebahagian besar dari perbelanjaan ditanggung oleh seorang ayah angkat keturunan India. Pemandu teksi itu menurut Haslina bangga sekali dapat membantu sehingga gadis tersebut menamatkan pengajian dengan cemerlang dan kini dapat membantu ibunya. Sebuah anekdot tentang kehidupan, memaknai persaudaraan insan.

Rasa pengasih

Mengapa kita masih tidak mahu menyerlahkan rasa pengasih dan rasa penyayang kepada sesama manusia yang berkongsi air, tanah dan udara. Ke mana perginya hadis Rasulullah s.a.w. yang menolak sikap perkauman yang selama ini kita perkatakan, hanya atas kepentingan survival politik masing-masing mengenyepikan anjuran lita'arafu dari Tuhan itu.

Berbagai fitnah termuat dalam media hari ini untuk menyemarakkan kesangsaan dan kebencian antara kaum. Berbagai olahan yang kasar dan keras dibuat oleh para tentera siber (cybertrooper) upahan berlegar dan viral di mana-mana di serata maya. Alangkah peritnya bila kita memikirkan betapa kesungguhan menanam dan menabur benih perseteruan kaum begitu berleluasa.

Saya menyeru kepada semua pencinta Islam dan pencinta damai di negara ini untuk membawa pesan kesejahteraan untuk semua. Bersopan santun men-

golah kata kerana "terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya".

Janganlah hanya sekadar menerima kepelbagaian dalam negara ini berdasarkan selera makan semata-mata seperti durian, nasi lemak, laici kang, mi kari, tosei dan puri sahaja. Kepelbagaian juga terletak pada minda, perasaan dan spiritual yang perlu difahami dan cuba dipersatukan. Maksud saya bukanlah suatu proses peleburan tetapi bersatu dalam satu bingkai kesatuan walaupun kita berbeza.

Isu perkauman

Kepada ahli-ahli politik saya ingin bertanya, "Sampai bilakah kalian masih mahu bermain dengan isu perkauman? Walhal sudah sekian lama kita menyanyikan lagu kebangsaan Negaraku".

*Negaraku
Tanah tumpahnya darahku
Rakyat hidup bersatu dan maju
Rahmat bahagia, Tuhan kurniakan
Raja kita selamat bertakhta*

Apa maknanya lagu ini kalau ia tidak mendarah daging. Bahawa kita Melayu, Cina, India, Iban, Dayak, Melanau, Kadazan, Murut, Dusun, Orang Asli dan semuanya adalah bersaudara di bawah naungan jalur gemilang.

Sampai bila kita harus diperkotakatikkan kerana perbezaan keturunan, bahasa, budaya dan agama. Saya amat berharap seluruh bangsa di Malaysia benar-benar dapat bersatu sebagai satu bangsa dan membuktikannya dengan melakukan perubahan dalam pilihan raya umum yang akan datang di mana kita akan memilih sebuah pentadbiran baru yang menolak perkauman dalam makna yang semurnya.

Buktikan dengan sebuah kebangkitan bukan sekadar omongan. Jangan sampai terjadi sindiran pantun moden nukilan Usman Awang:

*Sorong papan tarik papan
Buah keranji dalam perahu
Suruh makan tuan makan,
Suruh mengundi haram tak mahu.*

Wallahu'alam.

■ **Penulis ialah Setiausaha Agung AMANAH.**

Kurangkan institusi anak yatim dengan keluarga angkat

KUALA LUMPUR: Kerajaan disaran menyediakan mekanisme ibu bapa angkat untuk anak-anak yatim bagi membantu perkembangan dan kebajikan mereka supaya lebih harmoni dan terbelah.

Dr Siti Mariah Mahmud (AMANAH-Kota Raja) menyifatkan penubuhan institusi penjagaan anak-anak yatim yang sentiasa meningkat bukan suatu perkembangan yang baik untuk negara dan masa hadapan anak-anak tidak bernasib baik itu.

"Rumah anak yatim bukanlah satu solusi yang terbaik untuk kanak-kanak ini kerana suasana di dalam rumah anak-anak yatim ini tidak serupa dengan suasana di rumah di mana ada kasih sayang, ada interaksi keluarga dan sebagainya. Kita tidak mahu lagi menginstitusikan (penjagaan) anak-anak yatim ini.

"Ramai orang yang hendak anak sebenarnya, yang tidak ada anak dan mereka hendak anak. Ada orang yang anak ramai tetapi masih sanggup mengambil anak. Saya rasa kita perlu ada satu sistem di mana ibu bapa atau keluarga sanggup mengambil beberapa anak yatim dan



Dr Mariah Mahmud

kerajaan membantu dengan mungkin daripada segi kewangan dan juga mungkin di dalam khidmat nasihat dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Bajet 2018 di Dewan Rakyat peringkat Kementerian Pembangunan

Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sementara itu, Dr Mariah juga menggesa kerajaan menyediakan pangkalan data yang komprehensif bagi menangani masalah semakin ramai warga emas yang di hantar ke pusat-pusat penjagaan.

Menurut Dr Mariah, pendidikan kepada

LAPORAN
DEWAN
RAKYAT



anak-anak supaya memahami tanggung jawab terhadap ibu bapa perlu ditekan-kan termasuk memikirkan insentif yang perlu diberikan kepada mereka supaya mengambil berat kebajikan ibu bapa mereka.

"Kadang-kadang kita tidak boleh kesian siapa anak-anak mereka sedangkan mereka ada anak. Jadi mungkin daripada ini saya rasa boleh kita anjurkan, sebenarnya JPN sudah ada maklumat ini tetapi sama ada maklumat ini boleh dihubung, anak-ibu bapa.

"JPN perlu menaik taraf sistem analisis. Jadi kalau kita dapat melakukannya mulai daripada sekarang, mungkin satu dekad atau dua dekad akan datang, masalah ini akan berkurang," katanya.

Sementara itu, Dr. Mariah turut menyampaikan tahniah kepada pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat di atas kesungguhan kerja yang telah ditunjukkan sehingga bekerja tidak mengira masa untuk membantu golongan memerlukan.

Kenapa berbelit-belit isu terlibat pakatan Saudi

PENJELASAN berbelit-belit kerajaan berhubung penglibatan pasukan tentera Malaysia dengan misi Pakatan Timur Tengah di Yaman yang diketuai Arab Saudi mengundang persoalan apakah pendirian sebenar negara dalam isu itu.

Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah (AMANAH-Kuala Terengganu) berkata, mutakhir ini Malaysia telah banyak terlibat dalam konflik di Timur Tengah sedangkan sebelum ini mengamalkan dasar aman, bebas dan berkecuali.

"Pada awalnya, kita telah diberitahu bahawa ia merupakan untuk tujuan evakuasi peperangan yang berlaku di Yaman dan juga untuk sebab-sebab logistik. Akan

tetapi, setelah lebih daripada dua tahun dan evakuasi semuanya telah dilakukan, kenapakah kita masih di sana dengan berbagai-bagai versi atau jawapan yang berbeza dari semasa ke semasa.

"Daripada yang dikatakan untuk memindah penduduk Malaysia atau pelajar Malaysia dan juga peranan kita sebagai 'non-combative role' di Arab Saudi dan juga laboran daripada panel pakar daripada Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) yang menyatakan kita terlibat dengan pasukan sekutu Arab Saudi.

"Akhir sekali pada minggu lepas pula, Arab Saudi menyatakan Malaysia bersama di dalam sekutu mereka," katanya sambil

menuntut kerajaan menyatakan satu jawapan yang konkrit.

Sementara itu beliau juga mahu kerajaan menjelaskan berapakah jumlah kos yang dibelanjakan bagi penempatan tentera Malaysia di Arab Saudi itu.

Mengulangi penegasannya, Kamarul Bahrin sekali lagi mempersoal mengapa Malaysia perlu terlibat di dalam pergolakan rantau Timur Tengah yang memungkingkan kita terjerumus ke dalam sengketanya negara teluk.

Mengulas lanjut, beliau berkata Malaysia seharusnya memberi tumpuan kepada isu-isu keselamatan serantau yang lebih dekat dan berkait dengan kepentingan

negara secara langsung.

"Mengapakah tentera-tentera kita tidak diberi tumpuan kepada keselamatan serantau seperti daripada kita terlibat di Timur Tengah, lebih baik kita tempatkan tentera kita di Sabah dan membantu ESSCOM di dalam kegiatan-kegiatan lanun dan pencerobohan yang sering berlaku di kawasan tersebut.

"Juga, mengapa tidak kita pantau perkembangan pengaruh pencerobohan negara asing seperti di Laut China Selatan? Di situlah prioriti perlu ditetapkan untuk memberi jaminan rantau ini diberi keutamaan, bukan di rantau yang jauh daripada Malaysia," katanya.

Constitutional duty for MACC to investigate 1MDB scandal

By **TONY PUA**

THE MACC must not abscond from its constitutional duty to investigate the ample hard evidence of corruption, abuse of power and criminal breach of trust in 1MDB as confirmed by its own former senior officer

The Free Malaysia Today (FMT) reported on 10 November that ex-senior Anti-Corruption Agency (ACA) officer, Ramli Manan said there is ample evidence for the anti-graft agency to investigate the financial fiasco involving state investor 1MDB.

Ramli Manan said investigators had only to look into 1MDB-related court proceedings in Singapore and the United States' Department of Justice (DoJ) reports to assist them in their probes.

Singapore's investigation into the fund has resulted in the termination of BSI Bank's license and the arrest of its bankers for assisting in laundering of 1MDB funds. Even as we speak, the Singaporean investigations still continue, with police now examining the role of Wall Street bank Goldman Sachs' in setting up fraudulent bond offerings for the fund. The US Department of Justice investigations more explicitly state their investigations are aimed at recovering assets bought using funds laundered from Malaysia's 1MDB.

"The evidence there is glaring and it could be of great assistance to MACC officers," said Ramli, who retired as director of the Sabah ACA.

He further confirmed my criticism of the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) last week that the MACC

and the Royal Malaysian Police have different responsibilities and jurisdiction.

Ramli told FMT that "it is only the MACC that has the expertise and experience to carry out investigation on graft and abuse of power. Police only can probe Penal Code offences."

The Minister in the Prime Minister's Department in-charge of Integrity, Datuk Paul Low had on 1 November responded to me in Parliament that "investigations weren't carried out because of existing investigations being done by the Public Accounts Committee (PAC), Bank Negara and the Police".

The statement by the former Sabah ACA Chief only goes to prove that there could not be a more shameless and irresponsible reply from the Minister and the Government.

The MACC is clearly and wilfully choo-

sing to ignore readily-available evidence in order to protect those implicated in the multi-billion dollar scandal, including the Prime Minister and his family members.

We'd like to remind the MACC again of their role as an independent commission. Its actions should never be dictated or influenced by the actions of other authorities or agencies. To prove that the MACC is indeed independent and not cowardly, it should immediately kick off its investigations into the massive shenanigans in the company and ensure the culprits who have caused billions of ringgit in losses pay for their heinous crimes.

■ **Tony Pua is Member of Parliament for Petaling Jaya Utara and DAP National Publicity Secretary.**

Persoalan ateisme di kalangan orang Melayu

SOALAN mengenai bagaimana ingin ditangani kegiatan golongan Ateis ditimbulkan oleh YB Kota Raja Dr. Siti Mariah Mahmud di Parlimen dan ianya dijawab Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dr. Asyraf Wajdi Dasuki.

Malangnya jawapan Timbalan Menteri tidak memberikan langkah-langkah konkrit yang boleh diambil. Selain dari menyatakan bahawa ianya di bawah kuasa Negeri, Timbalan Menteri menyebut Akta Hasutan dan Perlembagaan sebagai sebahagian dari jawapannya.

Pendekatan menggunakan 'kuasa' dalam menyelesaikan masalah kepercayaan peribadi adalah sesuatu yang saya anggap aneh dan yakin tidak akan berkesan. Kita akan hanya berjaya memaksa mereka mengatakan mereka percaya sedangkan mereka kekal tidak percaya. Malahan mungkin juga bertambah dalam ketidakpercayaan mereka apabila kekerasan digunakan. Ini adalah kerana kepercayaan tidak boleh dipaksakan.

Dalam soalan ini Al-Quran jelas menunjukkan sikap yang setepatnya. Di dalam surah Yunus ayat 99 dan 100 Allah SWT berfirman:

"Sekiranya Tuhan kamu ingin Dia boleh jadikan semua di atas bumi ini beriman. Adakah kamu ingin memaksa manusia sehingga dia beriman? Sedangkan tidak akan beriman seseorang itu kecuali dengan izin Allah. Dan akan dicampakkan kehinaan ke atas mereka yang tidak berakal/berfikir."

Ayat-ayat ini adalah bermaksud umum. Termasuk di dalamnya adalah sikap yang sepatutnya diamalkan terhadap orang bukan Islam termasuk golongan Ateis sekalipun. Al-Quran menjelaskan di dalam ayat tersebut bahawa tidak boleh dipaksa seseorang untuk percaya. Sambil itu yang tidak menggunakan akal akan terhina. Ini adalah kerana akal boleh membawa seseorang untuk mengenali alam dan Penciptanya. Dan yang tidak percaya hakikatnya tidak memanfaatkan akal mereka.

Ayat 101 seterusnya menjelaskan bagaimana alam semesta itu sendiri adalah petanda dan bukti akan kewujudan Allah.

"Katakan (kepada mereka

LAUT
BUDI
TEPIAN
AKAL

KHALID SAMAD



wahai Muhammad); "Fikirkan tentang apa yang ada di langit dan di bumi. Namun tanda-tanda atau bukti dan amaran serta peringatan tidak memanfaatkan orang-orang yang tidak beriman."

Saya teringat satu ketika dahulu apabila Almarhum Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat dijemput berucap dalam seminar berhubung penjagaan alam sekitar. Almarhum diberi teks ucapan yang disediakan oleh pejabatnya. Tetapi Almarhum meletak ke tepi teks ucapan tersebut dan berkata, "Teks ada, tetapi saya tak nak baca teks. Saya nak berucap atas fahaman saya sendiri selama ini. Alam sekitar ini wajib kita jaga kerana ianya adalah ayat atau bukti utama kewujudan Allah. Antara yang pertama yang saya belajar dalam ilmu Tauhid adalah alam semesta adalah petunjuk yang nyata bahawa Allah wujud. Pepatah Arab menyebut kalau ada tanda tapak unta di padang pasir, ianya bukti unta itu ada. Begitu juga alam ini adalah bukti ada Penciptanya iaitu Allah".

Fahaman Ateis ini sebenarnya bukan baharu. Malahan pernah wujud pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan sebelum dari itu. Al-Quran membahaskannya dengan menyeru kepada manusia untuk melihat dan memikirkan mengenai kejadian alam dan segala di dalamnya. Turut disebut adalah ciptaan unta.

Kisah para ulama Islam berdebat dengan Ateis pada zaman lampau turut menghiasi lembaran sejarah umat Islam. Kisah Imam Ahmad bin Hambal dan Imam Abu Hanifah berdebat dengan Ateis pada zaman mereka adalah antara kisah yang termasyhur. Yang hairannya tidak pula mereka menuntut golongan ini terus dipenjarakan atau dihala keluar negara atau dikenakan Akta Hasutan. Sebaliknya diujahnya dengan cara masing-masing sehingga tumpas golongan Ateis. Imam Al-Ghazali juga masyhur dengan hujahannya menghadapi golongan falsafah. Ini semua bukti bahawa

“ Kenyataan Hanipa pula diputar-belit kononnya dia menyokong disebarkan fahaman Ateis di kalangan orang Islam! Sedangkan golongan Ateis yang dimaksudkan YB Hanipa adalah yang di kalangan bukan Islam kerana tidak mungkin adanya Ateis yang beragama Islam!”

fahaman dan pegangan perlu dihadapi secara ilmiah dan berhujah bukan dengan ugutan dan kekerasan.

Mungkin Asyraf Wajdi menganggap kemampuan para ulama kita sudah tidak seperti dahulu. Atau dianggapnya lagi mudah untuk dijawab dengan ugutan dan kekerasan. Tetapi tidakkah sepatutnya persoalan keraguan yang dibisikkan syaitan ke hati manusia mengenai kewujudan Allah dijawab secara ilmiah oleh para ulama? Begitu lemah keyakinan Asyraf Wajdi terhadap kemampuan ulama dewasa ini sehingga hanya mampu menggunakan hujah perlembagaan untuk menyangkal fahaman Ateis.

Bangkit YB Hanipa Maidin (Sepang) untuk menyanggah tafsiran Asyraf Wajdi berhubung perlembagaan. Kononnya 'freedom of religion' tidak bererti 'freedom from religion' dan oleh itu golongan Ateis ini menyala perlembagaan. YB Hanipa memberikan tafsiran sebaliknya dengan mengatakan fahaman Ateis itu juga adalah suatu kepercayaan dan oleh itu boleh juga dianggap sebagai satu agama. Oleh itu kewujudan mereka di negara ini tidak menyalahi perlembagaan dan mereka berhak mendapat segala hak sebagai rakyat Malaysia.

Kenyataan Hanipa pula diputar-belit kononnya dia menyokong disebarkan fahaman Ateis di kalangan orang Islam! Sedangkan golongan Ateis yang dimaksudkan YB Hanipa adalah yang di kalangan bukan Islam kerana tidak mungkin adanya Ateis yang beragama Islam!

Isu yang dibawa YB Hanipa adalah berhubung kedudukan orang bukan Islam yang berfahaman Ateis di sisi perlembagaan. Bukan soal penyebaran fahaman Ateis di kalangan orang Islam. Usaha menyebarkan fahaman Ateis kepada orang Islam semestinya

bercanggah dengan perlembagaan kerana tidak dibenarkan penyebaran agama lain selain Islam di kalangan orang Islam. Dan fahaman Ateis adalah agama yang selain dari Islam.

Ada yang kata Ateis bukan agama tetapi 'fahaman' atau 'dogma' atau 'falsafah'. Itu semua hanya istilah tetapi hakikatnya agama adalah kepercayaan mengenai Tuhan, sama ada esa atau ramai, sama ada ada atau tidak, sama ada mempunyai anak atau tidak dan sebagainya. Dengan ditakrifkan fahaman Ateis sebagai agama maka ianya tidak boleh disebarkan di kalangan umat Islam.

Ada yang jawab dengan mengatakan enakmen Negeri dah sebut mengenai larangan penyebaran doktrin dan ajaran yang bercanggah dengan Islam maka tidak perlu dikatakan Ateis sebagai agama untuk melarang penyebarannya di kalangan umat Islam. Ini boleh menimbulkan perbahasan sama ada enakmen tersebut bercanggah dengan Perlembagaan. Tetapi sekiranya ditakrifkan semua itu sebagai agama, maka dengan sendirinya tidak akan wujud percanggahan antara enakmen Negeri dengan Perlembagaan Persekutuan.

Ada pula muncul 'mamat Umno' yang berhujah umat Islam mempunyai izzah dan dengan itu tidak perlu diberi muka kepada golongan Ateis. Yang menggunakan hujah ini rasa saya tidak memahami hujahnya sendiri. Izzah umat Islam adalah atas sebab akidah dan akhlak mereka. Apabila akhlak sudah hilang dengan bergelungnya pemimpin Islam dengan rasuah dan penyelewengan, di mana hak kita untuk bercakap mengenai izzah umat Islam? Memalukan umat Islam bolehlah kot...

Saya sendiri telah menyebut bahawa sikap sebahagian umat Islam memperalatkan agama

Islam demi mempertahankan kezaliman dan penyelewengan menyumbang kepada mula bertapaknya fahaman Ateis di kalangan umat Islam. Golongan yang jahil agama di kalangan umat Islam akan merumuskan bahawa agama hanya alat untuk mempertahankan golongan berkuasa.

Ini antara apa yang telah berlaku di dunia Barat sehingga tercetusnya zaman reformasi Barat di mana agama ditolak dan mula berpengaruh fahaman sekular dan komunis. Mula muncul kata-kata seperti yang dikatakan Karl Marx bahawa "agama adalah candu masyarakat" dan sebagainya.

Persoalan ini juga saya sandarkan kepada ayat 94 Surah An-Nahl yang saya bacakan semasa perbahasan Bajet 2018. Ia bermaksud;

"Dan janganlah kamu jadikan janji-janji yang kamu meteraikan antara kamu sebagai bahan permainan. Nescaya akan tergelincir kaki kamu setelah berdiri tegap. Akan kamu dicampakkan dengan kehinaan. Kerana kamu menjadi penghalang bagi manusia lain dari datang ke jalan Allah. Dan untuk kamu seksaan yang pedih."

Antara pengajaran dari ayat ini adalah akhlak buruk umat Islam boleh menjadi penghalang kepada orang lain supaya beriman kepada Allah. Semestinya termasuk juga yang jahil di kalangan orang Islam.

KESIMPULAN

Selain dari mengemukakan hujah dalam menangani masalah tersebutnya fahaman Ateis di kalangan orang Islam (khususnya yang muda), umat Islam sendiri kena ikhlas dalam beragama.

Biar dilihat atas tuntutan agama maka umat Islam bangun menentang kezaliman dan rasuah, bukan membelanya. Dengan itu akan terserlah hakikat bahawa agama Islam itu adalah pembawa rahmat kepada manusia dan ianya dari Allah SWT, bukan ciptaan golongan berkuasa untuk mempertahankan jawatan dan kedudukan mereka.

Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional.

AMANAHAH Bukit Katil akan pastikan 4 Dun dikuasai Pakatan Harapan

DITUBUHKAN sejak awal penubuhan Parti Amanah Negara (AMANAHAH), bermula dengan GHB (Gerakan Harapan Baru) Kawasan Bukit Katil, AMANAHAH Bukit Katil kini bergerak lancar dan aktif melaksanakan pelbagai program dan pendekatan bagi memastikan Parlimen Bukit Katil dapat dikuasai oleh Pakatan Harapan (PH) dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Sewaktu ia ditubuhkan, lebih separuh Ahli Jawatankuasa Kerja Pas Kawasan Bukit Katil sesi 2015/2017 menyertai AMANAHAH termasuk Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Setiausaha, Ketua Pemuda, Ketua Muslimat dan beberapa ahli jawatankuasa.

Demikian kata ketuanya, Mohd Sofi Abdul Wahab sewaktu dihubungi.

"Bukit Katil menjadi tempat tertubuhnya AMANAHAH Negeri Melaka di sebuah pejabat yang dipunyai Ketua Kawasan AMANAHAH Bukit Katil sekarang," katanya.

Pejabat AMANAHAH Kawasan dan Pusat Peduli Rakyat Kawasan Bukit Katil terletak di Graha AMANAHAH Melaka di Bukit Katil.

Kata Sofi lagi, AMANAHAH Kawasan Bukit Katil akan berusaha sedaya upaya memastikan empat Dun dalam Parlimen Bukit Katil iaitu Bukit Baru, Ayer Molek, Bachang dan Ayer Keroh dimenangi PH pada PRU14

FOKUS KAWASAN Bukit Katil

nanti.

"Sekarang ini tiga daripada empat Dun telah dikuasai pembangkang iaitu 3 DAP dan 1 Pas. AMANAHAH dijangka bertanding mewakili PH sekurang-kurangnya di 1 Dun," katanya lagi.

Setakat ini katanya, pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan oleh AMANAHAH Bukit Katil bagi merealisasikan misi menawan Parlimen Bukit Katil dalam PRU nanti.

Antara program dan aktiviti yang dilaksanakan adalah misi bantuan banjir ke Pulau Pinang.

AMANAHAH kawasan juga melaksanakan program tarbiah seperti Tanweer Bulanan oleh Ustaz Wan Ji Wan Hussin dan Ustaz Uda Kassim, Tanweer dwibulanan di kalangan AJK Kawasan, program tazkirah mingguan di Madrasah Al Bayan dan Ihya Ramadan.

"Kami juga menubuhkan tadika Islam Cilik Al Fateh pada 2016 dan satu lagi pada 2018," katanya.

Bagi membantu masyarakat yang kurang berkemampuan, Pasar Peduli Rakyat dengan kerjasama Awan kawasan dan negeri dilaksanakan secara berkala manakala program zi-



Membantu mangsa banjir Bukit Baru membersihkan kediaman mereka.



Sofi Abdul Wahab



Zuraidah Hasnon



Bakrin Sidek



Mohd Yani Ismail



Ronsome Ho



Ab Rahim Idris



Alimat Abu

arah peduli dan ziarah turun padang diadakan secara berterusan.

Program Kembali ke Sekolah pula dianjurkan bagi membantu keluarga yang kurang berkemampuan membuat persiapan anak-anak ke sesi baru persekolahan.

Untuk melebarkan pengaruh AMANAHAH di kalangan penduduk, ujar beliau program dialog bersama penduduk tempatan dan ceramah politik berkala turut diadakan.

Sebagai persiapan menghadapi PRU, AMANAHAH Bukit Katil, jelas Sofi mengadakan tinjauan kecender-

ungan pengundi dan berkempen secara berterusan.

Untuk memanfaatkan media sosial khususnya bagi capaian golongan muda, AMANAHAH Kawasan juga mempunyai laman Facebook dan blog, katanya.




Aktivis Awan Bukit Katil pada Program Peduli Rakyat.



AMANAHAH Bukit Katil menyantuni pelbagai segmen masyarakat.

Tokoh agama yakin masa depan yang gemilang buat AMANAH



Mujahid menghadiahkan senaskah Buku Perlembagaan AMANAH kepada Dato' Syeikh Mohamad Noor.

NAIB Presiden AMANAH, Dato' Dr Mujahid Yusof Rawa baru-baru ini telah melawat Bekas Pengarah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK), Dato' Syeikh Mohamad Noor Mansur Al-Hafiz kediamannya.

Lawatan tersebut turut disertai oleh Pengerusi AMANAH Perak, Asmuni Awi serta pimpinan AMANAH Kawasan Tambun.

Mohamad Noor yang juga Pengerusi Persatuan Ulama Malaysia cawangan Perak kini keuzuran akibat serangan angin ahmar sejak beberapa tahun lalu.

Dalam pertemuan tersebut, pimpinan AMANAH telah bertukar-tukar fikiran dan pendapat tentang perkembangan politik di negara ini dengan tokoh tersebut.

Selain pernah menjawat jawatan penting dalam masyarakat seperti Imam Besar Masjid Sultan Idris Shah Ipoh, beliau juga pernah bertanding mewakili parti Pas di parlimen Parit pada tahun 1986.

Ternyata ketokohan dan ketajaman minda beliau khususnya berkaitan kementul politik negara tidak dapat disangkal malahan berkeyakinan masa depan yang gemilang buat AMANAH.

Sebelum ini, dalam satu pertemuan dengan Penasihat Umum AMANAH Ustaz Ahmad Awang, Mohamad Noor telah menulis satu surat bahawa beliau berjanji untuk bergerak aktif dalam AMANAH sekiranya beliau sihat.

Wanita Pakatan Harapan Perlis dilancar



KANGAR: Satu lagi titik sejarah dirakam apabila jentera Wanita Pakatan Harapan (PH) Negeri Perlis dilancarkan secara rasmi pada 1 Dis lalu.

Majlis pelancaran disempurnakan Timbalan Ketua Wanita PH merangkap Ketua Wanita DAP, Chong Eng.

Majlis berlangsung di sebuah hotel dekat sini dan dihadiri wakil sayap wanita empat parti gabungan PH.

Majlis pelancaran turut dihadiri Pengerusi AMANAH Perlis yang juga timbalan Pengerusi PH Perlis Wan Kharizal Wan Khazim serta Pengerusi DAP Kedah Tan Kok Yew.

Bantuan pasca banjir AMANAH Perak



Pemuda AMANAH menjadi pasukan tulang belakang dalam operasi mencuci rumah mangsa banjir.

LUMUT: Banjir yang melanda beberapa kampung di daerah ini mendorong aktivis AMANAH menyingsing lengan memberikan bantuan.

Walaupun masih dalam keletihan selepas membantu mangsa-mangsa banjir di Pulau Pinang, aktivis AMANAH kawasan dan negeri meneruskan usaha murni meringankan beban mangsa-mangsa banjir di kawasan terbabit.

Selepas banjir surut, operasi mencuci rumah mangsa banjir dijalankan AMANAH Perak.

Operasi mencuci rumah mangsa banjir ini membabitkan Kampung Padang Tembak di Lumut, Kampung Batu 3, Batu 4 dan Batu 5 di Segari, Kampung Parit Marikan, Kampung Pantai Tin, Kampung Tebuk Yan dan Taman Pantai Wang di Pantai Remis.



Mengalihkan peralatan rumah mangsa banjir sebelum kerja-kerja mencuci dijalankan.

PROMOSI TERBARU!!

JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH

SERENDAH (SATU MUKA)

RM 500

TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG

APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar AMANAH setiap keluaran.

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:

01132334322 (EN HAKIM)



Wanita PH cadang banci Khas kawasan terlibat banjir

PP18978/03/2016(034450)

WAKTU SOLAT
BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
10.12.2017	5:37	5:47	7:07	13:09	16:31	19:05	20:20
11.12.2017	5:38	5:48	7:07	13:09	16:32	19:05	20:20
12.12.2017	5:38	5:48	7:08	13:10	16:32	19:06	20:21
13.12.2017	5:38	5:48	7:08	13:10	16:33	19:06	20:21
14.12.2017	5:39	5:49	7:09	13:11	16:33	19:07	20:22
15.12.2017	5:39	5:49	7:09	13:11	16:34	19:07	20:22
16.12.2017	5:40	5:50	7:10	13:12	16:34	19:08	20:23

Amanah

BIL 80 | 10 - 16 DISEMBER 2017

RETREAT atau pemu- kiman pimpinan utama Pakatan Harapan 1 dan 2 Disember lalu memperli- hatkan kesepaduan semua pimpinan ke empat-empat parti gabungannya menjelang pilihan raya umum ke 14.

Kesemua mereka ber- himpun dan berbincang secara hati ke hati dengan menyatakan segala pan- dangan dengan penuh keterbukaan.

Persiapan PRU 14 adalah agenda mereka untuk menetapkan for- mula terbaik bagi memen- anggi pilihan raya itu seterusnya menubuhkan kerajaan baru di negara ini yang selama ini dipimpin oleh Umno.

PERPADUAN PH DI PEMUKIMAN

Kesemua pimpinan utama dari PKR, DAP, AMANAH dan Bersatu bergambar kenangan selepas selesai Retreat PH 2017.



Tweet yang dibuat Sheila Majid menarik perhatian ramai termasuk Tun Dr Mahathir.



Sheila Majid @SheilaMajid
Food is expensive, ringgit is weak, cost of living is high & jobs are scarce. Msians are becoming tired & angry for being squeezed over debts we did not create. Stop making excuses & looking for faults. Focus on the job of getting our country back on track! 🇲🇾 Disappointing!!

Makanan mahal, ringgit lemah

SATU persatu ikon dan artis popular negara bangun menyatakan kekesalan dengan apa yang dilakukan oleh pemimpin Umno

terhadap negara ini. Terbaru Datuk Sheila Majid apabila beliau mengkritik suasana yang berlaku dalam negara ini melalui Twitternya

5 Disember lepas dengan berkata, makanan sekarang mahal manakala nilai ringgit pula lemah menyebabkan rakyat letih dan marah.

Laporan penuh muka 2

Natural Safe Effective

SABUN MANJAKANI KAPSUL MANJAKANI

OTHER PRODUCTS:

- HANDMADE
- NO HARMFUL CHEMICALS
- PARABEN FREE
- HALAL

SOAPS
BODYSKRUBS
SERUMS
DEODORANT
SUNSCREEN
TEA SUPPLEMENTS

DR. OLIVE BODY CARE

Contact Info:
TEL: +6013 754 9335
EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare